

PELAKSANAAN KELAS PEMULIHAN BAHASA MELAYU  
DALAM KEMAHIRAN LITERASI MEMBACA DI SEKOLAH JENIS  
KEBANGSAAN TAMIL DI SELANGOR

LEKA A/P SENDEREPRAKASAM

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

PELAKSANAAN KELAS PEMULIHAN BAHASA MELAYU DALAM KEMAHIRAN  
LITERASI MEMBACA DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DI SELANGOR

LEKA A/P SENDEREPRAKASAM

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN BAHASA DAN LITERASI)

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2019

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: LEKA A/P SENDEREPRAKASAM

No. Matrik: PGR 130006

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN BAHASA )

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**PELAKSANAAN KELAS PEMULIHAN BAHASA MELAYU  
DALAM KEMAHIRAN LITERASI MEMBACA DI SEKOLAH JENIS  
KEBANGSAAN TAMIL DI SELANGOR**

Bidang Penyelidikan: PENDIDIKAN BAHASA

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu Dalam Kemahiran Literasi Membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Selangor. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemahaman dan persepsi guru terhadap Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca serta menganalisis perbezaan antara Kaedah dan strategi dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan dalam Kemahiran Literasi Membaca Bahasa Melayu oleh Guru-guru KPBM mengikut latar belakang sosial. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan menentukan sokongan daripada KPM, Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Kemahiran Literasi membaca Bahasa Melayu. Pengkaji juga ingin mengetahui masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca dan akhirnya mendapatkan cadangan untuk mengatasi masalah dalam kelas pemulihan Bahasa Melayu di SJKT. Responden kajian adalah seramai 60 orang guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang dipilih secara persampelan rawak dari 5 daerah, iaitu Petaling Perdana, Petaling Utama, Klang, Hulu Langat dan Gombak bagi pengumpulan data, instrumen seperti borang soal selidik telah digunakan. Kesahan soal selidik adalah berdasarkan penilaian beberapa orang pakar manakala kebolehpercayaannya pula diperolehi melalui kajian rintis yang dijalankan di mana nilai Cronbach Alpha ialah 0.915. Hasil kajian mendapati bahawa pemahaman dan persepsi guru terhadap Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi membaca adalah sangat tinggi. Ujian Ujian-U Mann-Whitney dan Kruskal-Wallis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan

Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi membaca mengikut jantina, bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar. Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa sokongan utama yang diperolehi oleh para responden daripada KPM, Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah yang dapat membantu pdp guru dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi membaca adalah sangat tinggi, manakala masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan dalam Kemahiran Literasi membaca Bahasa Melayu adalah sederhana tinggi. Para responden memberi pelbagai cadangan untuk mengatasi masalah pelaksanaan KPBM. Oleh itu, semua pihak harus bekerjasama dengan pihak guru untuk memastikan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dilaksanakan dengan berjaya.

Kata kunci: Guru SJKT, kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam literasi membaca, kaedah, sokongan, masalah, cadangan.

**IMPLEMENTATION OF MALAY LANGUAGE REMEDIAL CLASSES IN  
READING LITERACY SKILLS AT TAMIL NATIONAL TYPE SCHOOLS  
IN SELANGOR**

**ABSTRACT**

This study focuses on the Implementation of Malay Language Remedial Classes in Reading Literacy Skills at Tamil National Type Schools in Selangor. The purpose of this study is to identify teachers' perceptions and perceptions on the implementation of Malay Language Recovery Classes in reading literacy skills and to analyze the differences between the methods and strategies in the Implementation of the Remedial Class in Literacy Skills in Malay Language by MDB teachers according to social background. This study was also aimed at determining the support of KPM, Education Department and the school in the implementation of the Remedial Class in Reading Literacy Skills by the Malay language. Researcher also want to explore the problems in the implementation of Malay Language Remedial Class in Reading Literacy Skills and finally get the suggestions to overcome the problems in the classes. The population involved in this study composed of 60 Tamil Language Schools Tamil Language teachers who were selected randomly from five districts namely Petaling Perdana, Petaling Utama, Klang, Hulu Langat dan Gombak For data collection, instruments such as questionnaires have been used. The validity of the questionnaire was based on the assessment of some experts while its reliability was obtained through a pilot study conducted where the value of Cronboach Alphanya was 0.915. The findings showed that teachers' understanding and perception towards the implementation of the Malay Language Remedial Class in Reading Literacy Skills was very high The Mann-Whitney and Kruskall-Wallis U-Test Tests showed that there were no significant differences between the methods and the strategies

used by the teachers of KPBM in Implementation of Malay Language Remedial Classes in Reading Literacy Skills by gender, specialization and teaching experiences. Furthermore, the findings showed that the main support gained by the respondents from the Education Department, MOE and the schools that can help teachers in the implementation of Malay Language Remedial Classes in Reading Literacy Skills was very high while the problem faced by the teachers in implementation of Malay Language Remedial Class in Reading Literacy Skills of was moderate High. Respondents gave various suggestions to overcome the problem of implementation of KPBM. Therefore, all parties should work with the teachers to ensure that the Malay Language Remedial Class is implemented successfully.

Key words: SJKT teacher, Malay remedial class in reading literacy skills, methods, support, problems, suggestions.

## PENGHARGAAN

Pengkaji syukur kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian disertasi yang bertajuk **‘Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran Literasi Membaca Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Selangor’** sebagai melengkapkan keperluan Ijazah Sarjana Pendidikan dalam bidang Pendidikan Bahasa dan Literasi di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pengkaji juga bersyukur kerana berjaya mengatasi pelbagai masalah yang menjadi penghalang untuk menyiapkan kajian disertasi ini. Sepanjang saya melaksanakan kajian ini, saya telah mendapat bantuan serta sokongan moral daripada pensyarah saya, kawan-kawan seperjuangan saya dan juga ahli keluarga saya yang tercinta.

Pengkaji ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang bertauliah iaitu Dr. Chew Fong Peng yang sudi membimbing tentang selok belok kajian dalam penyelidikan dan membantu saya dalam melaksanakan kajian saya ini. Pengkaji amat bertuah kerana mendapat seorang pensyarah yang begitu berdedikasi, sabar dan bertanggungjawab dalam mendidik saya dan rakan-rakan yang lain. Saya juga ingin sampaikan terima kasih kepada para panel penilai Universiti Malaya yang sudi menyumbang masa mereka demi kajian disertasi pengkaji.

Pengkaji ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dekan Fakulti Pendidikan, Ketua Bahasa dan Literasi, Universiti Malaya yang sudi memberi peluang kepada pengkaji untuk melanjutkan Pendidikan di peringkat sarjana dalam bidang Pendidikan Bahasa dan Literasi.

Pengkaji juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya yang memberikan sokongan moral dalam melaksanakan kajian ini.



Akhirnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada staf-staf di perpustakaan utama dan perpustakaan pendidikan kerana sudi menghulurkan bantuan apabila saya perlukan dengan sabar.

Sekian, terima kasih.

Leka A/P Sendereprakasam  
Sarjana Pendidikan Bahasa dan Literasi  
Fakulti Pendidikan Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
2019

Universiti Malaya

## SENARAI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan .....	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	vi
Senarai Kandungan .....	viii
Senarai Rajah .....	xi
Senarai Jadual .....	xii
Senarai Simbol Dan Ringkasan .....	xiv
Senarai Lampiran.....	xv

### BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Rasional Kajian .....	8
1.4 Pernyataan Masalah.....	10
1.5 Objektif Kajian .....	18
1.5 Soalan kajian .....	19
1.6 Kepentingan Kajian.....	19
1.7 Limitasi Kajian.....	21
1.8 Definisi Operasional.....	22
1.8.1 Bacaan .....	22
1.8.2 Kemahiran Membaca.....	23
1.8.3 Literasi Membaca .....	24
1.8.4 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil .....	24
1.8.5 Guru Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.....	25
1.8.6 Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	25
1.9 Kerangka Konseptual Kajian .....	26
1.10 Prosedur pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	27
1.11 Objektif Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.....	28
1.12 Matlamat Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.....	28
1.13 Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	28
1.14 Jadual Waktu Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	29

1.15	Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	30
1.16	Carta Alir Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	31
1.17	Kesimpulan.....	33

## BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan .....	34
2.2	Kerangka Teori Kajian .....	41
2.2	Kajian Lepas.....	45
2.2.1	Kajian Lepas dalam Negara.....	45
2.2.1.1	Kemahiran Membaca.....	45
2.2.1.2	Masalah Membaca.....	50
2.2.1.3	Penguasaan membaca.....	59
2.2.1.4	Kesediaan Membaca.....	78
2.2.2	Kajian Lepas Luar Negara.....	83
2.2.2.1	Kemahiran Membaca.....	83
2.2.2.2	Masalah Membaca.....	86
2.2.2.3	Penguasaan membaca.....	89
2.2.2.4	Kesediaan membaca .....	91
2.3	Kesimpulan.....	95

## BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan .....	98
3.2	Reka Bentuk Kajian .....	99
3.3	Lokasi Kajian .....	100
3.4	Populasi dan Sampel Kajian.....	102
3.5	Instrumen Kajian .....	103
3.4.1	Item Soal Selidik .....	105
3.4.2	Pembahagian Item Soal Selidik.....	105
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	107
3.5.1	Kesahan .....	108
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen .....	110
3.6	Pengumpulan Data .....	112
3.7	Analisis Data .....	114
3.8	Kesimpulan.....	114

## BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan .....	116
4.2	Kenormalan Data.....	116
	4.2.1 Kenormalan Data Latar Belakang Responden Guru .....	116
4.3	Kenormalan Data Soal selidik.....	118
4.4	Profil Responden Kajian .....	118
4.5	Profil Responden Gred Purata Pelajar.....	123
4.6	Dapatan Kajian .....	123
4.7	Kesimpulan.....	140

## BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan .....	141
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian .....	142
5.3	Dapatan Kajian .....	143
	5.3.1 Pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. ....	143
	5.3.2 Perbezaan antara kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca mengikut .....	145
	5.3.3 Sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah untuk membantu pengajaran dan pembelajaran guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.....	147
	5.3.4 Masalah-masalah dalam pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. ....	148
	5.3.5 Cara-cara untuk mengatasi masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.....	150
5.4	Implikasi Hasil Kajian.....	151
	RUJUKAN.....	157
	LAMPIRAN.....	162

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian.....	26
Rajah 1.2 Objektif Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	27
Rajah 1.3 Carta Alir Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu .....	31
Rajah 2.1 Teori-Teori Kemahiran Literasi Membaca.....	37
Rajah 2.2 Kerangka Teori Kajian .....	41

Universiti Malaysia

## SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Agihan waktu mengajar .....	29
Jadual 3.1 Analisis Keputusan UPSR SJKT Di Malaysia .....	101
Jadual 3.2 Pakar- pakar yang Mengesahkan Instrumen Kajian .....	109
Jadual 3.3 Prosedur Pelaksanaan Pengumpulan Data .....	113
Jadual 4.1 Kenormalan Data Latar Belakang Responden Guru.....	117
Jadual 4.2 Kenormalan Data untuk Soal selidik .....	118
Jadual 4.3 Profil Responden Guru .....	119
Jadual 4.4 Gred Purata Pelajar dalam Ujian Bahasa Melayu Pepeiksaan.....	123
Jadual 4.5 Skor Purata dan Interpretasi Min .....	124
Jadual 4.6 Statistik Deskriptif Pemahaman dan Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca. ....	124
Jadual 4.7 Analisis Deskriptif Kaedah dan strategi yang digunakan oleh Guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca Mengikut Jantina.....	127
Jadual 4.8 Keputusan Analisis Ujian-U Mann-Whitney antara Kaedah pengajaran dan Jantina .....	128
Jadual 4.9 Analisis Deskriptif Kaedah dan strategi yang Digunakan oleh Guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca Mengikut Bidang Pengkhususan.....	128
Jadual 4.10 Keputusan Analisis Ujian-U Mann-Whitney antara Kaedah pengajaran dan Pengkhususan.....	129
Jadual 4.11 Analisis Deskriptif Kaedah dan strategi yang digunakan oleh Guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca Mengikut Pengalaman Mengajar. ....	130
Jadual 4.12 Keputusan Analisis Kruskal-Wallis antara Kaedah pengajaran dan Pengalaman Mengajar.....	130
Jadual 4.13 Analisis Deskriptif Sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan Pihak sekolah dapat Membantu Pdp Guru dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca. ....	131

Jadual 4.14 Masalah dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca ..... 134

Jadual 4.15 Cara-cara untuk Mengatasi Masalah dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil..... 138

Universiti Malaya

## SENARAI SIMBOL DAN RINGKASAN

KPBM	:	Kelas Pemulihan Bahasa Melayu
KSSR	:	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
BM	:	Bahasa Melayu
UPSR	:	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
KPLI	:	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
PDP	:	Pengajaran dan Pembelajaran
LINUS	:	Literasi dan Numerasi
SJKT	:	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	:	Jabatan Pendidikan Negeri
KPLI	:	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
BPK	:	Bahagian Pembangunan Kurikulum
MBMMBI	:	Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
SPSS	:	Statistical Package for Social Studies
PPD	:	Pejabat Pendidikan Daerah
PIPP	:	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SKT:	:	Sasaran Kerja Tahunan
PPPM	:	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
BPPDP	:	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KMIM	:	Kem Membaca 1 Malaysia
NKRA	:	National Key Result Area
SKM	:	Sekolah Kurang Murid



## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A – Surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	162
Lampiran B – Menyemak Instrumen Kajian.....	164
Lampiran C – Soal Selidik Kajian .....	168

Universiti Malaya

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan merupakan sesuatu yang dinamik. Pencarian kualiti pendidikan bukanlah suatu yang mudah. Ia disulitkan lagi dengan pelbagai isu dan cabaran yang sentiasa menerjah dalam pelbagai bentuk dan arah. Keadaan ini pastinya menuntut para murid, pendidik dan pentadbir supaya sentiasa sedar dan bersedia untuk berdepan dengan beberapa perkara yang datang dari masa ke semasa. Hanya dengan ini matlamat asal pendidikan dapat dicapai dengan cemerlang.

Peranan tenaga pengajar dalam pengajaran memang mencabar kerana para guru memberi pengetahuan Pendidikan yang dipelajari untuk melahirkan murid yang cemerlang. Terdapat juga pelbagai tugas yang perlu ditanggung oleh guru di luar waktu pengajaran. Tanggungjawab guru agak berat kerana terdapat pelbagai projek-projek lain yang harus dilaksanakan tanpa sebarang latihan yang sewajarnya.

Setiap warga pendidik harus peka terhadap kepentingan kemahiran membaca. Buku teks yang digunakan di sekolah hanya boleh digunakan sebagai rujukan bagi melaksanakan aktiviti membaca. Guru juga harus mengetahui masa yang perlu diperuntukkan bagi murid-murid untuk merenung teks serta menghayati kemahiran membaca. Di dalam bilik darjah pula, guru-guru tidak mementingkan aktiviti membaca malah mereka tumpukan perhatian yang lebih kepada kemahiran menulis dan aspek tatabahasa. Kemahiran membaca ini akan diabaikan sepenuhnya jika aktiviti membaca diambil remeh dan tidak begitu penting oleh guru-guru. Sikap mengabaikan kemahiran membaca akan melahirkan anak murid yang akan mengalami kerumitan.

Berdasarkan Nor Laila Bt Kuslan (2014) penyelidikan-penyelidikan yang menceburi bidang linguistik, pemeraksanaan serta ketrampilan membaca oleh kanak-kanak adalah satu proses paling penting. Cara murid-murid menguasai sesuatu kemahiran merupakan sesuatu yang mencabar serta agak sukar untuk dibuktikan caranya. Para pengkaji daripada bidang disiplin yang berlainan telah mengemukakan pelbagai teori bagi menerangkan cara-cara pemeraksanaan bahasa yang sedang dilakukan untuk murid-murid.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pengkaji menjalankan kajian di atas kewajaran yang sering ditimbulkan oleh para guru Tahun Empat Bahasa Melayu di sekolah-sekolah Tamil . Pendidik yang melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan bahasa di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil seringkali merungut dan mengeluh ekoran masih ramai kanak-kanak tidak boleh membaca. Sepertimana yang kita sedia maklum, kemahiran membaca merupakan asas kepada penguasaan sesuatu bidang ilmu bukan sahaja Bahasa Melayu, malahan mencakupi mata pelajaran yang lain.

Akibatnya, keseluruhan prestasi sekolah terjejas hasil daripada masalah literasi dalam Bahasa Melayu ini. Dalam Tahun Empat, seharusnya murid telah pun menguasai kemahiran ini memandangkan murid-murid ini telahpun melalui saringan dan program LINUS ketika di Tahun Satu hingga Tahun Tiga. Kebolehan asas berbahasa ini mempunyai kepentingan yang sangat besar dan menjadi indikator kepada pencapaian seseorang pelajar di sekolah. Kemahiran asas bahasa boleh menjadi faktor penentu penguasaan pembelajaran dalam bidang ilmu yang lain. Maka, jelaslah menunjukkan anak murid yang dapat trampil dalam asas literasi yang

kukuh mampu mencapai kecemerlangan dalam matapelajaran yang lain, bukan sahaja Bahasa Melayu.

Sebagaimana matlamat program Kelas Pemulihan Bahasa Melayu iaitu mengetahui kekangan aktiviti membaca dan menulis yang menempuh murid dan cara penyelesaiannya, kajian ini juga dilihat mempunyai besar peri pentingnya tujuan memandangkan cabaran pengajaran dan pembelajaran pada hari ini yang semakin besar. Maka, kajian ini dapat diharapkan mampu menopang para pelajar bermasalah dalam penguasaan kemahiran membaca tidak ketinggalan dalam proses pembelajarannya dan seterusnya dapat menguasainya seiring dengan rakan-rakannya yang lain yang berada dalam kelas arus perdana. Mohd Zainal Dirin dalam Abdul Jalil Othman (2011) turut merungkai permasalahan ini yang berpunca daripada beberapa faktor seperti latar belakang sosial, status ,tempat tinggal, amalan dan budaya yang membawa kepada kelayuan pelajar untuk memperkaya keupayaan membaca dalam pembelajaran .

Disamping itu,, penguasaan literasi membaca dapat membantu para murid dalam memperkembangkan lagi proses pemikiran dan ideanya menerusi peningkatan daya kreativiti seseorang murid. Hal ini dapat dicapai melalui pengaplikasian kemahiran membaca. Maka, murid yang tidak boleh menguasai kemahiran ini dilihat sukar untuk mencapai proses pemikiran yang lebih tinggi. Malahan, kekangan ini juga menghalang seseorang murid daripada menimba ilmu pengetahuan daripada pelbagai sumber. Sepertimana yang telah kita sedia maklum, bahan bacaan yang boleh digunakan oleh murid bukan sahaja yang berupa bahan bercetak seperti buku-buku cerita, buku rujukan, majalah, surat khabar, mahupun ensiklopedia, malahan bahan bacaan kini berkembang kepada bacaan maya seperti bacaan di internet, e-buku, laman portal, dan sebagainya. Jadi, masalah literasi yang dihadapi akan

merencatkan seseorang murid dari mendapatkan ilmu tambahan melalui bahan bacaan, sebagaimana peribahasa Melayu yang menyatakan ‘Membaca Jambatan Ilmu’ mahupun ‘Membaca Jendela Dunia’.

Dalam era globalisasi ini, penguasaan dalam Bahasa Melayu amat dititikberatkan dalam dunia pendidikan. Ini dapat dibuktikan dengan pengeluaran konsep ‘Memartabat Bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris diperkukuhkan oleh Kementerian. Pengajaran bahasa amat penting untuk meningkatkan penguasaan asas dalam bahasa serta membolehkan murid menguasai Bahasa Melayu. Pengajaran Bahasa Melayu juga akan membolehkan murid menggunakan Bahasa yang dipelajari dalam komunikasi dengan berkesan secara lisan dan juga tulisan.

Sistem pendidikan di negara kita pula sedang diperkembangkan melalui dunia pendidikan dan menerusi sistem pendidikan pra sekolah. Menerusi sistem pendidikan ini,, murid-murid akan didedahkan dengan kemahiran membaca serta kemahiran membaca semakin ditekankan supaya kemahiran membaca dapat dikuasai. Literasi awal kepada kanak-kanak wajar ditekankan supaya mereka menguasai literasi tersebut sebelum memasuki tahun 1. Ia juga akan membantu seseorang murid untuk melancarkan pengajaran . Jika terdapat kanak-kanak mengalami kemusykilan semasa membaca maka golongan ini turut mengalami kekangan semasa mengikuti aktiviti pengajaran di sekolah . Mereka juga akan lambat dalam mempelajari huruf dan perkataan yang baharu dan ia akan menjadikan kanak-kanak takut dan hilang keyakinan untuk belajar. Literasi awal amat membantu kanak-kanak untuk belajar pada peringkat sekolah dengan baik. Kepentingan literasi ini juga dapat dilihat dalam sistem pendidikan yang merupakan aspek kedua penting yang menjadi keutamaan negara dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu usaha memperluaskan strategi baharu kepada sistem pelajaran yang bertaraf

tinggi dan berkebolehan. Melalui sub-NKRA ini, difahamkan literasi dan numerasi menjadi aspek penting dalam bidang pendidikan.

Kemahiran bacaan harus dikuasai oleh murid-murid. Hal ini kerana ia akan menjamin atau membantu mereka untuk mengikuti pembelajaran di sekolah dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka. Objektif utama membaca ialah untuk mendapatkan maksud kandungan yang dibaca. Menurut Gregory dan Cahill (2010), pemahaman merupakan satu langkah bagi memberikan maksud kepada teks. Mengikut pandangan mereka, murid-murid mewarisi ilmu sedia ada dalam akal fikiran. Mereka terlibat dalam suatu proses membina dan memberi makna kepada teks bacaan melalui pengetahuan yang sebelumnya dalam minda mereka. Ini akan mendorong murid membuat visual dalam minda berkenaan kronologi cerita serta membina penyerapan tentang teks bacaan.

Menurut Fuziati (2012), pelaksanaan program intensif bagi membantu kanak-kanak yang galus dalam kecekapan membaca sering berlaku dalam dunia pendidikan. Fenomena ini sedang diperhatikan oleh Kemaenterian Pendidikan di negara kita sejak dahulu hingga sekarang.

Hal ini demikian kerana penguasaan membaca adalah kemahiran asas dalam aktiviti pelajaran. Jika seseorang murid tidak mahir membaca makai a boleh mengakibatkan murid tersebut tidak berpeluang menerima Pendidikan yang betul serta kemahiran membaca mereka akan pupus makin hari. Selain daripada itu, peningkatan dan penurunan markah murid dalam ujian sekolah mahupun peperiksaan awam sering bergantung kepada penguasaan kemahiran membaca.

Objektif Kementerian Pendidikan merupakan bagi mencatat sifar membaca dalam kalangan murid-murid. Pelbagai projek membaca telah diperkenalkan di sekolah bagi melahirkan murid-murid yang mahir membaca. Pelbagai program

pemulihan Bahasa Melayu juga sedang diaplikasikan di sekolah oleh guru-guru bertauliah yang dilantik secara khas termasuk di sekolah kurang murid. Kementerian telah melancarkan agenda Linus pada Ogos 2009. Program ini diperkenalkan atas kegagalan program-program lain yang diperkenalkan sebelum ini. Program ini dirancang dengan lebih sistematik bagi memastikan semua murid menguasai literasi membaca. Pemantauan telah pun dilakukan di semua sekolah bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar. KPI untuk LINUS telah ditetapkan sebanyak 100% semasa murid menjejaki tahun 3. Apabila murid-murid masuk tahun 3 murid-murid wajib cekap dalam bacaan dan tulisan.

Di sekolah rendah, aktiviti membaca dan pemulihan amat dipentingkan serta diberi perhatian yang serius. Walaupun pelbagai program diperkenalkan, wujud lagi keadaan pelajar tidak berupaya membaca.

Jika kita lihat sekolah rendah, aktiviti membaca dan aktiviti pemulihan sering diutamakan. Walaubagaimanapun terdapat pelajar yang tidak ada kemampuan membaca. Pada tahap dua iaitu walaupun menjejak kaki ke tahun enam. Berdasarkan analisis yang diberikan oleh PISA peritus pencapaian murid-murid yang berada pada lingkungan umur 14 di negara kita tergolong dalam keadaan yang merisaukan.

Didapati sebanyak 78,495 murid thap 1 dan 2 terlibat dalam kelas pemulihan Bhasa Melayu. Kelas ini telah dilaksanakan pada 1999 dan didapati jumlah ini meningkat pada tahun 2000 iaitu seramai 86852 murid telah mengikuti kelas pemulihan ini. Jika dilihat data kementerian hanya sebilangan murid sahaja dapat diperbaiki tahap membacanya. Pada tahun 2001 seramai 115,377 murid tidak memiliki keupayaan dalam bacaan dan tulisan. Maklumat ini yang ditunjukkan oleh Bahagian sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia, Didapati juga 24,000 murid-murid tingkatan 1 tidak tahu membaca, menulis dan mengira. Kebanyakan

daripada mereka dari SJKT yang gagal dalam Bahasa Melayu dan ditolak ke kelas peralihan di sekolah menengah. Seramai 53,544 murid terlibat dalam aktiviti pemulihan di sekolah rendah dan hanya 28.801 masalah murid sahaja dapat dibaik pulih. Data yang diperolehi dari Malaysia Education Blueprint 2012-2025 Jumlah murid yang terdapat pada tahap pemulihan dalam menguasai membaca agak tinggi jika kita bandingkan dengan negara-negara lain.

Bertitik tolak daripada isu yang dinyatakan, berlaku permasalahan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil kini iaitu didapati terdapat juga murid yang tidak dapat membaca perkataan yang kecil seperti baju, meja dan lain-lain lagi. Masalah ini berkaitan dengan masalah penguasaan bahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia 2014). Hal ini tidak boleh dipandang enteng memandangkan bahasa sangat bermanfaat kepada kita serta telahpun menjadi alat bagi tujuan komunikasi. Kelas pemulihan adalah suatu plan strategik yang dibina khas bagi membimbing anak murid yang lemah dalam kemahiran Bahasa Melayu di sekolah.

Kementerian Pendidikan bersama beberapa pakar pendidikan telah mengambil langkah bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca ini. Mereka mahu setiap murid di Malaysia trampil dalam kemahiran membaca dan menulis. Langkah untuk memperbaiki keupayaan membaca wajar dilaksanakan sewaktu anak kecil berusia 4 hingga 5 tahun. Pada tahun 2014, Bidang Keberhasilan Utama Nasional menyeru agar setiap pelajar harus berupaya membaca dan menulis. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan lagi satu lagi program pemulihan iaitu Kelas Pemulihan Bahasa Melayu bagi membantu anak murid yang belajar di tahun empat hingga enam. Agenda ini merupakan perancangan dalam gelombang 1 plan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM)



2013-2025. Ia bertujuan bagi membolehkan murid-murid dapat membaca dengan lancar serta lulus dalam UPSR.

Kelas Pemulihan ini diperkenalkan bagi para murid yang tidak dapat lepas dalam saringan kedua LINUS. pada Tahun 3 serta kepada mereka yang kurang mahir dalam penguasaan membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam tahun 4,5 dan 6. Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dijalankan sebelum dan selepas tamat sekolah selama dua hingga lima jam dalam satu minggu. Aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan akan dijalankan di kelas yang dikhaskan. Kementerian berharap agar melalui program khas yang dikhaskan pada murid-murid tahap dua akan membasmi masalah penguasaan membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan. Bahasa Melayu wajar dikuasai oleh semua murid. Para guru harus berganding bahu dan bekerjasama bagi melancarkan semua program Bahasa dilaksanakan dengan baik dan lancar.

### **1.3 Rasional Kajian**

Membincangkan apakah tahap literasi membaca dalam Bahasa Melayu bagi murid di SJK (T) negara ini pastinya mencetuskan kebimbangan. Hal ini kerana sebenarnya terdapat murid sekolah rendah yang tidak mahir membaca. Sekiranya dilihat dari perspektif kemajuan pendidikan negara, kita seharusnya memiliki kadar literasi asas yang tinggi. Hal ini tidak dapat dicapai memandangkan masalah buta huruf yang semakin membimbangkan. Kemahiran asas berbahasa seperti membaca sewajarnya perlu dikuasai kerana apabila murid melangkah ke alam persekolahan menengah, pastinya masalah yang lebih besar akan timbul, iaitu masalah membaca ini masih wujud di kalangan murid di sekolah menengah dan menyebabkan masalah berlanjutan kepada lemahnya penguasaan tatabahasa murid-murid tersebut.

Menjadi sebuah negara membangun dan berpandangan tinggi ke arah mencapai wawasan 2020 kelak, kita sebenarnya perlu memikirkan masalah ini dengan lebih mendalam kerana status tersebut tidak mungkin dicapai sekiranya negara masih dibelenggu dengan masalah buta huruf yang semakin meningkat. Percaya atau tidak, sebenarnya masalah penguasaan literasi membaca dalam Bahasa Melayu yang acapkali dipandang enteng inilah yang akan merebak dan akan membawa impak yang besar dalam arus pendidikan negara, sekiranya tidak diatasi sedari awal. Malah, sekiranya perkara ini berlanjutan, pastilah imej negara akan tercalar di persada dunia.

Selain itu, masalah literasi membaca dalam Bahasa Melayu juga dilihat akan menjejaskan keseluruhan prestasi pembelajaran bagi seseorang murid yang buta huruf kerana kemahiran asas literasi perlu dikuasai sebelum menguasai kemahiran matapelajaran lain. Dengan hal sedemikian, adalah penting bagi kita mengkaji jalan terbaik menangani masalah ini dengan lebih efektif bagi memudahkan proses pembelajaran murid tersebut bagi mata pelajaran lain. Hal ini jelas dinyatakan oleh Yahya Othman (2005) iaitu kemahiran membaca dan pemahaman menjadi sangat penting dan perlu diberikan perhatian dan penekanan yang lebih kerana kemahiran asas seperti ini adalah penjana terhadap peningkatan ketrampilan berbahasa. Kemajuan murid boleh diteliti dengan menganalisis tahap mereka dalam ketrampilan membaca dan seterusnya memahaminya secara mendalam dan membimbing anak murid memperkaya ilmu serta menjadi pengguna ilmu yang baik.

Malahan juga, masalah literasi membaca dalam Bahasa Melayu berkenaan bukan membebankan para pendidik sekolah rendah semata-mata. Hal ini kerana guru di sekolah menengah turut terkesan daripada masalah literasi yang berlanjutan yang tidak dapat diatasi. Menurut Subadrah Madhawa Nair dalam artikelnya yang

bertajuk *'Literasi Bahasa Melayu dan Hubungannya dengan Pembelajaran dan Disiplin Pelajar di Dalam Kelas'*, apabila seseorang pelajar dari sekolah rendah memasuki alam persekolahan menengah, ketidakcekapan membaca dalam kalangan pelajar ini menjadi isu yang amat rumit terutamanya agak ketara di kalangan pelajar menengah rendah.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Menurut kajian Unit penataan dan pengkajian, Kementerian Pendidikan Malaysia(2001), terdapat banyak sebab yang menyebabkan kegagalan atau kemajuan sesuatu aktiviti pemulihan membaca . Guru yang tidak mempunyai kemahiran dalam menggunakan kaedah dan strategi yang menarik atau berkesan. Di samping itu, pengajaran berpusatkan guru juga menjejaskan pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut kerana ia sangat bergantung kepada buku-buku teks. Sikap guru yang saling bergantung kepada buku akan menyebabkan sesi pembelajaran menjadi bosan dan tidak memberangsangkan.

Memandangkan kini tiada sebarang kajian di Malaysia dibuat untuk mengkaji tentang pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran Literasi membaca di sekolah Tamil maka penyelidikan pengkaji bermatlamatkan memberi kesedaran warga pendidikan juga Kementerian Pelajaran tentang Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu khususnya dalam literasi membaca yang sedang dijalankan di seluruh SJK T di Malaysia akan tugas dan peranan, persepsi dan pemahaman guru, kaedah dan strategi yang digunakan, sokongan daripada pihak-pihak tertentu dan masalah dalam pelaksanaannya.

Penyelidikan ini, juga memberikan cadangan kepada warga pendidik Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi pendidikan tentang hasil atau respon yang didapati daripada sesuatu program yang diperkenalkannya. Tindakan yang lebih efektif patut diambil bagi pelaksanaan sesuatu program bahasa dalam menangani isu masalah membaca yang sedang dibincangkan di dada-dada akhbar.

Hal ini menyebabkan kebanyakan murid gagal membaca dan ekoran daripada hal ini, pihak Kementerian Pendidikan memperkenalkan pelbagai program pemulihan bagi menangani masalah ini. Beberapa program yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan ialah KIA 2M, LINUS dan kini Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. (KPBM)

Program Kelas Pemulihan Bahasa Melayu (KPBM) dilancar dan diperturunkan ke sekolah-sekolah Tamil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperoleh perkembangan dan peningkatan murid-murid tahap dua di Sekolah Jenis Kebangsaan menguasai kemahiran dalam literasi membaca dan menulis.

Pengkaji-pengkaji seperti Hasnalee Tubah (2012), Suzana Binti Abdullah (2013) dalam jurusan bacaan menyatakan bahawa cara yang sangat berkesan dan efektif diperlukan untuk mengatasi masalah membaca pada peringkat satu persekolahan. Jika sesuatu langkah yang berkesan tidak disarankan maka murid-murid yang mempunyai masalah membaca akan bergelumang dengan masalah ini seumur hidup. Program-program pemulihan seperti Kelas Pemulihan Bahasa Melayu akan dapat mengelakkan murid yang bermasalah membaca terus bergelumang dengan masalah membaca jika pelaksanaannya dilakukan dengan sistematik dan sewajarnya.

Para guru perlu memastikan kemahiran membaca pupus di kalangan murid-murid akibat daripada sikap ambil lewa dan remeh temeh oleh warga guru. Anne Muller dan Murtagh (2002). Daripada data yang diterima pada tahun 2000, seramai 877 juta penduduk di dunia didapati tidak mahir membaca. Bagi mengelakkan keadaan ini melahirkan warga buta huruf terytamanya dalam Bahasa Melayu program literasi dan numerasi telah dilancar dan dilaksanakan di dunia akan tetapi keputusannya masih berada pada tahap yang membimbangkan.

Menurut guru Bahasa Melayu tahap dua di sekolah tempat kajian rintis dijalankan, masalah utama yang dikesan dalam kelas tersebut ialah kebanyakan murid-murid yang ditempatkan di kelas tersebut mempunyai masalah membaca perkataan dengan betul. Masalah ini turut dilihat berdasarkan analisis yang pernah dijalankan oleh seorang penyelidik iaitu Abdillah Nurdin Asis (2009) terhadap murid-murid pemulihan khas, iaitu menerusi kertas kerjanya tentang bacaan perkataan tiga suku kata terbuka. Menurut penyelidik, Isu murid gagal membaca perkataan dan frasa akan menyukarkan kanak-kanak untuk baca perkataan dan frasa yang lebih sukar. Dengan ini mereka akan mengakibatkan mereka menjadi murid galus selama-selamanya.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada guru yang mengajar di kelas pemulihan, secara keseluruhannya menyatakan bahawa murid-murid yang ditempatkan di kelas tersebut mempunyai masalah dalam menguasai bacaan dengan sempurna. Kebanyakan murid-murid tersebut mampu mengenal huruf tetapi memerlukan masa yang agak lama untuk menyelesaikan latihan yang diberikan. Tambahan pula, penyelidikan yang dilakukan oleh Abu Basar (1998), didapati isu membaca sering boleh dilihat pada anak murid yang mempunyai masalah bacaan. Walaupun begitu, penyelidikan ini tidak memberi fokus kepada keupayaan membaca

murid-murid yang lemah tersebut. Sekiranya penguasaan membaca ini tidak diberi perhatian, guru tidak dapat mengajar mengikut kesesuaian tahap murid-murid tersebut. Hal ini seterusnya akan menyebabkan apa yang hendak disampaikan oleh seseorang guru tidak sampai kepada murid-murid tersebut dengan sempurna. Sekiranya hal ini dibiarkan, keadaan ini boleh menyebabkan kanak-kanak tersebut semakin hilang keupayaan membacanya.

Berdasarkan isu yang dibincangkan di atas, kita boleh membuat kesimpulan bahawa program membaca yang diperkenalkan sedang menempuh pelbagai kekangan di mana program-program ini memainkan peranan yang penting. Jika seseorang guru gagal memulihkan murid galus membaca maka kesannya amat tinggi kepada murid dan program yang dilaksanakan. Kepada murid juga, akan gagal mengembangkan kemahiran dalam kemahiran membaca yang membawa kepada perurunan prestasi mereka di sekolah. Ini akan menjadi halangan untuk murid ini bagi melanjutkan ilmu pada peringkat menengah.

Menurut kajian yang pernah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, (2016), data penyelidikan mengulaskan bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan yang dilakukan dalam nisbah kelas yang besar dikatakan tidak akan memberi kesan yang baik. Ia akan menjadi salah satu faktor jumlah murid tidak berkeupayaan membaca meningkat dan mereka tidak dapat mengikuti huraian pelajaran yang ditetapkan pada masa yang disarankan. Bagi memulihkan keadaan ini, Teknik pengajaran dalam kumpulan disarankan bagi melaksanakan aktiviti bacaan dijalankan dengan efektif.

Pendapat ini, turut diulas oleh En. A. Daniel selaku penyelia sekolah-sekolah Tamil di Selangor yang mana beliau menyatakan bahawa murid-murid akan menguasai sesuatu kemahiran membaca melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan

dalam kumpulan mengikut keupayaan belajar mereka. Walau bagaimanapun, aktiviti pembelajaran secara berkumpulan ini kurang diaplikasikan oleh para pendidik di sekolah yang dipilih sebagai tempat kajian. Keadaan ini seterusnya membuka ruang kepada pengkaji untuk menentukan keberkesanan aktiviti pembelajaran secara berkumpulan terhadap penguasaan suku kata dalam kalangan murid-murid tahap dua.

Semasa pengajaran dan pembelajaran, tidak kira apa mata pelajaran sekalipun, pastinya kemahiran asas membaca akan berlaku walaupun hanya bacaan mudah. Hal ini jelas menunjukkan kadar literasi membaca Bahasa Malaysia yang rendah dalam kalangan murid di sekolah. Lebih membimbangkan, murid tersebut adalah murid Tahun Empat dan telah melalui program LINUS ketika di Tahun Satu hingga Tiga. Masalah ini semakin serius memandangkan sistem kurikulum kini yang lebih mencabar berbanding suatu masa dahulu.

Walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi kajiannya telah mengeluarkan data kadar literasi Bahasa Melayu di Malaysia yang dikatakan berada pada aras 95% pada tahun 2011, namun, masalah membaca dan menulis masih terdapat banyak di sekolah dan menimbulkan masalah pembelajaran para pelajar. Hal ini mengakibatkan kanak-kanak lemah dalam bacaan ini seringkali gagal menguasai isi pelajaran yang diajar guru tidak kiralah dalam apa jua matapelajaran seperti penulisan karangan dan ulasan, Sains yang memerlukan kemahiran membaca soalan dan pernyataan masalah, sains seperti kemahiran membaca soalan, eksperimen, nota, dan menulis jawapan, kemahiran membaca nota dan menulis jawapan bagi mata pelajaran sejarah, dan banyak lagi mata pelajaran yang tergugat hasil akibat daripada masalah literasi ini. Maka, bagi menangani isu ini, sebenarnya dalam kandungan program Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.

Beberapa punca dikenalpasti yang menjadikan kanak-kanak lemah dalam bacaan ini. Menurut Roselan (2003), masalah pencapaian yang tidak baik biasanya dipengaruhi oleh faktor persekitaran, psikologi dan biologi. Tambahan pula keadaan tahap kesihatan dan juga kecelaruan fikiran seperti takut, cemas dan berbagai-bagai perasaan yang menjadikan mereka tidak berminat dalam pelajaran serta mereka tidak akan menumpukan perhatian dalam pelajaran.

Selain daripada itu, menurut Mohamed Isa (2005), mengulas supaya penjaga yang berpengetahuan atau mempunyai minat terhadap pembacaan mampu meningkatkan aktiviti-aktiviti bacaan awal yang dianggap amat berguna dalam aktiviti pelajaran serta pemudahcaraan yang akan dijalankan seterusnya. Kenyataan ini jelas menunjukkan kemajuan pelajaran para ibu bapa turut memainkan peranan ke atas tahap bacaan murid. Ini disebabkan taraf pendidikan ibu bapa yang baik akan meningkatkan kefahaman mereka tentang kepentingan kemahiran membaca dan mereka juga akan meminati bahan bacaan yang dibaca.

Menurut Otman Lebar (2006), menjelaskan bahawa otak kanak-kanak perempuan menjadi matang dengan cekap daripada pelajar lelaki. Menurutnya anak murid perempuan mempunyai kebolehan menguasai kemahiran lisan yang sukar. Kita boleh bandingkan keadaan ini dengan anak murid lelaki. Ulasan beliau telah disahkan melalui penyelidikan yang dilakukan oleh Santrock (2007). Kajian yang dibuat oleh Jabatan Pelajaran di Amerika mendapati bahawa murid perempuan memperoleh kebolehan bacaan yang tinggi berbanding dengan lelaki. Dapatan Colay (2001) dalam Santrock (2007) juga menyatakan bahawa kanak-kanak Perempuan memperoleh keputusan baik dalam bacaan berbanding dengan kanak-kanak Lelaki.



Literasi awal menggambarkan kanak-kanak yang berusia awal dapat mengembangkan kemahiran literasi sebelum mereka masuk ke sekolah rendah. Literasi awal terdiri daripada kemahiran lisan, membaca dan menulis yang diperlukan oleh kanak-kanak yang berusia awal.

Namun Demikian, kajian ini hanya terbatas dengan mengkaji pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca murid tahap dua di bawah program KPBM yang diperkenalkan. Program ini adalah untuk membantu murid-murid di SJK meningkatkan kecekapan membaca dan menulis. Disamping itu, penyelidikan ini akan membantu untuk mengetahui maklumat tentang Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi membaca.

Kementerian Pendidikan mengambil serius tentang penguasaan literasi membaca dalam Bahasa. Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025) menerangkan bahawa Kelas Pemulihan Bahasa Melayu diperkenalkan bagi kanak-kanak yang tiada ketrampilan literasi membaca walaupun memasuki tahap dua. Program ini diperkenalkan sebagai usaha kementerian untuk membaik pulih keadaan di sekolah Tamil yang makin menunjukkan prestasi rendah dalam pencapaian Bahasa Melayu. Kementerian Pendidikan ingin memperkukuhkan kedudukan Bahasa Melayu dan mereka ingin melahirkan murid sifar literasi membaca sebelum murid-murid ini memasuki sekolah menengah seperti apa yang terkandung dalam gelombong 1 pelan pembangunan pendidikan Malaysia dan program ini diperkenalkan untuk memperbaiki program yang sedang diamalkan.

Pelancaran Kelas Pemulihan Bahasa Melayu ini seiring dengan dasr MBM MBI. Program ini diperkenalkan bagi mengatasi masalah membaca dan menulis yang menjadi agenda utama agenda Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010. Program ini juga diperkenalkan selepas membuat analisis tentang pencapaian

murid- murid SJKT yang berada pada tahap minimum dalam Bahasa Melayu kerana didapati wujud keadaan tidak mengenal huruf dan perkataan walaupun memasuki tahun enam. Perkara ini amat menyedihkan kerana terdapat sebilangan besar murid yang gagal dalam membaca sedangkan Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantara utama dalam pendidikan seperti yang tertera pada Laporan Razak 1957 dan Laporan Rahman Talib 1961. Agak sukar untuk murid-murid begini untuk membaca dan memahami sesuatu soalan dalam peperiksaan. Oleh yang demikian kementerian ingin menyelesaikan masalah membaca ini di peringkat sekolah rendah.

Tiga perkara yang dapat dikenalpasti sama ada sesuatu program itu berhasil dan boleh dilanjutkan, program harus dijalankan dan tidak Berjaya dan diberhentikan. Oleh yang demikian, masalah dalam pengaplikasian program Kelas Pemulihan Bahasa Melayu (KPBM) dapat dikenalpasti dengan melakukan kajian ini. Rumusan kajian membantu kementerian untuk melanjutkan atau memberhentikan program ini. Penyelidikan terhadap program KPBM yang dilaksanakan di sekolah Tamil dan Cina sejak tahun 2014 harus dilakukan supaya berupaya mengenal pasti faktor wujudnya literasi membaca walaupun pelbagai program Bahasa diperkenalkan. Kajian ini juga akan membantu untuk menganalisis sama ada masalah membaca benar-benar dapat diselesaikan, untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan program ini ke atas murid-murid dan faedahnya untuk mempertingkatkan sistem pendidikan.

Lantaran itu, kajian ini dijalankan demi menyelesaikan masalah membaca dengan berkesan. Selain daripada ini, penyelidikan ini dijalankan untuk memastikan kanak-kanak tahap dua yang gagal membaca terlibat dan bermanfaat dalam program ini serta bagi mengkaji adakah kemahiran membaca diutamakan dalam program ini. Peranan dan sokongan ketua jabatan dan barisan pentadbir lain dalam pelaksanaan

kelas Pemulihan Bahasa Melayu akan dikenalpasti. Disamping itu sebab-sebab yang memungkinkan para murid kurang mahir dalam bacaan ini akan dianalisis berdasarkan maklumat serta bukti sah.

### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Selangor. Pengkaji ingin mengetahui apakah Program KPBM ini baik dan berkesan untuk memperkembangkan ketrampilan membaca murid tahap dua yang tidak berkeupayaan membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Secara keseluruhannya objektif pengkaji melaksanakan kajian ini untuk:

- i. Menenal pasti pemahaman dan persepsi guru Bahasa Melayu tentang pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca .
- ii. Menganalisis perbezaan antara Kaedah dan strategi dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca oleh guru-guru KPBM mengikut latar belakang sosial
- iii. Menentukan sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.
- iv. Mengetahui masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.
- v. Memberi cadangan untuk mengatasi masalah pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

## **1.5 Soalan kajian**

Menurut objektif kajian yang dinyatakan secara terperinci, kajian ini adalah bagi memberi jawapan kepada soalan-soalan berikut.

- i. Apakah pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca ?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca mengikut latar belakang sosial:
  - a. Jantina
  - b. Bidang pengkhususan
  - c. Pengalaman mengajar
- iii. Sejauh manakah sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dapat membantu pengajaran dan pembelajaran guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca ?
- iv. Apakah masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca .
- v. Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dilaksanakan membawa banyak faedah kepada pelbagai individu tertentu. Pertama, bagi murid sekolah. Setelah kajian ini dijalankan, para murid

semestinya dapat meningkatkan keupayaan literasi membaca Bahasa Melayu dalam dirinya dan berupaya keluar dari kepompong buta huruf. Secara tidak langsung, masalah buta huruf yang diatasi ini dapat meningkatkan pencapaiannya di sekolah kerana murid tersebut mampu menguasai kesemua isi pelajaran dalam kesemua mata pelajaran.

Abdul Jalil Othman (2011) menjelaskan kesinambungan yang bertitik tolak daripada anjakan paradigma terhadap penguasaan kebolehan dan kemampuan kemahiran bacaan, terutamanya bahan bacaan Bahasa Melayu akan memberi laluan serta kesempatan yang cerah kepada golongan murid bagi mengaut seberapa banyak ilmu dalam pelbagai bidang mata pelajaran di sekolah. Mahzan Arshad (2008), juga menekankan hal ini dengan menyatakan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan seseorang murid harus memberikan pengetahuan yang lebih baik dan kukuh dari segi ilmu bacaannya.

Kedua, kajian ini turut sangat bermakna kepada para pendidik. Seseorang pendidik ternyata dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pemudahcaraan yang dikelolaknya dan mengurangkan kemusykilan yang menghalang dari berlakunya proses pembelajaran yang lebih berkesan kepada murid. Para guru juga dapat memperbaiki amalan pengajarannya dengan memikirkan kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam pengajarannya dan seterusnya memperbaikinya dengan kaedah dan amalan terbaik bagi menghasilkan pengajaran yang benar-benar berkualiti di dalam kelas. Selain itu, beliau turut menyatakan cabaran seseorang guru seperti mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk memikat hati murid terhadap pembelajaran literasi membaca .

Ketiga, kepada sekolah. Masalah rungutan mengenai tahap dan kedudukan pencapaian sekolah berbanding sekolah lain dapat dikurangkan menerusi kajian ini. Hal ini kerana masalah literasi membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang sering menjadi punca dan menjejaskan pencapaian sekolah dapat diatasi dan seterusnya memperbaiki pencapaian setiap matapelajaran di sekolah. Perkara ini seterusnya dapat meningkatkan kualiti pencapaian Gred Purata Sekolah (GPS) di sekolah.

Keempat, kepada Kementerian. Menerusi kajian ini, pihak kementerian dapat merancang dan melaksana sistem pengajaran literasi yang lebih berkesan di sekolah. Antaranya, kementerian menerusi Bahagian Pendidikan Guru dapat merancang suatu program pembangunan pengajaran yang berkualiti bagi membantu para guru menghasilkan pengajaran yang benar-benar membantu murid-murid membina kemahiran literasi yang lebih ampuh. Selain itu, kementerian juga dapat melihat status sebenar murid-murid di sekolah dan melaksanakan sesuatu program mengikut kemampuan dan ukuran tahap murid yang lebih sesuai.

### **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini terdiri merangkumi beberapa limitasi kajian. Pertama, pengkaji hanya akan menjalankan kajian dengan mengambil responden guru KPBM seramai 60 orang.

Kedua, kajian yang dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil hanya akan dijalankan di negeri Selangor. Hal ini bermaksud data yang pengkaji akan perolehi tidak menggambarkan keseluruhan keupayaan membaca di SJK (T) di seluruh Malaysia namun hanya di negeri Selangor sahaja.

Guru-guru KPBM akan melaksanakan kelas KPBM mengikut aspek-aspek bahasa seperti dalam kerangka konseptual kajian di atas. Murid- murid dianggap melepasi kelas KPBM sekiranya mereka dapat membaca aspek yang diuji dengan betul. Selain itu guru-guru KPBM juga perlu menyediakan borang untuk mencatat penguasaan murid dalam setiap aspek. Guru-guru juga perlu menggunakan modul yang telah disediakan oleh Jabatan Pelajaran Selangor dan juga menyediakan latihan tambahan kepada murid-murid terlibat.

## **1.8 Definisi Operasional**

Definisi yang dikemukakan mampu memperluaskan lagi pemahaman berkenaan kajian yang akan dilaksanakan.

### **1.8.1 Bacaan**

Menurut Kenedy (1981) bacaan adalah ketrampilan manusia dalam mengenalpasti lambang-lambang yang ada dalam bentuk grafik yang menggantikan sesuatu perkataan, mengaitkan bentuk dengan bunyi perkataan ataupun maksud yang telah kita ketahui berdasarkan pengetahuan yang sedia ada. Bacaan juga ditakrifkan sebagai proses pemahaman dan pentafsiran sesuatu maksud perkataan.

Baca juga dikatakan satu proses menterjemahkan sesuatu dalam bentuk bermakna (Tamiliarasi 2007). Proses membaca juga meliputi aspek keupayaan mengecam huruf, perkataan, mengenal bunyi suku kata, mengujarkan perkataan, membaca ayat, memahami teks, serta menulis ayat (Nurul Ahikin Binti MD Yatim 2012). Menurut Nurul Ahikin Binti Md Yatim (2012) bacaan merupakan keupayaan seseorang untuk memahami bahan yang dibaca secara dalaman dan juga pengetahuan seseorang tentang maksud perkara yang dibaca serta kemampuan membuat penaaakulan tentang apa yang dibaca secara lisan atau tulisan.

Rumusannya, bacaan membantu seseorang individu bukannya sahaja untuk mengenali huruf malahan membantu seseorang untuk melibatkan diri dalam sesuatu proses pengajaran dengan baik. Sekiranya terdapat kemusykilan dalam bacaan, maka seseorang itu, tidak dapat melangkah ke hadapan untuk proses pembelajaran.

### **1.8.2 Kemahiran Membaca**

Aspek yang sangat diambil berat dalam Bahasa Melayu adalah membaca. Murid-murid diseru agar memperbanyakkan aktiviti membaca bagi memperkayakan kosa kata dan bagi menguasai Bahasa Melayu dengan lebih mendalam sewaktu berada pada alam sekolah rendah. Murid digalakkan untuk membaca demi memperkaya kosa kata serta meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Ketrampilan membaca juga adalah kemampuan yang dan jambatan ke arah pemerolehan ilmu dalam bidang Pendidikan. Tujuan kita wajib perolehi ketrampilan membaca adalah untuk memahami dan menaakul perkara yang dibaca. Ia juga adalah kemahiran tidak ternilai kerana ia adalah aktiviti yang mengutamakan komunikasi yang berkesan dan baik yang perlu berlaku diantara para pembaca dan penulis. Kefasihan membaca juga membantu seseorang mengecam bentuk-bentuk visual serta menghubungkaitkan dengan bentuk bunyi serta mentafsirkan maksudnya.

Menurut Nurul Ahikin Binti Md Yatim (2012), dalam proses pelajaran bahasa, kemahiran membaca dianggap aspek yang sangat penting daripada tiga kemahiran bahasa yang lain. Ia adalah perkembangan yang diperoleh daripada proses mendengar dan bertutur. Seseorang manusia dapat mendapat ilmu yang luas sebagai lautan jika meneroka ilmu membaca yang tidak dipelajari hanya dengan pengalaman. Aktiviti membaca akan meningkatkan tahap daya fikiran, memperkembangkan kreativiti dan melahirkan manusia yang mahir dalam beberapa bidang yang diceburinya.



Secara kesimpulannya, lambang-lambang perkataan yang ditulis memerlukan bunyi untuk menterjemahkannya dalam bentuk bacaan. Dengan ini lambang yang ditulis dapat dikeluarkan melalui bunyi dengan bantuan adanya proses membaca. Terdapat perbezaan yang ketara antara mendengar dan membaca. Ini kerana aktiviti membaca saling terlibat dengan aktiviti literasi dan verbal pada waktu yang serentak. Seseorang dapat menerangkan tentang bahan bertulis dalam bentuk pertuturan dan membawa isi tersuratnya ke minda untuk berfikir secara kritis tentang bahan yang dibacanya. (Ahikin Binti Md Yatim (2012).

### **1.8.3 Literasi Membaca**

Dalam disertasi ini, Literasi Membaca dianggap keupayaan murid dalam mengenal pasti huruf, bunyikan huruf vokal, bunyikan huruf konsonan, membatang suku kata, mengeja perkataan yang mengandungi huruf vokal dan konsonan, suku kata, KVK, VKVK, membaca suku kata tertutup 'NG', membaca perkataan yang mempunyai digraf, diftong, vokal berganding, konsonan bergabung, membaca perkataan berimbuhan awalan dan akhiran, membaca frasa mudah serta membaca dan memahami bahan rangsangan. (Kementerian Pendidikan Malaysia 2014)

### **1.8.4 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil**

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil diistilahkan ialah sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau sekolah rendah kerajaan. Sekolah-sekolah ini di bawah sistem pendidikan di sekolah ini menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar manakala Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran yang perlu diajar pada aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan. Kenyataan ini telah ternyata dalam akta pendidikan yang ditubuhkan pada 1996.

Walaupun sistem pelajaran negara kita memberi ruang kepada pendidikan bahasa ibunda, tetapi ia tetap mengutamakan pendidikan Bahasa Kebangsaan. Pencapaian kanak-kanak yang belajar di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil amat dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### **1.8.5 Guru Kelas Pemulihan Bahasa Melayu**

Guru Kelas Pemulihan Bahasa Melayu merupakan orang yang bertanggungjawab mengajar, memandu dan membaiki murid yang menghadapi kerumitan untuk menguasai literasi Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil agar dapat mencapai matlamat yang termaktub dalam falsafah pendidikan negara. Guru KPBM juga dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Mereka juga menjadi agen yang memimpin murid ke arah pembentukan yang baik. Mereka juga dipertanggungjawabkan untuk mengatasi masalah literasi Bahasa Melayu menggunakan pelbagai kaedah. (Kementerian Pendidikan Malaysia 2014).

#### **1.8.6 Kelas Pemulihan Bahasa Melayu**

Kelas Pemulihan Bahasa Melayu yang diperkenalkan pada tahun 2014, adalah bertujuan mempertingkatkan keputusan murid-murid di SJK dalam Bahasa Melayu dan meningkatkan kemahiran dari segi semua aspek bahasa Melayu. Program ini juga membantu menyediakan murid dengan kemahiran Membaca dan menulis sebelum melangkah ke alam sekolah menengah. Program ini juga membantu mengeratkan perbezaan murid di antara jenis sekolah dan lokasi sekolah.


Selain daripada itu, guru-guru yang melaksanakan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dapat memupuk amalan baik dalam kalangan anak-anak ketika berinteraksi dalam Bahasa Melayu. Program ini juga dapat mengurangkan jurang antara kaum. Sebagai contoh, mengeratkan perpaduan antara setiap kaum. Program ini juga dapat

membina jati diri murid dan juga mencapai objektif program MBMMBI dengan mengasah bahasa Melayu kepada anak muda.

### 1.9 Kumpulan sasaran Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

Kelas pemulihan ini dilaksanakan ke atas murid – murid yang tidak melepasi LINUS dan murid yang dikenalpasti lemah dalam Bahasa Melayu oleh guru Bahasa mereka. Kelas ini dilaksanakan kepada murid-murid tahun empat hingga enam. Program ini juga memberi tumpuan kepada murid-murid yang langsung tidak dapat melepasi konstruk asas dalam saringan kedua LINUS Bahasa Melayu.

### 1.9 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah Kerangka 1.1 diatas menjelaskan bahawa sumber, proses, output dan outcome Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Murid-murid LINUS yang tidak menguasai LINUS di darjah 3, murid dalam lingkungan sederhana dalam konstruk LINUS akan dipilih oleh guru Bahasa Melayu untuk menghadiri kelas KPBM. KPI program ini ialah murid yang dipilih untuk kelas KPBM di tahun 4 mestilah

mencapai 90 %, pada tahun 5 95% dan pada tahun 6 pula mereka mesti mencapai 100% dalam kemahiran literasi .

### 1.10 Prosedur pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

Terdapat beberapa prosedur atau langkah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Sebagai langkah pertama para guru KPBM harus menapis murid-murid yang tidak menguasai saringan kedua pada tahun tiga. Kelas pemulihan Bahasa Melayu akan dijadualkan di luar sesi persekolahan iaitu pada awal pagi sebelum sesi persekolahan ataupun selepas waktu persekolahan. Pada tahun 2014 iaitu sewaktu program KPBM diperkenalkan KPI yang ditetapkan ialah 94% iaitu pada tahun 4 dan murid harus mmencapai 100% setelah menjejak kaki ke tahun 6. Maksudnya murid-muid KPBM harus trampil dalam Bahasa Melayu dan fasih membaca sebelum memasuki ke sekolah menengah.



Rajah 1.2 Objektif Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

### **1.11 Objektif Kelas Pemulihan Bahasa Melayu**

Rajah 2.1 menunjukkan objektif Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Program ini diperkenalkan bagi memperbaiki kelemahan murid-murid yang semakin menular walaupun menjejak kaki ke tahap dua. Program ini juga bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran berbahasa terutamanya Bahasa Melayu iaitu ke arah sifar literasi. Selain daripada itu, Kelas Pemulihan Bahasa Melayu membantu untuk memastikan standard Bahasa Melayu dapat diselaraskan di semua sekolah. Akhir sekali pelaksanaan program ini dapat mencapai objektif dasar Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Memartabatkan Bahasa Melayu di SJK sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di bawah dasar MBMMBI.

### **1.12 Matlamat Kelas Pemulihan Bahasa Melayu**

Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dilaksanakan pada tahun 2014 di SJK adalah bagi melahirkan murid sifar membaca dan mendapat keputusan yang cemerlang dalam UPSR.

### **1.13 Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu**

Guru Kelas Pemulihan Bahasa Melayu akan membuat perancangan dan menjalankan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu Tahun empat hingga Tahun enam berdasarkan panduan kelas yang diberi. Guru KPBM juga harus Menyediakan rancangan pengajaran Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Mereka juga perlu menjadikan pencapaian Kelas Pemulihan Bahasa Melayu murid Tahun 4 hingga Tahun 6 sebagai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) guru.

Mengambil kedatangan murid dan memastikan murid hadir ke kelas dengan betul. Guru-guru juga harus mencatat data pencapaian murid selepas mengadakan ujian membaca dan menulis. Kehadiran dan data pencapaian harus disahkan oleh Guru Besar pada masa yang betul. Pencapaian murid harus dilaporkan kepada Guru Besar pada setiap masa. Selain daripada itu, pelan alternatif perlu disediakan oleh guru untuk murid yang tidak mencapai sasaran serta bahan-bahan pengajaran patut disediakan mengikut tahap murid.

#### 1.14 Jadual Waktu Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

Jadual 1.1

*Agihan waktu mengajar*

AGIHAN MASA		
<b>2 JAM</b>	Murid Linus yang tidak menguasai konstruk 11 - 12	2 HINGGA 5 JAM SEMINGGU
<b>3 JAM</b>	Murid Linus yang tidak menguasai konstruk 7-10	
<b>4 JAM</b>	Murid Linus yang tidak menguasai konstruk 3-6	
<b>5 JAM</b>	Murid Linus yang tidak menguasai konstruk 1 dan 2	

Jadual di atas menunjukkan agihan waktu Kelas Pemulihan Bahasa Melayu yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dijalankan di luar waktu

persekolahan mengikut jadual yang disarankan. Pengajaran dan pemudahcaraan dilaksanakan selepas sesi persekolahan. Pihak sekolah harus menyediakan jadual waktu khas untuk pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Jadual waktu tersebut seharusnya diberikan kepada guru, murid serta penjaga murid-murid yang mengikuti kelas ini. Setiap kelas KPBM terdiri daripada 5 orang . Penyediaan jadual waktu Kelas Pemulihan Bahasa Melayu berdasarkan kriteria-kriteria berikut.

- a) Seorang guru untuk 2 hingga 5 jam pengajaran seminggu; atau
- b) 2 hingga 5 jam pengajaran dalam seminggu oleh lima orang guru
- c) seorang guru yang berkaliber; atau
- d) Pilihan Guru Besar

#### **1.15 Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu**

##### **a) Pengajaran dan pembelajaran**

Para guru harus menggunakan Bahasa Melayu sepanjang waktu pdpc.

##### **b) Pelantikan Guru**


Guru-guru Bahasa Melayu dilantik untuk mengajar murid -murid pemulihan.

##### **c) Pencalonan Murid**

Pencalonan murid adalah berdasarkan kepada rekod:

- i. Saringan LINUS
- ii. Perekodan Bahasa Melayu tahap satu dan tahap dua
- iii. Ujian IPP2M

### 1.16 Carta Alir Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu



Rajah 1.3 Carta Alir Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

Kementerian telah mengedarkan modul murid untuk digunakan semasa pelaksanaan KPBM. Modul merangkumi latihan kosa kata, ayat mudah dan ayat susah, ayat tunggal, ayat majmuk serta latihan komunikasi dan menaakul. Asas- asas kemahiran jугan diselitkan dalam modul ini.



Tahap pemahaman murid perlu diambil berat supaya kemahiran yang dikuasai oleh murid memberi kesan pada masa depan murid untuk menimba ilmu dengan baik dan menyeluruh. Kurikulum Literasi perlu diwujudkan untuk menganalisis tahap penguasaan murid harus dititikberatkan. Situasi ini jelas dapat dilihat dengan pelaksanaan Program KIA 2M dan juga LINUS yang mempunyai matlamat bagi meningkatkan keupayaan membaca dan menulis. Manakala Program KPBM merupakan program yang diperkenalkan khas kepada murid-murid tahap dua yang lemah dalam penguasaan 2M. Justeru itu, kepentingan penilaian keberkesanan sesebuah kurikulum yang baru digubal adalah sangat penting dan harus dilakukan secara berterusan untuk memastikan aktiviti yang dirancang mencapai objektif pendidikan.

Kesinambungan daripada program KPBM ini sangat penting dalam membimbing murid yang berpotensi dan lemah dalam kemahiran bacaan untuk menguasai kemahiran literasi Bahasa Melayu dan tidak keciciran. Oleh hal yang dibincangkan, dapat dirumuskan alangkah bermaknanya membaca dalam kehidupan setiap insan.

Kajian yang telah dibuat amat penting agar pengesanan awal murid yang kurang mahir untuk membaca di agar guru-guru khasnya dapat mengenalpasti kanak-kanak yang kurang upaya untuk membaca. Isu ini juga sangat menarik untuk dikaji kerana memberi manfaat kepada murid tahap dua dan memnambah pengetahuan kepada semua golongan masyarakat sejauh mana keberkesanan program KPBM ini akan menjadi penanda aras kepada masa depan anak bangsa kita.

### **1.17 Kesimpulan**

Berdasarkan kepada rasional dan objektif seperti yang dinyatakan, jelas menunjukkan kajian ini sangat besar kepentingannya untuk dijalankan demi merungkai setiap soalan kajian yang dikemukakan. Sebagai pengkaji, saya berpendapat perlunya kajian ini untuk dilaksanakan, malahan diperkembangkan lagi di lain masa kerana penguasaan kemahiran asas berbahasa iaitu membaca menjadi titik tolak kepada pembangunan dan kemajuan pendidikan seseorang murid, yang menjurus kepada prestasi pengajaran seseorang guru, keperluan dan kemudahan prasarana yang terdapat di sekolah. Hal ini bertepatan dengan pandangan Dr. Kamisah Buang (2012) mengemukakan pendapatnya yang mengulaskan keberkesanan proses pengajaran dan pemudahcaraan merupakan bertitik tolak daripada aktiviti membaca.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Membaca merupakan aktiviti yang mampu meningkatkan kemahiran manusia, mengasah idea dalam pelbagai bidang ilmu, melahirkan insan yang berfikiran kritis dan kreatif. Seseorang akan menempuh pelbagai cabaran sekiranya tidak menguasai ketrampilan ini dan menyukil untuk menyambung pengajian mereka ke taraf yang lebih tinggi. Seseorang yang gagal menguasai asas membaca pada usia awal boleh membawa manusia ke era buta huruf yang kini semakin berlaku di seluruh dunia. Masalah ini akan meningkat di sekolah rendah dan dibawa ke sekolah menengah oleh murid-murid sehinggalah mereka meninggalkan alam Pendidikan menengah.

Pelbagai usaha telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan sehinggalah berjuta-juta ringgit telah dibelanja bagi melahirkan zaman sifar literasi. Kaedah-kaedah yang pelbagai harus diambil oleh pihak yang bertanggungjawab bagi mengelakkan murid gagal dan tidak berupaya membaca. Di sekolah rendah, perkara ini diambil serius kerana murid-murid perlu dibaiki kelemahannya pada peringkat sekolah rendah lagi supaya mereka tidak mengalami sebarang kesukaran untuk melanjutkan pelajaran di sekolah menengah di mana dipenuhi dengan perkataan-perkataa dan kosa kata yang lebih sukar. Isu murid tidak menguasai kemahiran membaca boleh beri kesan yang tinggi kepada golongan murid dalam bidang akademik dan ko-akademik serta sosial. Masalah ini akan mengakibatkan seseorang murid yang makin lama makin lemah dalam mencapai kejayaan dalam bidang pelajaran dan ia akan membawa kepada murid tidak berminat dan ponteng sekolah akibat tidak berminat ke sekolah lagi. Kegagalan dalam menguasai kemahiran

membaca bukan sahaja akan membawa kesan buruk pada matapelajaran bahasa bahkan matapelajaran lain juga turut dipengaruhi. Murid yang gagal menguasai kemahiran membaca akan mengalami masalah dari segi psikologi dimana mereka akan berasa malu dan tidak suka melibatkan diri dalam aktiviti pelajaran di kelas kerana tidak faham apa yang diajar akibat kelemahannya.

Sementara itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan penguasaan asas membaca sebagai matlamat utama dalam kurikulum pendidikan negara. Kurikulum Standard Sekolah Rendah telah diperkenalkan pada tahun 2011. Ia menekankan kepada ketrampilan literasi dalam pembentukan kepada pembangunan literasi dalam pembentukan murid atau pelajar yang holistik. Ini kerana Kementerian pendidikan tidak mahu murid-murid tercicir dalam sistem persekolahan dan ingin melahirkan murid-murid yang mampu berdaya saing dan menyahut cabaran dalam dunia globalisasi. Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 – 2025 telah diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan objektif ini tercapai.

Pendidikan literasi bukan sahaja pendidikan awal bacaan malahan merupakan aktiviti pembelajaran yang bersifat formal dan hanya berasaskan mendengar arahan daripada guru semata-mata. Murid-murid mempunyai perbezaan dari segi, kelakuan, sikap, dan kebolehan yang tersendiri. Oleh itu, guru-guru harus mengambil tahu kebolehan dan kemampuan murid agar dapat membentuk kelas pemulihan di dalam kelas supaya dapat menangani isu penguasaan kemahiran membaca yang semakin menular antara murid – murid sekolah rendah di Malaysia.

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kementerian Pendidikan bersama unit Pelajaran negeri Selangor, Pejabat Pelajaran daerah, dan Pihak sekolah untuk murid-murid menguasai kemahiran membaca. Program-program seperti KIA 2M, LINUS dan kini KPBM telah diperkenalkan sebagai usaha membasmi isu sifar literasi

.Banyak program telah diadakan oleh Kementerian Pendidikan dengan bantuan Jabatan Pendidikan dan Pejabat pelajaran untuk menganalisis dan melaksanakan kelas-kelas intervensi Bahasa Melayu seperti KIA 2M DAN LINUS.


Menurut kajian J.K Kidd dan M.S Burns, proses membaca digabungkan Bersama beberapa peringkat yang sukar. Ia meliputi aktiviti dengar, amati dan membanding bezakan bunyi, lambang atau simbol huruf yang menunjukkan beberapa bunyi, penggabungan bunyi bagi menghasilkan perkataan dan juga membaca perkataan tersebut dengan intonasi dan sebutan yang betul.

Namun murid - murid perlu memiliki ketrampilan membaca. Ia merupakan sesuatu ketrampilan yang dianggap sangat penting bagi seseorang kanak-kanak. Ia juga akan membolehkan seseorang menimba ilmu yang tidak dapat diterokai melalui pengalaman semata-mata. Oleh yang demikian sikap membaca harus dipendamkan dalam hati kanak-kanak sejak bayi lagi. Ini kerana kemahiran ini dapat diasahkan peringkat demi peringkat mengikut tahap kemampuannya. Sistem persekolahan seluruh dunia menganggap bahawa kanak-kanak yang mahir membaca akan mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.

Oleh itu, bagi kanak-kanak yang sukar menguasai kemahiran membaca patut dibawa dengan Teknik pengajaran yang berbeza dan selaras dengan tahap kemampuan mereka supaya tidak tercicir dalam pelajaran dan persaingan globalisasi. Dalam hal ini warga pendidik harus dilatih untuk memastikan mereka memiliki kapasiti bagi melahirkan murid-murid mempunyai kebolehan membaca yang agak tinggi.

Bab dua ini akan menerangkan mengenai kajian-kajian lepas berkaitan kemahiran membaca, kajian berkaitan masalah membaca, tahap penguasaan

membaca,kajian lepas berkaitan kesediaan membaca,teori bacaan serta model-model bacaan Teori-teori bacaan melibatkan :



Rajah 2.1 Teori-Teori Kemahiran Literasi Membaca

### a. Teori behaviorisme

Teori behaviorisme juga dikenali sebagai Teori Mekanisme yang dipelopori oleh ahli-ahli psikologi seperti **Pavlov, Thorndike, Hull dan skinner**. Saya amat bersetuju dengan pendapat ahli-ahli teori ini yang mengatakan pembelajaran merupakan proses mekanikal yang tidak melibatkan mental. Menurut golongan behavioris Thorndike, sesuatu bahasa harus dikuasai melalui rangsangan dan gerak balas (Kamaruddin Hj. Husin 1998)

Teori ini, merealisasikan beberapa prinsip pengajaran bahasa iaitu:

#### 1. Bentuk bahasa yang dipentingkan ialah lisan

Menurut ahli-ahli behaviorisme pengajaran dan pembelajaran harus didahulukan dengan bahasa lisan. Selepas itu, ia diteruskan dengan bahasa tulisan. Tulisan dianggap perkara kedua terpenting dalam bahasa. Menurut mereka juga guru-guru harus melatih murid-murid untuk bertutur dalam bahasa yang diajar. Kemudian guru meneruskan dengan aktiviti membaca. Guru bahasa boleh melakukan aktiviti ini, setelah murid menguasai sistem bunyi serta menguasai struktur bahasa.

## **2. Bahasa sebagai tabiat**

Menurut ahli behaviorisme guru-guru bahasa harus menjadikan penggunaan bahasa sebagai satu tabiat dalam aktiviti harian di bilik darjah. Bagi melaksanakan tabiat ini guru harus memberikan latihan bahasa yang banyak. Menurut teori ini, aktiviti seperti perbahasan juga membantu murid dalam menjadikan bahasa sebagai kebiasaan. Bagi menerapkan tabiat penggunaan bahasa, bilangan murid dalam sesebuah kelas mestilah terhad. Ini akan memedahkan guru memberi perhatian kepada kumpulan yang kecil serta mudah untuk merancang pelajaran. Guru bahasa juga harus memulakan pengajaran dari pola-pola yang mudah kepada yang lebih susah.

## **3. Memberikan latihan untuk membentuk kebiasaan.**

Menurut teori behavioris **Skinner (1957)**, teknik pengulangan amat dititikberatkan. Teknik ulangan ini dapat dijalankan melalui pemberian latihan pelbagai jenis berulang kali. Latihan ini bertujuan untuk menggalakkan pengulangan bagi membentuk kebiasaan dalam penggunaan sesuatu aspek bahasa. Pemberian latihan berulang kali akan membolehkan seseorang murid untuk menguasai sesuatu kemahiran tatabahasa dan ia akan menjadi kebiasaan. Golongan behavioris berpendapat bahawa teknik pengulangan dalam pengajaran memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan sesuatu bahasa. Misalnya guru yang mengajar kata kerja memberikan latihan berdasarkan topik yang diajar. Latihan ini akan merangsang kemahiran murid dalam aspek bahasa yang diajar

## **4. Pengukuhan adalah penting**

Menurut ahli behavioris pengukuhan adalah amat penting dalam menilai kemahiran murid-murid. Jenis-jenis pengukuhan yang boleh diberikan kepada murid ialah seperti memberikan galakkan, pujian dan sebagainya. Teknik pemberian

pengukuhan kepada murid dapat diperhatikan dalam semua aktiviti pembelajaran sosial. Misalnya dalam pendidikan Moral murid-murid diajar tentang nilai hormat-menghormati, maka jika mereka mengamalkan nilai ini pada setiap masa guru harus memberi pujian.

#### **5. Wujudkan rangsangan dan tindak balas**

Bahasa merupakan hasil operasi rangsangan dan juga tindak balas. Pembelajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan sekiranya unsur rangsangan dan tindak balas dapat diwujudkan. Guru perlu fikirkan pelbagai rangsangan yang bertujuan menghasilkan satu tingkah laku baru yang berkesan. Terdapat beberapa cara untuk mewujudkan rangsangan. Cara pertama guru boleh mempelbagaikan cara pengajaran bahasa. Kedua guru mempelbagaikan saluran deria, ketiga mengubah cara interaksi guru dan murid dan diteruskan dengan mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran bahasa.

#### **6. Pemilihan model-model bahasa yang baik**

Bahasa yang dituturkan oleh guru akan dianggap sebagai contoh yang akan diikuti oleh murid. Oleh yang demikian guru Bahasa Melayu harus bahasa harus menggunakan bahasa yang baik dalam pertuturan. Hal ini kerana murid akan ikut bahasa guru tanpa sebarang budi bicara. Guru-guru bahasa harus menggunakan bahasa yang diajarnya dengan berkesan. Mereka juga harus melahirkan penutur-penutur jati yang dapat menggunakan bahasa yang betul semasa bertutur. Dalam pengajaran bahasa di sekolah, penggunaan bahasa guru adalah amat penting kerana mereka merupakan model penutur kepada para murid.

#### **b. Teori Emergent Literacy Marie Clay (1967)**

Mary Clay (1967) telah memperkenalkan teori pembelajaran emergen di mana berdasarkan teori ini, kanak-kanak sudah mula memiliki dan memperolehi kemahiran



literasi lebih awal lagi, iaitu sebelum mereka dapat membaca secara sendiri. Teori ini memegang prinsip bahawa laluan ke arah literasi bermula sebaik sahaja kanak-kanak mula belajar bertutur. Terdapat beberapa peringkat utama di dalam teori di mana ia bermula dari peringkat bayi lagi.

### **1. Penampilan pembaca (emergent reader)**

Sebagai langkah pertama kanak-kanak membaca seperti biasa. Kanak-kanak ini membaca bahan bacaan yang sama berulang kali. Mereka hafal setiap gambar atau simbol dalam bahan membacanya bagi membantu aktiviti membaca mereka. Mereka juga arif bahawa tulisan memainkan peranan yang penting untuk menceritakan sesuatu cerita yang ditulis dan gambar dan simbol hanya sebagai panduan membaca sahaja. Kanak-kanak yang biasa membaca ini akan mengenali perkataan yang biasa mereka lihat dan suka mencari huruf dan perkataan yang mereka telah baca dahulu. Proses ini akan menyebabkan murid hafal perkataan yang dibacanya pada setiap muka surat dan ini menunjukkan mereka masuk ke tahap pembaca awal.

### **2. Pembaca awal (Early Reader)**


Kanak-kanak mampu membaca menggunakan nada yang kuat. Pada peringkat ini mereka pandai menggunakan fonem dan fonetik, maksud sesuatu perkataan, susunan perkataan dalam struktur ayat dan mengenali tanda baca yang terdapat pada teks. Dalam situasi ini, gambar pada teks memainkan peranan yang membantu daya ingatan kanak-kanak terhadap teks. Pada peringkat ini juga kanak-kanak akan menjadi pembaca yang baik dan mereka mahir membetulkan kesilapan semasa membaca. Ini akan membawa kanak-kanak ini ke tahap pembaca mahir.

### **3. Pembaca Mahir (Fluent Reader)**

Pada tahap ini kanak-kanak boleh membaca dengan mahir. Kebiasaannya kanak-kanak ini akan membaca secara senyap dan membaca dengan spontan dengan

sebutan dan intonasi yang betul. Kanak-kanak ini hanya akan perlahan-bacaan mereka jika terjumpa perkataan-perkataan yang sukar dieja. Kanak-kanak ini juga akan mahir memahami maksud sesuatu perkataan, berupaya menggunakan fonem dan susunan perkataan dalam sesuatu ayat bagi meneka perkataan bagi pembacaan yang seterusnya. Pada tahap ini kanak-kanak akan menjadikan membaca sebagai tabiat sepanjang hayat dan mereka akan seronok dan menghayati bahan yang dibaca semasa mereka membaca.

## 2.2 Kerangka Teori Kajian



Rajah 2.2 Kerangka Teori Kajian

Pengkaji telah menggunakan Teori Penampilan yang direka oleh Marie Clay pada tahun 1989. Beliau telah menyatakan teori ini merupakan perlakuan membaca dan menulis seorang kanak-kanak yang melahirkan mereka sebagai seorang pembaca yang betul. Beliau juga mengklasifikasikan kanak-kanak yang tidak dapat membaca

kepada tiga peringkat iaitu peringkat membaca baharu, peringkat membaca awal dan peringkat membaca perdana.

**a. Tahap pembaca baru**

Pada peringkat ini, kanak-kanak memahami fungsi buku. Menurut beliau kanak-kanak yang ada pada tahap awal membaca perlu mempunyai keupayaan untuk menghubungkan tulisan dengan bahan yang dituturkan. Ia juga disebut sebagai kanak-kanak sedar akan konsep bahan bercetak.

**b. Tahap pembaca awal**

Pada tahun 1991 Clay telah menyatakan kanak-kanak yang berada pada peringkat awal akan mula memahami fungsi sesuatu perkataan. Kenyataan ini turut disokong oleh Walker kerana beliau beranggapan bahawa kanak-kanak ini akan memberi fokus kepada kemahiran fonem dan fonetik.

**c. Tahap pembaca maju**

Pada tahun 1991, Clay menyatakan bahawa pada peringkat ini buku dan perkataan memainkan peranan dalam berbagai-bagai cara. Walker pula menjelaskan bahawa kanak-kanak yang baca pada tahap ini boleh membaca sesuatu bahan bacaan dengan lancar dan ia akan menyebabkan mereka faham apa yang dibacanya.

Pengkaji juga menggunakan Teori behaviorisme. Ia juga dikenali sebagai Teori Mekanisme yang dipelopori oleh ahli-ahli psikologi seperti Pavlov, Thorndike, Hull dan Skinner.

Teori ini, merealisasikan beberapa prinsip pengajaran bahasa iaitu:

**1. Bentuk bahasa yang dipentingkan ialah lisan**

Menurut ahli-ahli behaviorisme pengajaran dan pembelajaran harus didahulukan dengan bahasa lisan. Selepas itu, ia diteruskan dengan bahasa tulisan. Tulisan dianggap perkara kedua terpenting dalam bahasa. Menurut mereka juga guru-guru

harus melatih murid-murid untuk bertutur dalam bahasa yang diajar. Kemudian guru meneruskan dengan aktiviti membaca. Guru bahasa boleh melakukan aktiviti ini, setelah murid menguasai sistem bunyi serta menguasai struktur bahasa.

## **2. Bahasa sebagai tabiat**

Menurut ahli behaviorisme guru-guru bahasa harus menjadikan penggunaan bahasa sebagai satu tabiat dalam aktiviti harian di bilik darjah. Bagi melaksanakan tabiat ini guru harus memberikan latihan bahasa yang banyak. Menurut teori ini, aktiviti seperti perbincangan juga membantu murid dalam menjadikan bahasa sebagai kebiasaan. Bagi menerapkan tabiat penggunaan bahasa, bilangan murid dalam sesebuah kelas mestilah terhad. Ini akan membolehkan guru memberi perhatian kepada kumpulan yang kecil serta mudah untuk merancang pelajaran. Guru bahasa juga harus memulakan pengajaran dari ayat-ayat yang senang ke sukar.

## **3. Memberikan latihan tubi untuk membentuk kebiasaan.**

Menurut teori behavioris Skinner (1957), teknik pengulangan amat dititikberatkan. Teknik ulangan ini dapat dijalankan melalui pemberian latihan pelbagai jenis berulang kali. Latih tubi ini bertujuan untuk menggalakkan pengulangan bagi membentuk kebiasaan dalam penggunaan sesuatu aspek bahasa. Pemberian latihan berulang kali akan membolehkan seseorang murid untuk menguasai sesuatu kemahiran tatabahasa dan ia akan menjadi kebiasaan. Golongan behavioris berpendapat bahawa teknik pengulangan dalam pengajaran memainkan peranan yang penting dalam pemerolehan sesuatu bahasa. Misalnya guru yang mengajar kata kerja memberikan latihan tubi berdasarkan topik yang diajar. Latih tubi ini akan merangsang kemahiran murid dalam aspek bahasa yang diajar.

#### **4. Pengukuhan adalah penting**

Menurut ahli behavioris pengukuhan adalah amat penting dalam menilai kemahiran murid-murid. Jenis-jenis pengukuhan yang boleh diberikan kepada murid ialah seperti memberikan galakkan, pujian dan sebagainya. Teknik pemberian pengukuhan kepada murid dapat diperhatikan dalam semua aktiviti pembelajaran sosial. Misalnya dalam Pendidikan Moral murid-murid diajar tentang nilai hormat-menghormati, maka jika mereka mengamalkan nilai ini pada setiap masa guru harus memberi pujian.

#### **5. Wujudkan rangsangan dan tindak balas**

Bahasa merupakan hasil operasi rangsangan dan juga tindak balas. Pembelajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan sekiranya unsur rangsangan dan tindak balas dapat diwujudkan. Guru perlu fikirkan pelbagai rangsangan yang bertujuan menghasilkan satu tingkah laku baru yang berkesan. Terdapat beberapa cara untuk mewujudkan rangsangan. Cara pertama guru boleh mempelbagaikan cara pengajaran bahasa. Kedua guru mempelbagaikan saluran deria, ketiga mengubah cara interaksi guru dan murid dan diteruskan dengan mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam pengajaran bahasa.

#### **6. Pemilihan model-model bahasa yang baik**

Bahasa yang dituturkan oleh guru akan dianggap sebagai contoh yang akan diikuti oleh murid. Oleh yang demikian guru Bahasa Melayu harus bahasa harus menggunakan bahasa yang baik dalam pertuturan. Hal ini kerana murid akan ikut bahasa guru tanpa sebarang budi bicara. Guru-guru bahasa harus menggunakan bahasa yang diajarnya dengan berkesan. Mereka juga harus melahirkan penutur-penutur jati yang dapat menggunakan bahasa yang betul semasa bertutur. Dalam

pengajaran bahasa di sekolah, penggunaan bahasa guru adalah amat penting kerana mereka merupakan model penutur kepada para murid.

## **2.2 Kajian Lepas**

### **2.2.1 Kajian Lepas dalam Negara**

#### **2.2.1.1 Kemahiran Membaca**

Menurut Tuzana Bt Mohamad (2014), pada analisis yang dilakukan terhadap murid-murid sekolah rendah ada juga sebilangan besar murid yang lemah dalam bacaan. Mereka masih mengalami kesukaran iaitu mereka tidak dapat membaca dengan lancar. Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan program LINUS ke Dunia Pendidikan

Program ini telah diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah kerana Kementerian sedar akan kelemahan murid dalam membaca tersenarai dalam tahap yang dibimbangkan dan ia gagal dipulih oleh program-program Bahasa yang diperkenalkan sebelum ini. Program LINUS ini telah diatur dan dirancang secara mendalam dan teliti agar mendapat hasil yang berkesan. Kementerian Pendidikan juga menyeru agar guru-guru harus memastikan murid-murid yang tidak mengalami sebarang masalah pembelajaran seperti autism dan sebagainya harus berkemampuan dalam membaca dalam masa Tahun satu hingga tiga.

Menurut kajian Zainniah dan Nor Fairizan yang dilakukan pada tahun 2012, berpendapat bahawa bagi menjadikan seseorang murid menceburi bidang Pendidikan dengan baik maka mereka harus menguasai kemahiran membaca yang makin membantinya dalam pengalaman seharian. Tujuan seseorang meneroka ilmu membaca adalah untuk memahami maksud bahan bacaan yang dibaca.

Seorang lagi pengkaji iaitu Gregory dan Cahill telah menyatakan pemahaman merupakan sebuah jambatan bagi mendapat maksud daripada teks yang dibaca oleh seseorang. Beliau menyatakan bahawa minda kanak-kanak mempunyai pengetahuan sedia ada berkenaan proses membaca. Mereka ini melibatkan diri mereka dalam peringkat memberi makna kepada teks yang dibaca apabila minda kanak-kanak menerima rangsangan melalui proses membaca. Situasi ini akan membolehkan murid-murid membuat gambaran tentang perjalanan sesuatu cerita serta memahami teks atau cerita yang dibacanya. Dengan ini pemahaman murid terhadap bahan yang dibaca meningkat.

Keupayaan membaca adalah sebuah aktiviti yang unik tetapi sukar. Proses ini merangkumi ketrampilan membaca dengan kuat menggunakan sebutan dan intonasi yang betul, merangsang bahan, ingat serta membuat ramalan isi dengan berkesan. Manusia sedang mengalami proses interaksi dengan bahan yang dibacanya semasa mereka menjalankan aktiviti membaca. Mereka juga sedang mendalami minda dan fikiran yang telah dikarang oleh seseorang penulis. Manusia yang telah arif dengan membaca ini maka mereka akan menerajui system Pendidikan dengan lebih pantas serta memperoleh atau kaya dengan pelbagai ilmu pengetahuan.

Evelyn Wong Po Lin (2014), menyatakan bahawa membaca adalah jambatan ilmu yang membentuk jati diri ke arah menimba ilmu yang tinggi. Matlamat aktiviti membaca adalah untuk meningkatkan tahap pemahaman terhadap bahan yang dibaca serta memahami isi yang membawa makna kepada seseorang yang membacanya. Kemampuan membaca merupakan salah satu ketrampilan yang perlu diwarisi dan merupakan proses yang istimewa. Ia juga memerlukan komunikasi yang baik antara pembaca dan bahan bacaan.

Menurut Rasid (2011), kebolehan membaca adalah suatu kemahiran yang agak penting. Kebolehan ini adalah satu proses yang unik kerana ia merangkumi system interaksi yang berkesan yang berlaku di antara pengarang dan pembaca. Proses membaca juga merupakan keupayaan manusia untuk mengenal pasti gambar dan menghubungkaitkan bunyi dan bentuk melalui pengetahuan yang sedia ada serta dapat membuat tafsiran maksudnya. Kemampuan untuk memahami sesuatu teks yang dibaca bergantung kepada kemahiran kognitif, kearifan Bahasa dan pengetahuan dalam membaca.

Berdasarkan kajian Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani Ummu Hani Hashim, Zuraida Shaadon (2012). Keupayaan adalah merupakan aktiviti bahasa yang amat penting untuk diwarisi setiap manusia. Ia akan membolehkan kita menginterpretasi maklumat yang hendak dihantar oleh orang lain. Membaca dapat ditakrifkan dengan lebih lanjut kerana ia tidak terhad hanya dengan menyuarakan bunyi tulisan yang disebut “menyalak perkataan”. Dalam proses membaca dengan senyap memberi keutamaan kepada bahan yang dibaca. Bagi mencapai objektif Pendidikan literasi dan pengajaran Teknik membaca pelbagai strategi dapat diamalkan dengan berkesan bagi memudahkan proses pembelajaran. Dalam amalan ini pelbagai Teknik harus dipertimbangkan. Salah satunya ialah penerapan aspek-aspek nilai serta kersasian aktiviti yang terdapat dalamnya.

Sistem KSSR yang kini sedang diamalkan sejak 2012, menyatakan bahawa seseorang murid harus berupaya membaca dengan sebutan dan intonasi serta lancar tanpa sebarang kekeliruan. Murid-murid juga harus faham dan menaakul secara kritis teks yang dibacanya. Aspek pemahaman dan penaakulan teks bacaan dianggap sangat penting dalam system Pendidikan ini. Pada sesuatu tahap murid wajib capai tahap 5 sekurang-kurangnya dalam lisan dan bacaan.



Menurut Tay Meng Guat (2005), proses membaca adalah suatu proses interaksi Bahasa yang berlaku dengan tidak langsung dengan pembaca dan penulis. Proses bacaan adalah satu aktiviti yang kuat. Ia merangkumi beberapa perkara iaitu aspek memahami, menilai dan menginterpretasi yang berlaku secara berterusan berkenaan maklumat. Pemahaman, penilaian dan penginterpretasian secara berterusan tentang sesuatu maklumat. Aktiviti membaca dengan cara interaksi meliputi penyelitan pelbagai ketrampilan linguistic bagi pemprosesan ortografi dan informasi leksikal. Kemahiran ini juga bertujuan untuk mengetahui pengetahuan metakognitif dan konseptual. Ia juga untuk melancarkan proses pemahaman dan penilaian berlaku dengan berkesan. Ini menggambarkan bahawa keupayaan membaca ini berkaitan dengan Teori kognitif yang dipelopori oleh Jean Piaget.

Sukatan Pelajaran Bersepadu Sekolah Rendah (2003) yang dihasilkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum kemahiran membaca adalah untuk memastikan setiap murid berupaya membaca sesuatu teks sastera dan bukan sastera dengan betul dan lancar dengan sebutan dan intonasi yang betul serta memahami bahan bacaan yang dibaca. Aspek memahami dan menaakul secara kritis amat ditekankan dalam aktiviti membaca.

Bagi memastikan murid-murid membaca dengan baik pelbagai teknik membaca digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan kemahiran membaca. Kemahiran-kemahiran seperti membaca dengan lantang, memahami teks, menaakul dan menghayati teks. Proses membaca dibahagikan kepada tiga komponen yang utama iaitu:

- a) Membaca dengan suara yang lantang.
- b) Memahami teks yang dibaca.
- c) Membuat penaakulan dan menghayati teks .

Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi (2011), menyatakan kita dapat melahirkan generasi yang berpelajaran dan berpengetahuan dengan adanya kemahiran membaca. Kemahiran membaca juga dijadikan panduan dalam hidup dalam kalangan masyarakat yang membaca. Lantaran itu, masyarakat yang membaca akan cintakan sumber-sumber ilmu seperti buku, majalah dan jurnal yang membuahkkan ilmu dan menyuburkan hikmah.

Pengkaji amat setuju dengan kenyataan Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat. Kini, tidak pasti pelajar-pelajar lepasan pusat pengajian tinggi mahir membaca ataupun memiliki tabiat membaca. Jika mereka disuruh membaca teks secara tiba-tiba pasti mereka akan mengalami kemusykilan. Negara hanya dapat melahirkan warga yang berpelajaran jika mereka mahir membaca serta meningkatkan kemahiran membaca.

Menurut Chin Alay Teng (2016), kanak-kanak yang gagal membaca pada peringkat awal dan wujud keadaan tidak dipulihkan dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian dan berkesan akan menyebabkan kegagalan dalam pembelajaran. Keadaan ini bertambah serius apabila mereka naik ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut Yahya (2004) dalam Abdul Rasi (2011), menjelaskan bahawa membaca merupakan aktiviti atau boleh dikatakan sebagai proses komunikasi yang berlaku antara daya imaginasi orang yang membaca. Oleh yang demikian, guru-guru harus menggunakan strategi-strategi yang pelbagai dalam melaksanakan aktiviti membaca bagi mewujudkan situasi pembelajaran bacaan yang lebih berkesan dan menarik. Ini akan meningkatkan minat murid dalam aktiviti membaca dan ini akan memungkinkan mereka membaca dengan baik dan lancar.

Setiap murid dan individu harus menguasai kemahiran membaca dan menulis yang menjadi asas dalam pembelajaran. Tanpa kebolehan ini, sukar bagi seseorang untuk memperoleh pendidikan dalam masyarakat yang berkembang pesat dalam bidang pendidikan. Kemahiran literasi sangat penting dalam pembangunan seseorang individu, untuk mengalami suasana kehidupan yang agak baik dan berfaedah. Pembangunan individu ini juga akan membantu mereka untuk melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam masyarakat.

Kemahiran membaca harus diselitkan dalam diri kanak-kanak dalam usia awal kanak-kanak lagi. Kanak-kanak sejak kecil lagi. Ibu bapa harus berganding bahu bagi memupuk tabiat membaca pada usia awal anak-anaknya. Mereka harus dididik sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan. Mereka harus mampu membaca perkataan yang pendek. Adalah lebih baik jikalau kanak-kanak membaca perkataan yang pelbagai jenis.

#### **2.2.1.2 Masalah Membaca**

Menurut BA Faturah Binti Azizan (2014), Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Salbiah Mohd Yosof, tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sangat menyedihkan jika dibandingkan dengan masyarakat di negara-negara lain. Situasi ini sangat memalukan kerana tabiat membaca ini tidak standing dengan negara-negara maju. Sehubungan itu, pelbagai program telah diadakan oleh pihak kerajaan bagi tujuan meningkatkan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Ibu bapa menganggap kanak-kanak dapat menguasai bahan-bahan yang disediakan dengan usaha sendiri berdasarkan apa yang telah pelajari di sekolah, pusat tuisyen ataupun di pusat perkembangan pendidikan yang dihadiri tanpa perlu tunjuk ajar dan bimbingan daripada ibu bapa itu sendiri.

Segelintir ibu bapa juga tidak memahami apakah yang dikatakan dengan aktiviti membaca, proses-proses yang terlibat serta kepentingan pemupukan minat membaca sejak awal usia kanak-kanak lagi. Tanpa maklumat yang betul, kebanyakan ibu bapa cenderung mempunyai persepsi yang salah terhadap aktiviti membaca.

Ramai ibu bapa juga mempunyai tanggapan dan persepsi mereka sendiri apabila melibatkan aktiviti pembacaan. Apabila membacakan sesebuah buku cerita kepada kanak-kanak, ibu bapa cenderung untuk menjangkakan bahawa kanak-kanak memahami cerita yang telah dibacakan kepada mereka seperti apa yang ibu bapa itu fahami. Walau bagaimanapun, ibu bapa harus sedar bahawa ada kanak-kanak yang menghadapi kesukaran untuk memenuhi jangkauan ibu bapa, menyebabkan mereka kecewa dan minat mereka terhadap aktiviti membaca menjadi luntur.

Pengkaji berpendapat bahawa bantuan ibu bapa diperlukan bagi membasmi masalah membaca murid. Mereka menganggap bahawa buku dapat membantu anak-anak mereka dalam menangani masalah membaca. Ibu bapa harus peka terhadap aktiviti membaca anak-anak mereka. Ibu bapa harus memastikan bahawa bahan-bahan yang dibaca oleh anak-anak, difahami oleh mereka. Ibu bapa juga harus bimbing anak-anak mereka dalam aktiviti bacaan. Aktivi bacaan yang dijalankan juga mesti sesuai dengan anak-anak mereka dan menarik minat mereka agar mereka lebih berminat untuk membaca.

Menurut Kementerian Pelajaran (2012), Menurut data Bidang Keberhasilan Utama Nasional (National Key Result Area ) yang diambil pada tahun 2008, telah menunjukkan bahawa sebanyak 13.0% (54000) murid tahun 1 tidak dapat membaca dan menulis. Data ini menunjukkan bahawa masalah membaca di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan. Kementerian menganggap perkara ini amat

mencabar, Apabila murid-murid yang tidak berupaya baca pada tahap satu maka apabila mereka melangkah ke tahap 2 masih aka nada murid yang gagal menguasai 3M.

Pengkaji amat setuju dengan data Kementerian Pendidikan yang mengatakan sebanyak 13.0% (54000) murid tahun 1 tidak dapat membaca dan menulis pada tahun 2008. Masih ramai murid tahun 1 yang mengalami masalah kesukaran dalam membaca. Kebanyakan daripada mereka tidak pernah pergi ke prasekolah. Separuh daripada mereka kurang melakukan aktiviti membaca di prasekolah mahupun di rumah mereka sendiri. Ini menyebabkan apabila mereka melangkah kea lam persekolahan mereka sukar mengikuti pelajaran.

Menurut Kasran (2012), masalah kekangan kewangan menyebabkan guru pemulihan khas perlu membuat bahan bantuan mengajar sendiri semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, sekolah pengkaji tidak ada sebarang peruntukan untuk menjalankan kpbm, pengkaji terpaksa menggunakan duit sendiri atau meminta bantuan pibg untuk membeli bahan bantuan mengajar dan peralatan yang sesuai supaya pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan serta membeli bahan-bahan haiasan untuk menghiaskan dan menceriakan bilik pemulihan.

Menurut Abdul Rashid Jamian (2011), masalah persekitaran menjadi suatu keadaan yang wujud daripada aktiviti yang diamalkan di sekolah dan penataan Bahasa murid berlaku akibat amalan sistem persekolahan dan pembentukan bahasa murid, Amalan di sekolah yang sering mengikuti kurikulum yang agak sukar serta keperluan murid-murid yang terdiri daripada berbeza-beza keupayaan tidak diambil kira. Guru juga sering mengejar masa untuk mengikuti sukatan pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Situasi ini menimbulkan masalah di mana guru tidak memberi tumpuan kepada pembelajaran murid serta menunjukkan sikap

ketidakprofesionalan pengurusan pengajaran sekolah. Hal ini telah mewujudkan situasi unsur kebolehan murid yang terdiri daripada pelbagai keupayaan diabaikan dan jurang di antara murid-murid meningkat.

Menurut Tuzana Bt Mohamad (2014), Pada tahun 2001 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjalankan satu penyelidikan terperinci. Mereka mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menjadi faktor penghalang yang melemahkan pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas. Salah satu faktor yang didapati ialah kelemahan guru yang tidak mempunyai kemahiran dalam penggunaan kaedah-kaedah pengajaran yang efektif. Selain itu guru-guru sangat bergantung kepada buku teks semasa menjalankan pengajaran berpusatkan guru. Tindakan guru ini akan mengakibatkan pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak menarik dan tidak menarik minat murid untuk mengikuti pelajaran.

Pengkaji berpendapat bahawa guru adalah ejen utama yang menyalurkan kemahiran membaca kepada murid-murid. Penggunaan pelbagai kaedah yang efektif dalam aktiviti membaca adalah amat penting. Kaedah-kaedah efektif seperti penggunaan 'smart board', bahan rangsangan yang menarik, pemaparan video boleh digunakan dalam bilik darjah. Guru-guru harus menggunakan kaedah pengajaran abad ke – 21 bagi mengelakkan aktiviti membaca berpusatkan guru.

Menurut Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hashim, Zuraida Shaadon (2012), Penyelidikan yang dilakukan dengan 5 orang guru yang telah menjadi fasilitator telah ditemu ramah. Mereka mendapati bahawa kaedah latih tubi yang dilaksanakan secara terancang dan sistematik dapat meningkatkan kemahiran murid dalam membaca teks dengan betul. Selain itu, seramai 5 orang murid telah ditemu bual untuk mengenal pasti

keberkesanan teknik latih tubi. Semua murid telah bersetuju dengan keberkesanan kaedah latih tubi membantu meningkatkan kefahaman murid semasa membaca teks Arab. Kaedah ini juga dapat dilaksanakan dalam meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Melayu.

Tambahan lagi, terdapat segelintir murid yang tercicir daripada arus perdana dalam pembelajaran di sekolah adalah akibat faktor latar belakang dan amalan berbahasa yang tidak baku. Pengalaman yang kurang dan hubungan pergaulan murid yang tidak sihat menyebabkan murid dipengaruhi oleh pertuturan dan amalan penggunaan bahasa ibunda, bahasa daerah, bahasa pasar. Perkara ini menjadi asas kepada masalah pembelajaran Bahasa Melayu.

Menurut Mahzan (2003) dan Yahya (2008), penyelidikan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan murid aktiviti membaca perlu dijalankan. Menurut mereka, Kajian penyelidikan mengenai bidang membaca menjelaskan bahawa wujud nilai-nilai kesedaran untuk mempraktikkan tabiat membaca sebagai salah satu ilmu yang harus ditingkatkan.

Menurut Kementerian Pendidikan (2000), dalam kajian yang dijalankan berkenaan Bahasa Melayu di negara kita, didapati bahawa aktiviti membaca sangat ditekankan di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah seperti yang tertera dalam pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, kelemahan membaca telah memberi kesan terhadap keupayaan murid mencapai keputusan yang baik dalam mata pelajaran lain terutamanya dalam Bahasa Melayu.

Menurut Tuzana binti Mohamad (2014), murid yang mengalami masalah dalam pelajaran dimanifestasikan dalam perilakunya dari segi kognitif, konatif, psikomotor dan juga afektif. Kelambatan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pelajaran yang diberi dan selalu ketinggalan daripada rakan-rakan dalam

masa yang diberikan serta mereka juga tidak mencapai hasil kerja yang tidak seimbang dengan kerja yang dilakukan merupakan beberapa perilaku manifestasi kesulitan belajar.

Menurut Tuzana binti Mohamad (2014), Selain daripada itu, terdapat juga murid-murid yang berhadapan dengan masalah membaca, kesulitan dalam mengekalkan ingatan, mengingati maklumat yang dibaca dan mudah lupa. Faktor bahan bacaan juga menjadi masalah dalam bidang bacaan selain faktor guru, murid dan logistik. Sebagai contoh daripada sudut penyediaan bahan –bahan bacaan itu sendiri. Misalnya perbendaharaan kata, penggunaan dan organisasi bahan grafik, isi, struktur cerita. Terdapat berbagai-bagai cara yang digunakan bagi mengatasi masalah dalam bidang bacaan. Sebagai contoh pemilihan bahan bacaan dengan mengambil kira keupayaan membaca bahan dan keupayaan membaca.

Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), permasalahan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid kurang meminati subjek Bahasa Melayu kerana tidak mempunyai keupayaan membaca di mana ia adalah perkara yang penting dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan.

Ketidakupayaan membaca yang sering terdapat di kalangan murid-murid adalah mereka tidak pasti dalam mengecam sesuatu huruf iaitu huruf besar dan huruf kecil, tidak mahir membatangkan suku kata dan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang mereka eja, tidak berkeupayaan memahami perkataan yang dibaca. Fenomena ini menyebabkan pembacaan murid yang menjadi tidak lancar dan kurang jelas serta murid tidak memahami maksud bahan yang dibaca oleh mereka. Masalah ini sering menyebabkan murid tidak mengetahui makna sesuatu perkataan atau gagal membunyikannya. Selain itu, murid yang tidak berupaya untuk membaca akan menambahkan kelemahan dalam membaca mereka meningkat dan mereka juga tidak



minat menceburkan diri dalam aktiviti seperti mencari maklumat dari gambar dan bahan-bantu pelajaran lain yang diberikan sewaktu aktiviti pembelajaran membaca dilaksanakan.

Pengkaji berpendapat bahawa masalah membaca ini menyebabkan murid tidak suka akan sesuatu subjek disebabkan mereka tidak faham apa yang tertera dalam buku. Mereka juga akan menghadapi masalah jika diberi sesuatu tugas kerana murid-murid ini tidak berupaya membaca arahan yang diberi. Mereka ini juga akan berasa malu apabila guru menyuruh mereka baca di hadapan murid- murid lain. Akhirnya mereka benci untuk ke sekolah atau mempelajari sesuatu subjek itu. Situasi ini berlaku di kebanyakan sekolah di Malaysia.

Dapatan dari pemerhatian kelas menunjukkan bahawa aras pengajaran dan pemudahcaraan yang sangat tinggi serta objektif pembelajaran yang sukar dicapai menjadi faktor utama murid gagal menguasai kemahiran membaca. Situasi ini berbeza dengan kebolehan murid-murid LINUS. Guru-guru pula bergerak dengan lebih laju dengan mengaplikasi kaedah yang mudah bagi menghabiskan pembelajaran yang disarankan dalam sukatan pelajaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Menurut Tuzana binti Mohamad (2014), Murid yang dikategorikan sebagai murid Linus tegar gagal dalam penguasaan kemahiran membaca. Hal ini kerana faktor bahasa ibunda menyumbang kepada kegagalan membaca dalam kalangan murid-murid ini. Masalah ini wujud kerana ahli keluarga murid-murid ini hanya bertutur atau berinteraksi dalam bahasa ibunda mereka. Keadaan ini menjadi penyebab murid-murid ini tidak mampu mempertingkatkan penguasaan dalam kemahiran membaca Bahasa Malaysia. Sebagai contoh, murid Cina dan India hanya berkomunikasi dalam bahasa ibunda masing-masing di rumah mereka. Situasi ini amat sukar untuk dipulihkan dalam

masa yang tertentu. Ini kerana golongan ini tidak tahu perkara yang dibaca dan tidak dapat memahami kosa kata yang terdapat dalam teks yang dibaca.

Pengkaji amat berpengalaman dalam hal ini. Kanak-kanak yang tidak mahir membaca ini kebanyakannya dihalang oleh penggunaan bahasa ibunda mereka. Pengkaji pernah mengkaji hal ini di sekolah bersama salah seorang pensyarah Universiti Putra Malaysia yang menceburi bidang bahasa. Kami mendapati bahawa terdapat slanga bahasa ibunda mereka semasa mereka membaca sesuatu perkataan. Mereka juga sukar berkomunikasi dalam bahasa Melayu kerana bahasa ibunda mereka menghalang mereka. . Mereka tidak ada peluang untuk mempertingkatkan Bahasa Melayu kerana penggunaannya amat kurang. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu harus memastikan mereka berkomunikasi dalam Bahasa Melayu di sekolah dan di rumah.

Kemahiran membaca akan menjadi sangat mudah sekiranya seseorang itu berinteraksi menggunakan bahasa yang ingin dikuasai. Penguasaan dalam kemahiran membaca akan menjadi lebih mudah sekiranya seseorang itu berkomunikasi dalam bahasa berkenaan. Dalam usaha mendorong anak-anak untuk menguasai kemahiran membaca, keluarga memainkan peranan yang penting. Murid-murid ini patut dilepaskan dari kumpulan Linus tegar ini. Ibu bapa harus berganding bahu bersama guru dalam mengatasi situasi ini.

Menurut Abdul Rashid Jamian (2011), jikalau seseorang murid itu mengalami masalah membaca maka mereka turut akan mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas seperti kemahiran bertutur dan lisan. Beberapa kelemahan telah dikenalpasti sewaktu pelaksanaan lisan seperti membunyikan huruf yang hampir sama bentuknya dengan salah, tidak dapat membunyikan huruf yang terdapat pada teks dan mengalami kekeliruan semasa membunyikan huruf yang hampir sama bentuk. Keadaan ini akan menyebabkan murid gagal menyebut susunan

rangkai kata, perkataan dan frasa dan tidak dapat mengikut gaya bacaan betul. Masalah murid gagal dalam menguasai kemahiran membaca diikuti oleh lisan akan menyebabkan mereka tidak dapat melahirkan ekspresi melalui tulisan.

Menurut Hasnah dan Habibah (2010) ibu bapa harus menukar pandangan mereka terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Mereka menganggap bahawa anak-anak mereka adapat memperoleh kemahiran membaca, menulis dan mengira di sekolah dengan bantuan guru sahaja. Mereka harus sedar bahawa tanggungjawab ibu bapa terhadap pembelajaran anak-anak memainkan peranan dalam menjamin kecemerlangan dan kegemilangan anak-anak mereka. Ibu bapa perlu diberikan pendedahan tentang tanggungjawab yang harus dipikul dan perkara yang perlu dilakukan dengan kanak-Kanak mereka di rumah. Ibu bapa harus membimbing anak-anak mereka sebagai usaha meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan mengira anak-anak mereka. Oleh yang demikian, sebuah modul harus dibina berkenaan literasi supaya ibu bapa berganding bahu dengan guru dalam mengatasi masalah membaca ini.

Selain itu, Sikap pentadbir sekolah iaitu ketidakprihatinan dan sikap tidak bersungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh Ketua jabatan di sesetengah sekolah merupakan salah satu masalah yang diknalpasti dalam mengatasi masalah pemulihan. Didapati bahawa mereka tidak menunjukkan minat mereka dalam pelaksanaan kelas bagi muri pemulihan yang sedang dilaksanakan di sekolah. Sikap tidak endah ini dapat diketahui apabila guru besar tidak mengambil berat tentang aspek-aspek keperluan seperti modul, kelas yang kondusif yang dilengkapi dengan bahan-bahan yang diperlukan bagi pelaksanaan kelas pemulihan ini. Ada pentadbir yang mengarahkan guru pemulihan untuk menutup kelas pemulihan buat sementara waktu kerana mereka disuruh untuk masuk ke kelas guru yang tidak hadir ke sekolah kerana

mengambil cuti sakit, cuti bersalin atau cuti rehat. Situasi ini akan menyebabkan guru pemulihan tidak dapat menjalankan pembelajaran seperti yang telah dirancang. Dengan ini tamtlah usaha guru untuk membantu murid yang lemah dalam aspek bacaan.

### **2.2.1.3 Penguasaan membaca**

Menurut Chew Fong Peng (2017), Literasi Bahasa Melayu merupakan Pendidikan yang sangat penting yang harus dilaksanakan di sekolah. Proram ini juga telah dilancarkan secara rasmi dengan nama LINUS 1. Program ini juga merupakan strategi kerajaan yang disebut National Key Result Area ( NKRA)

Misi program ini adalah untuk memperkembangkan ketrampilan literasi dalam kalangan murid-murid yang akan melahirkan generasi celik huruf yang dapat berdaya saing menjelang abad 2020. Teori Piaget (1936) diaplikasikan untuk menilai program LINUS dalam kajiannya. Satu kajian telah dilakukan ke atas 120 murid di 3 buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Dapatan penyelidikan menyatakan pelajar-pelajar sangat suka akan program LINUS dan mereka juga melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dengan gembira. Hasil tinjauan menunjukkan bahawa guru-guru linus menggunakan pelbagai kaedah dan Teknik bagi menyampaikan pelajaran. Cara pengajaran mereka menyeronokkan dan juga guru-guru ini mempraktikkan bahasa yang dapat dikecapi oleh anak murid. Guru-guru yang mengendalikan kelas LINUS mengajar menggunakan teknik berpusatkan murid seperti yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan. Aktiviti pembelajaran yang dilakukan ialah seperti aktiviti kumpulan, main peranan, kuiz dan permainan. Selain daripada itu guru-guru LINUS menggunakan computer dan tayangan video bagi menarik perhatian murid. Di sini,

kita dapat membuat kesimpulan bahawa program LINUS membuahkan hasil dan mendapat sambutan yang baik daripada murid.

Menurut Nurhayati Nasir (2016), aktiviti membaca adalah salah satu kebijaksanaan asas serta penting dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan. Bahasa Melayu. Murid-murid diseru untuk membaca untuk memperkayakan kosa kata dan juga bagi meningkatkan penguasaan mereka. Didapati murid-murid masih menunjukkan kecenderungan mereka dalam membaca buku cerita Bahasa Melayu walaupun guru berusaha untuk memberikan galakan kepada murid untuk membaca buku cerita Bahasa Melayu. Situasi ini berlaku kerana murid-murid lebih terdedah kepada buku cerita Bahasa Inggeris. Sebaliknya kurang memberikan keutamaan kepada Bahasa Melayu. Hal ini juga menjadi penyebab kepada kemerosotan minat terhadap bahan bacaan Bahasa Melayu.

Kajian Chew Fong Peng (2015), telah mengkaji pencapaian literasi dalam Bahasa Melayu di bawah program LINUS. Dalam kajian ini, perkembangan Teori Jerome Bruner's telah diaplikasikan. Ujian membaca dan menulis telah diperkembangkan daripada modul Program LINUS dan telah dilaksanakan dalam kalangan 80 orang murid tahun 4 daripada 2 jenis sekolah yang berlainan iaitu sekolah kebangsaan Cina dan sekolah kebangsaan Tamil. Keputusan hasil kajian didapati tahap membaca dan menulis memuaskan. Ujian – T telah menunjukkan perbezaan antara kaum dan jenis sekolah dengan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid-murid tersebut akan tetapi perbezaan jantina tidak menunjukkan tahap penguasaan mereka. Oleh sebab itu, guru-guru perlu mengambil kira kaum dan jenis sekolah dalam pelaksanaan Program LINUS kerana ia menjadi faktor utama untuk mengenal pasti tahap literasi, pencapaian dan juga kejayaan Program LINUS.

Menurut B.A Faturah Binti Azizan (2014), menyatakan pandangan Salbiah Mohd Yusof selaku Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengulas bahawa tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sangat kurang jika dibandingkan dengan amalan membaca rakyat di negara-negara luar. Fenomena ini sangat merisaukan semua pihak kerana negara kita dicatatkan negara yang mempunyai amalan membaca yang kurang. Sehubungan itu, beberapa program diadakan oleh pihak kerajaan bagi tujuan meningkatkan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pada pandangan pengkaji, maklumat yang diberi oleh Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ,Salbiah Mohd Yosof perlu diakui. Di Malaysia tabiat membaca bearada pada tahap yang menyedihkan. Masyarakat kini lebih sibuk menggunakan bahan-bahan seperti ‘Android’ dalam kehidupan seharian mereka. Mereka beranggapan bahawa semua maklumat dapat diperolehi dari media sosial. Masyarakat di Malaysia juga tidak berminat menggunakan masa lapangnya untuk membaca bahan-bahan bacaan. Jumlah yang datang ke perpustakaan awam juga amat kurang.

Membaca sangat penting dan mesti dikuasai oleh setiap masyarakat. Bacaan membantu manusia untuk menginterpretasi mesej yang diterima dari pihak lain. Perkataan bacaan dapat dimaksudkan dengan meluas. Ia bukan hanya proses membunyikan sesuatu tulisan. Dalam aktiviti bacaan senyap kita harus mendalami dan fahami perkara yang dibaca. Seseorang guru dapat mencapai matlamat pengajaran dan pemudahcaraannya dengan mengendalikan pelbagai kaedah yang baik.

Karya Haji Salleh (2012), di mana kesilapan guru telah membincangkan tentang kanak-kanak yang masih tidak mampu membaca. Terdapat sebanyak satu

ratus ribu murid yang belajar di sekolah rendah di negara kita tidak dapat membaca, menulis dan mengira. Perkara ini amat membimbangkan kerana isu ini masih makin serius sedangkan negara kita dalam proses menuju wawasan 2020. Kita tidak boleh bertepuk dada dengan kemajuan negara kita kerana sebanyak 3% murid tahap satu dan dua tidak dapat membaca. Perkara ini tidak dapat diatasi jika dibiarkan begitu sahaja. Menurut beliau pemantauan yang sepatutnya tidak dilakukan oleh Kementerian Pendidikan yang membuahkan hasil yang amat buruk ini.

Menurut Ruzaini Binti Rani (2015), Keupayaan murid-murid akan semakin meningkat sekiranya mereka diberi atau dibimbing dengan kesediaan belajar yang baik dan berkesan. Disamping itu, mereka juga harus memupuk amalan menjemput terhadap pelajaran yang dipelajari serta mereka harus mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada pihak keluarga terutamanya ibu bapa. Asas pengetahuan dalam kemahiran membaca yang dimiliki oleh murid-murid, penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi keluarga amat mempengaruhi penguasaan membaca dalam kalangan murid-murid. Tambahan pula, kanak-kanak akan memperoleh ketrampilan berbahasa melalui pengalaman dan proses pembelajaran yang dilaluinya.

Menurut majalah Didik Baik 2012, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) telah mengaku bahawa hampir semua sekolah rendah di seluruh negara kita terdiri daripada murid yang tidak tahu membaca, menulis dan mengira dengan jumlah yang banyak. Menurut Setiausaha Agung (NUTP), Lok Yim Pheng (2012), terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan masalah membaca dan menulis ialah kekurangan guru bagi mengendalikan murid-murid yang mengalami masalah membaca ini. Menurutnya lagi, masalah ini sudah lama menular dalam sekolah rendah dan sedang berlaku di setiap sekolah rendah.

Pada pendapat pengkaji, bagi menangani malah membaca, kerajaan telah mengambil tindakan dengan mewujudkan kelas pemulihan. Kerajaan menghadapi masalah di mana didapati guru yang mengajar kelas pemulihan sangat terbatas. Terdapat juga sekolah yang yang diberi seorang guru pemulihan bagi mengendalikan semua kelas tahun satu hingga tahun tiga. Oleh yang demikian pihak Kementerian Pendidikan harus memperbanyakkan guru-guru pemulihan terutamanya di sekolah jenis kebangsaan bagi membasmi masalah literasi membaca.

Menurut Siti Fatimah Ali dan Najeemah Mohd Yusof (2012), dalam kajian “Kemahiran Membaca Kanak-kanak dalam Aplikasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain” keupayaan membaca sangat penting yang perlu dimulakan pada awal pendidikan kanak-kanak. Kebolehan membaca merupakan kemahiran yang asas dalam proses pembelajaran. Oleh yang demikian, murid-murid prasekolah perlu diberi galakkan untuk berkembang dengan maksimum (optimum) sehingga mereka dapat menguasai sesuatu bahasa selari dengan perkembangan mereka. Sebagai hasil komunikasi pembelajaran anak murid mempelajari sebuah bahasa dengan cara menyerap dan menyimpan bahasa itu dalam ingatan. Proses membaca adalah kemampuan seseorang kanak-kanak mengenali serta mentafsir sesuatu simbol dan perkataan dengan sebutan, jeda dan kelancaran yang betul. Kebolehan membaca adalah keupayaan atau ketrampilan sangat penting diperoleh oleh kanak-kanak walaupun umur mereka pada usia awal. Terutamanya murid prasekolah. Kanak-kanak yang sifar literasi iaitu kanak-kanak yang dapat membaca ayat-ayat mudah dengan lancar dan dapat menguasai perbendaharaan kata asas dan yang dapat mengeja perkataan berada di kedudukan yang lebih meyakinkan dan lebih selesa jikalau kita lihat kanak-kanak yang tidak ada ketrampilan dalam kemahiran membaca. Oleh itu, keupayaan dalam kemahiran membaca yang berkesan dan betul



serta tepat seharusnya bermula pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak. Jika masalah membaca kanak-kanak tidak dipulihkan pada peringkat awal maka mereka akan kekal lemah sehingga tamat sesi persekolahan sekolah rendah.

Secara langsung, keadaan ini akan menyukarkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar sekiranya keadaan ini berlanjutan. Para guru menggunakan strategi dan teknik pengajaran yang lebih berkesan dalam mengajar kemahiran membaca disebabkan oleh kesedaran terhadap kepentingan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan kanak-kanak oleh guru-guru. Ini adalah bertujuan bagi memastikan tahap kanak-kanak dalam kemahiran membaca dapat diperkembangkan lagi. Kebanyakan pada masa kini mengamalkan pengajaran dan pembelajaran konvensional yang berpusatkan guru tidak menepati kaedah yang disarankan oleh Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Ia memberi penekanan kepada strategi yang berpusatkan kanak-kanak. Kebolehan untuk menguasai kemahiran membaca bukan sesuatu kerja yang mudah dilaksanakan atau diamalkan berbanding dengan proses menguasai kemahiran berbahasa secara lisan yang boleh dikuasai oleh semua kanak-kanak. Pengajaran dan pembelajaran perlu dirancang dengan teliti untuk membantu menguasai kemahiran membaca. Jika tidak ada perancangan yang teliti maka penguasaan kebolehan membaca tidak akan berlaku. Dalam peringkat permulaan pengajaran bacaan, guru-guru harus menggunakan teknik, strategi, kaedah serta pendekatan yang baik serta sesuai dengan persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang dihadapi oleh kanak-kanak.

Dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu, aktiviti membaca menjadi faktor utama. Kos kata menjadi terhad dan menghambat pemahaman tatabahasa serta struktur ayat Bahasa Melayu kerana pendedahan yang berkurangan dalam

bahan bacaan Bahasa Melayu. Ini akan merosotkan penguasaan Bahasa Melayu murid-murid. Hal ini kerana murid-murid tidak dapat bertutur, memahami dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik. Walaupun terdapat murid yang berbangsa Melayu, penggunaan Bahasa Melayu semakin menurun. Mereka tidak mengenali bahan bacaan Melayu yang menarik kerana mereka tidak memberi peluang kepada diri sendiri untuk membaca buku-buku cerita Melayu. Situasi ini akan memusnahkan perkembangan Bahasa Melayu kerana murid lemah dalam penguasaan bahasa ibunda mereka dengan baik.

Menurut majalah Didik Baik (2012), Masalah membaca dalam kalangan murid-murid ini wujud kerana faktor sekolah. Hal ini kerana sekolah merupakan penyumbang atau sebab kepada masalah membaca ini. Sepatutnya masalah ini sepatutnya diatasi di tahap satu ataupun sekurang-kurangnya sebelum mereka memasuki tahun enam. Sebagai contoh, guru-guru pada masa kini lebih berminat atau memberikan usaha mereka kepada murid-murid tahun enam yang bakal menduduki peperiksaan UPSR maka mereka tidak banyak memberikan tumpuan kepada murid-murid lembap yang tidak menguasai kemahiran membaca. Keadaan ini wujud kerana guru-guru ini ingin anak murid UPSR mereka lulus dalam peperiksaan serta meningkatkan GPS sekolah. Murid-murid yang lemah dalam kemahiran membaca sepatutnya dikenalpasti pada peringkat awal dan mereka sepatutnya mantap dalam kemahiran membaca semasa menjejaki tahun tiga. Pada tahap dua pula, pengajaran seperti biasa harus dijalankan ke atas murid-murid ini.

Pengkaji setuju dengan kenyataan di atas. Masalah membaca perlu diselesaikan apabila murid berada pada tahap 1. Guru-guru harus berganding bahu bagi membimbing kanak-kanak yang berhadapan dengan masalah dengan penggunaan teknik yang lebih efektif. Di kebanyakan sekolah masih terdapat murid

LINUS yang tidak melepasi LINUS dan memasuki program Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Hal ini amat membimbangkan.

Menurut Majalah Didik Baik (2012), Kecerdasan dan keupayaan membaca sangat berkait rapat dengan faktor individu. Para murid yang memiliki tahap kecekapan yang baik dapat memahami dan menguasai teks bacaan dengan cepat jika dibandingkan dengan murid yang lemah dalam kemahiran membaca. Faktor individu merupakan faktor yang sangat berkait rapat dengan tahap kecerdasan murid yang lemah dalam aktiviti pembelajaran dan kemahiran membaca. Murid-murid kurang kecerdasan ini juga mempunyai masalah ingatan yang lemah. Ini mengakibatkan mereka gagal mengimbas atau mengingat semula perkara atau isi yang dipelajari dalam tempoh masa yang panjang. Kebolehan membaca ini berkait rapat dengan faktor kecerdasan murid atau faktor individu. Kecerdasan murid yang lemah menyebabkan mereka tidak berupaya untuk mengingat apa-apa yang diajar untuk tempoh masa yang lama. Ini akan mendorong murid-murid untuk membuat andaian yang meleset dari perkara yang diajar oleh guru.

Menurut Siti **Fatimah** Ali dan Najeemah Mohd Yusof (2012), Kemahiran membaca adalah kemahiran yang sangat penting yang perlu dikuasai oleh setiap orang. Kemahiran membaca ini juga perlu dikuasai oleh kanak-kanak yang berhadapan dengan arus pembangunan pendidikan dalam era baru ini. Hubungan dengan dunia luar seseorang kanak-kanak akan terputus jika mereka gagal menguasai kemahiran membaca ini. Kemahiran membaca ini juga penting bagi kanak-kanak prasekolah. Prestasi murid akan terjejas bukan sahaja dalam bahasa dan komunikasi malah dalam tunjang lain juga. Murid-murid yang lemah atau tidak berupaya membaca akan ketinggalan dalam aktiviti pembelajaran. Keadaan ini akan menjejaskan pembelajaran mereka apabila masuk ke Tahun 1. Situasi

ketidakupayaan menguasai kemahiran membaca akan melahirkan murid-murid yang tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan lemah dalam menguasainya. Ketidakcekapan dalam mengecam huruf besar dan huruf kecil sewaktu proses membaca, tidak berupaya menyebut perkataan yang dieja, selalu meninggalkan perkataan yang tidak diketahui atau tidak dapat membunyikan, tidak membunyikan perkataan dengan tepat dan betul merupakan beberapa masalah membaca yang dikenalpasti. Keadaan ini akan menyebabkan murid-murid membaca secara merangkak-rangkak dan pembacaan seperti ini akan menyebabkan murid tidak memahami teks yang dibaca.

Menurut Bahagian Perancangan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2002) dalam kajiannya terhadap program intervensi membaca yang bertajuk Pelaksanaan Program Pemulihan Khas Sekolah Rendah, menjelaskan bahawa kelemahan murid-murid pemulihan dalam menguasai kemahiran membaca dan apa yang difahami dalam kajian ini adalah kesukaran murid membaca kerana tiada penggunaan bahasa Melayu, kegunaan bahasa asal. Faktor yang dinyatakan ini akan mempengaruhi penguasaan dalam kemahiran membaca dan memahami teks bacaan.

Menurut Tuzana Bt Mohamad (2014), para pengkaji dalam bidang bacaan berpendapat bahawa langkah yang paling berkesan untuk mengatasi masalah lemah dalam kemahiran membaca patut diambil pada peringkat tahap satu persekolahan. Langkah –langkah mengatasi masalah ini disarankan dengan segera supaya murid-murid tidak berhadapan dengan masalah menguasai kemahiran asas 3M. Murid-murid dapat dibentuk dengan lebih baik pada usia awal lagi. Oleh yang demikian, pembelajaran dan pengajaran kemahiran membaca pada peringkat tahun satu perlu diberi perhatian dan penekanan. Dalam memperkukuhkan kemahiran membaca guru memainkan peranan yang penting. Guru Bahasa Malaysia perlu menyampaikan

pengajaran yang berkesan serta efektif kepada anak murid mereka. Bagi memberi pengajaran bacaan yang berkesan, guru-guru tahun satu perlu mahir dengan pengetahuan yang secukupnya agar dapat membimbing anak didik mereka ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Pengkaji berpendapat bahawa guru-guru sekolah rendah harus mengenal pasti murid-murid yang mempunyai masalah membaca pada tahun satu. Tindakan sewajarnya harus diambil supaya murid-murid ini menguasai kemahiran membaca sebelum melangkah ke tahun dua. Program-program bacaan perlu diadakan pada masa ke semasa agar dapat mengembangkan tahap membaca murid. Prestasi peningkatan penguasaan membaca harus direkodkan oleh guru-guru. Tindakan ini akan membantu mengurangkan atau mengelakkan masalah murid dalam kemahiran membaca.

Menurut Nor Assikin Binti Zainal (2015), Ketidakupayaan murid dalam kemahiran membaca telah menjadi satu isu yang tidak seharusnya dipandang remeh. Isu ini juga telah menarik perhatian pelbagai pihak. Isu kelamahan murid dalam membaca ini masih dibincangkan sejak dahulu hinggalah kini. Perkara ini boleh disahkan menerusi kajian yang dilaksanakan bagi mengatasi isu ini. Kemahiran membaca merupakan suatu kemahiran yang harus dibina dengan baik supaya memberi kesan yang baik dan efektif dan ia bukannya sesuatu kemahiran semula jadi. Ini turut disokong oleh Yahya Othman (2004), yang menyatakan bahawa membaca adalah satu proses komunikasi antara teks dengan imaginasi pembaca. Oleh yang demikian, bagi menjadikan corak pengajaran yang lebih bervariasi, guru-guru harus mempelbagaikan kaedah pengajaran kemahiran membaca. Pengajaran guru juga perlu menarik perhatian serta mencungkil hasrat murid belajar dengan baik. Selain itu kemahiran membaca ini dianggap sebagai kemahiran asas dalam

menguasai ilmu pengetahuan. Terdapat anak didik yang memerlukan teknik yang sesuai dengan tahap pembelajaran mereka walaupun kemahiran ini mudah dikuasai dengan kaedah abjad.

Menurut Tuzana Bt Mohamad (2014), Punca utama yang membolehkan seseorang pendidik dapat menyampaikan pengajaran dengan penuh yakin adalah pendidikan guru itu sendiri. Ini secara tidak langsung akan membuahkan kejayaan dalam kalangan murid-murid. Guru-guru perlu mempertingkatkan kelulusan akademik serta menanam sikap tanggungjawab dan sedar supaya mereka bersungguh-sungguh dan sedia berganding bahu dalam mengilatkan kemahiran murid dalam kemahiran membaca.

Majalah Akhbar Didik (2012) melaporkan bahawa minat merupakan aspek yang penting untuk melahirkan tabiat membaca. Ibu bapa dan guru harus minat dalam meningkatkan tahap membaca murid. Minat terhadap aktiviti membaca akan melahirkan manusia yang Berjaya dalam masa hadapannya. Perkara yang sebaliknya akan berlaku kepada kaak-kanak yang lemah dalam membaca di mana akan wujud keadaan di mana rakan-rakan yang dapat membaca dengan baik akan menyingkirkan mereka. Ia akan menyebabkan murid lemah ini berasa kecewa, marah dan akan berasa malu bersemuka dengan rakan-rakan yang lain. Murid-murid lemah ini juga akan mengasingkan diri mereka kerana mereka akan rasa mereka tidak diendahkan. Ini akan membawa kepada minat murid terhadap pelajaran pupus. Walaupun murid-murid yang mengalami masalah membaca ini melalui pelbagai peringkat pembelajaran untuk meningkatkan ketrampilan membaca mereka tetapi masih mereka tidak dapat membaca akan melahirkan sikap malas untuk belajar dalam diri mereka.

Sebagai seorang guru bahasa, saya berpendapat murid-murid yang lemah dalam bacaan, biasanya akan sedih dan cuba mengasingkan diri kerana mereka membandingkan ketrampilan membaca mereka dengan rakan-rakan mereka yang lain. Sikap malas wujud dalam diri murid kerana mereka gagal menangani masalah membaca mereka dan mereka tidak mahu mencuba untuk membaiki kelemahan mereka. Murid-murid ini akhirnya hilang motivasi dirinya bagi meneruskan pelajaran bersama murid-murid yang mahir membaca.

Menurut Yahya Othman (2012), telah membincangkan kepentingan kaedah Fonik dalam bacaan. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kaedah fonik juga memberikan kesan baik dalam meningkatkan prestasi pembelajaran murid dan juga mempercepatkan penguasaan kemahiran membaca. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa murid lebih berminat dan bermotivasi tinggi untuk membaca pelbagai jenis bahan bacaan. Salah satu cara yang berkesan untuk mengajar membaca ialah kaedah fonik dan ia boleh diaplikasikan dalam kalangan murid-murid normal dan juga yang mempunyai masalah pembelajaran. Penekanan aspek bunyi dengan mengajar bunyi-bunyi huruf tertentu berlaku dalam kaedah fonik. Ini akan membantu murid menguasai kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu.

Menurut Nor Assikin Binti Zainal (2015), bagi membimbing murid yang tidak boleh membaca dan memperingkatkan ketrampilan membaca para pendidik telah menggunakan teknik yang pelbagai. Guru-guru mengajar teknik mengenali dan membunyikan huruf vokal, aktiviti ini disambung dengan aktiviti membunyikan suku kata dan beralih kepada membaca perkataan yang mudah ke sukar. Proses pengajaran mudah ke sukar adalah untuk memperkembangkan pemahaman murid serta untuk memastikan murid faham dengan mudah. Guru-guru yang menggunakan strategi pengajaran ini akan mencapai objektif pengajaran mereka

dan juga memastikan kriteria kejayaan murid dicapai supaya murid boleh beralih kepada tajuk pembelajaran yang selanjutnya.

Corak pengajaran dan pemudahcaraan ini juga menyentuh penyelidikan yang dilakukan oleh Zaidah Othman (1978) yang menyatakan bahawa kemahiran Bahasa Melayu kanak-kanak harus diasah dan diperkukuhkan sebelum aktiviti membaca ayat-ayat dilaksanakan. Berikut merupakan kemahiran-kemahiran Bahasa Melayu yang perlu ada pada murid pada usia awal ialah:

- i. Mengenal dan bunyikan nama huruf yang dibaca.
- ii. Membunyikan dan menyatakan jumlah huruf dengan tepat.
- iii. Membarangkan suku kata dan perkataan

Aktiviti berulang ini sangat penting bagi murid-murid lemah. Ini kerana daya pemahaman dan kuasa ingatan mereka agak rendah. Oleh itu, teknik pengulangan teknik membaca ini akan membantu murid-murid ini imbas kembali perkataan yang dibaca setiap hari.

Menurut Majalah Didik Baik (2012), Kemahiran membaca adalah perkara yang amat penting untuk menimba sesuatu ilmu pengetahuan. Manusia yang mempunyai ketrampilan membaca akan dapat mendapat dan mempertingkatkan ilmu mereka dalam jurusan-jurusan yang lain. Dengan itu, sejak sistem Pendidikan diamalkan, kemahiran asas membaca dan menulis menjadi aktiviti utama yang diajar di semua sekolah. Guru-guru menyatakan bahawa murid-murid yang membaca dengan baik akan menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang.

Sedangkan begitu, masih terdapat kekurangan dan kelemahan dalam membaca dalam kalangan murid-murid. Di mana mereka masih tidak dapat membaca dengan baik dan lancar. Pada masa kini, dunia Pendidikan sedang mengejar arus pembangunan dalam pelbagai bidang iaitu dalam Pendidikan, budaya, teknologi



maklumat dan sebagainya. Oleh yang demikian, guru-guru perlu memandang serius terhadap masalah membaca yang tidak ada penyelesaian hingga kini. Warga pendidik amat diharapkan bagi meningkatkan prestasi membaca dalam kalangan murid-murid supaya kita dapat menuju era pembangunan dari segi semua bidang.

Menurut Ahmad Sharbini bin Sharif (2012), kemahiran membaca merupakan kemahiran bahasa yang sangat dipentingkan berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu. Murid-murid dapat memperoleh ilmu pengetahuan melalui membaca yang tidak dapat didapati dari pengalaman kehidupan seharian yang lain. Para pembaca yang baik, dapat memperkembangkan idea, fikiran dan kebolehan mereka. Keupayaan dalam membaca amat penting dalam membimbing dan memperluaskannya kepada murid-murid. Kanak-kanak akan diajar kemahiran membaca, menulis dan mengira. Kanak-kanak perlu diajar kemahiran membaca pada usia awal bagi membina kemahiran asas yang akan membantu mereka membaca perkataan-perkataan yang sukar apabila memasuki sekolah rendah. Kanak-kanak ini juga tidak akan menenpuh dengan masalah kelemahan membaca malah mereka akan mengenali huruf dan abjad dan akan membaca sesuatu perkataan itu dengan betul dan lancar. Membimbing pada usia awal ini akan menjadikan kanak-kanak ini tagih membaca dan ia akan berubah menjadi tabiat mereka. Selain itu, cara ini akan membantu Kementerian Pendidikan untuk mencapai matlamatnya.

Menurut Majalah Pendidik (2012), kelemahan kanak-kanak membaca ada kaitan dengan peperiksaan yang gagal mencapai kecemerlangannya. Ini kerana murid-murid yang gagal dalam peperiksaan selalunya murid yang tidak dapat membaca tajuk. Ini akan menyebabkan murid ini tidak berpeluang memahami

kehendak soalan. Perkara ini berlaku kerana murid-murid ini tidak memperoleh kemahiran membaca kerana strategi yang betul gagal digunakan.

Murid -murid yang tidak dapat membaca tidak dapat memahami mata pelajaran yang lain. Mereka akan mengalami kesukaran dalam memahami mata pelajaran yang lain kerana mereka tidak mahir dalam membaca. Ini juga akan menjejaskan markah mereka dalam subjek-subjek yang landaskan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Murid -murid yang tidak dapat membaca tidak dapat mempelajari mata pelajaran lain yang diajar dalam Bahasa Melayu kerana mereka langsung tidak akan faham apa yang terkandung dalam buku itu mungkin kerana tidak mengenali huruf atau gagap dalam mengeja sesuatu perkataan.

Menurut Mahzan Arshad, Abdul Jalil Othman, dan Chew Fong Peng (2009) telah menjalankan kajian tentang “Kefahaman Bacaan Bahan Penulisan dalam Kalangan Pelbagai Etnik di dalam Bilik Darjah: Kajian Kes di Malaysia”. Didapati bahawa perhubungan yang signifikan antara pelbagai etnik di Malaysia dikenalpasti dengan kefahaman bacaan bahan penulisan. Kenyataan ini telah disahkan oleh hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Normarini Binti Norzan (2011) tentang tajuk “Keberkesanan Program Linus Dalam Meningkatkan Keupayaan Membaca Murid Tahun 1” telah menunjukkan bahawa pembaca lebih cenderung untuk membaca bahan bacaan yang berkisar tentang latar belakang kaum dan bahasa ibunda yang telah digunakan di rumah. Menurut Nurul Ahikin Binti Md Yatim (2012), kepentingan menyediakan bahan bacaan yang berkait rapat dengan latar belakang setiap kaum dan bahasa yang digunakan adalah penting sebagai cara untuk mengurang jurang perbezaan kaum dan bahasa antara murid dan ia dapat meningkatkan kefahaman serta menimbulkan sikap menghargai kepelbagaian budaya

dan bahasa yang ada di Malaysia agar mewujudkan suasana yang harmoni dan saling menghormati dalam masyarakat Malaysia.

Menurut Rohani Abdullah (2001), kanak-kanak dapat mengeluarkan perkataan yang berkaitan tentang makanan sebagai perkataan pertama mereka. Oleh itu, sebagai guru sekolah bagi kanak-kanak ini, mereka harus peka dan mahir dalam memilih perkataan yang mudah diingati dan dikuasai oleh murid dalam pelaksanaan pengajaran kemahiran asas membaca.

Menurut Kajian yang dilakukan oleh Siti Syakimi Binti Mohd Yosoff (2009) yang bertajuk *Kesediaan Membaca dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah di Shah Alam*, Persekitaran murid yang berbeza dari segi status ekonomi sosial dapat memberi satu perubahan kepada penguasaan membaca murid. Bahasa dan bangsa di sekolah yang berbeza dengan pertuturan bahasa ibunda di rumah turut diberi perhatian dalam melihat keupayaan membaca murid. Sebagai permulaan, semua kanak-kanak belajar membaca dengan mengenalpasti perkataan bercetak dan mempelajari bagaimana membina makna daripada perkataan yang dibaca.

Menurut Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam dan Saedah Siraj (2011), pendekatan pada proses pengajaran dan pemudahcaraan yang efektif dianggap wajar diamalkan untuk mencapai kemajuan dalam keupayaan membaca murid dalam penguasaan kemahiran literasi murid dalam subjek Bahasa Melayu. Keupayaan pendidik dalam menggunakan kaedah pengajaran dan pemudahcaraan yang baik akan membolehkan murid dalam meningkatkan ketrampilan membaca dan Sebagai memperkukuhkan kenyataan ini, Abdul Rasid Jamian (2011), dalam kajiannya yang bertajuk "*Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar*" telah menjelaskan bahawa masalah yang timbul dalam pembacaan boleh diperbetulkan

dengan membuat perancangan yang menarik minat murid serta mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Persekitaran yang selesa ini berupaya memberikan motivasi kepada murid-murid dalam mengikuti pelajaran dengan lebih baik dan berterusan.

Menurut Abdul Rasid (2011) bahan-bahan sokongan mengajar yang kreatif, luar biasa dan yang sesuai berdasarkan kemampuan pemerolehan minda murid ketika membuat perancangan pengajaran dan pemudahcaraan boleh merangsangkan perhatian murid untuk membaca serta mereka akan lebih giat menjadikan tabiat ini sebagai amalan dalam rutin harian. Bahan-bahan sokongan yang digunakan dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan wajar digunakan dengan meluas dalam proses pengajaran agar meyebarkan ilmu yang lebih berkualiti dan bermakna serta bagi melahirkan sikap positif dalam kalangan diri murid.

Dapatan kajian Yahya Othman dan Dayang Raini Pakar (2011) dalam kajian *“Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan dan Kefahaman dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Brunei Darussalam”* mendapati bahawa penguasaan murid dalam kemahiran membaca dan kefahaman yang berada pada tahap sederhana dapat dipertingkatkan melalui penggunaan CD-ROM . Pernyataan beliau diperkukuhkan dengan pendapat Shamir dan Korat (2006) yang menulis bahawa kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam bacaan berupaya untuk memahami teks cerita yang disampaikan secara interaksi dibandingkan dengan cara pengajaran sehala atau lama. Oleh itu, pengaplikasian CD cerita interaktif dalam bacaan adalah teknik pengajaran dan pemudahcaraan bacaan dan pemahaman dengan cara holistik dan cara ini boleh digunakan bagi memperkembangkan dan memperbaiki kefahaman anak murid yang berada pada tahap sederhana.

Berita Sinar Harian telah mengeluarkan sebuah kenyataan pada 26 Mei 2010. Dalam kenyataannya analisis maklumat yang dikutip berkaitan program membaca yang dijalankan pada setiap tahun, mendapati bahawa murid-murid sekolah rendah lebih melibatkan diri dalam program-program membaca yang dilaksanakan di sekolah berbanding dengan murid-murid sekolah menengah. Tahap bacaan murid - murid sekolah rendah mendapat kedudukan Jauhari iaitu 90.66 peratus pada 2009 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 89.92 peratus di sekolah rendah. Jika dilihat di sekolah menengah, sebanyak 87.11peratus murid mencapai tahap Jauhari pada tahun 2009 jika dibandingkan pada tahun 2008 yang hanya mendapat85.25 peratus sahaja. Analisis juga menunjukkan bahawa bilangan purata membaca bagi sekolah rendah adalah 20 buah buku dan sekolah menengah pula sebanyak 10 buah buku dalam masa satu tahun. Tabiat membaca murid-murid meningkat secara mendadak dalam masa satu tahun iaitu peningkatan pada tahun 2009 jika dibandingkan dengan tahun 2008. Kita dapat lihat di sini statistic membaca di sekolah rendah adalah 20 buah buku dan di sekolah menengah pula, sebanyak 10 buah buku dalam masa satu tahun di sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan akan mengadakan pelbagai aktiviti untuk melahirkan tabiat membaca dalam diri semua murid. Analisis membaca yang dinyatakan tadi, harus meningkat ke 100 peratus. Kementerian juga ingin membawa literasi membaca kepada peringkat yang lebih maju lagi. Mereka juga ingin memastikan program-program bahasa dijalankan di semua sekolah agar amalan membaca dipupuk dalam diri murid agar mereka meminati aktiviti membaca. Amalan membaca ini juga akan membantu murid-murid untuk mengetahui pelbagai perkara yang baharu dan memluaskan kosa kata mereka yang akan membantu dalam peperiksaan mereka.

Kementerian telah memperkenalkan sebuah program baharu yang disebut Kem membaca di semua sekolah pada tahun (2015). Program ini adalah program tahunan yang dirangka khas untuk murid-murid oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyebarkan tabiat membaca serta memupuk sikap mencintai Bahasa Melayu yang boleh dikaitkan dengan tahap membaca murid-murid. Program kem membaca telah diadakan di peringkat kebangsaan selama tiga hari dengan bertemakan Membaca Menjana Pemikiran Satu Malaysia. Ia dilancar untuk memupuk minat membaca serta meningkatkan keupayaan membaca dalam diri murid-murid.

Menurut Evelyn Wong Po Lin (2014), tahap penguasaan murid dalam literasi membaca berada dalam keadaan yang merisaukan. Walaupun murid-murid yang lemah membaca menghadiri kelas literasi, mereka masih tidak dapat lulus dalam ujian literasi LINUS. Mereka juga tidak mencapai pencapaian minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Murid-murid yang datang dari latar belakang yang mempunyai masalah juga mampu membaca pada tahap minimum iaitu mempunyai ketrampilan asas membaca. Pihak sekolah dan juga Kementerian Pendidikan tidak puas hati dengan pencapaian yang sangat minimum ini. Kementerian masih keliru dengan situasi di mana murid-murid masih mempunyai kemusyikilan untuk lulus dalam ujian yang menguji pengetahuan tahap yang sangat rendah. Jika lihat murid-murid yang lulus dalam ujian literasi mereka hanya lulus dalam peringkat yang minimum sahaja di mana mereka berada pada dua zon iaitu lulus atau gagal. Mereka ini berkemungkinan akan gagal jika diberi soalan yang sukar. Guru-guru juga sukar untuk membimbing murid-murid lemah ini kerana mereka perlu akur dengan tanggungjawab yang diperturunkan oleh Kementerian Pendidikan dan mereka tidak ada pilihan lain. Situasi berkenaan terjadi disebabkan pendidik kejar masa untuk mengikut huraian sukatan literasi bahasa bagi membantu

melaksanakan ujian saringan pertama dan kedua yang diadakan dalam setahun. Mereka juga perlu menghantar rekod prestasi dalam masa yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan supaya Kementerian dapat mengambil tindakan susulan bagi murid-murid yang tidak mencapai literasi membaca.

#### **2.2.1.4 Kesediaan Membaca**

Menurut Nor Laila Bt Kuslan (2014), kesediaan belajar sangat penting bagi murid-murid berupaya belajar dengan lebih berkesan apabila memasuki sekolah rendah. Murid-murid ini bersedia menerima ilmu yang diajar dengan cepat dan cekap. Biasanya ibu bapa murid-murid ini akan memberi sokongan yang baik untuk mereka belajar dengan efektif. Ibu bapa murid-murid ini juga bersedia untuk membimbing anak-anak mereka pada setiap masa. Murid-murid yang datang dari keluarga berada iaitu baik dari status ekonomi akan menyokong anak-anak mereka dalam pelbagai cara untuk mempertingkatkan pencapaian anak-anak mereka. Oleh yang demikian status ekonomi, sokongan ibu bapa, ilmu sedia ada akan membantu murid untuk memperkembangkan pelajaran mereka. Pengalaman dan pembelajaran akan membantu murid-murid memperoleh ketrampilan dalam Bahasa Melayu. Oleh itu kesediaan membaca sangat penting untuk belajar pada tahap yang asas di Pendidikan rendah serta pada tahap yang lebih sukar.

Menurut Khadijah Rohani (2008) kesediaan membaca adalah pencapaian tahap perkembangan yang membolehkan seseorang kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan di dalam kelas dengan adanya bantuan para pendidik dan dari pihak luar serta dengan bantuan penjaga yang sedar akan kepentingan bacaan. Beliau memberitahu bahawa murid-murid akan memulakan belajar membaca apabila murid-murid dapat meningkatkan kematangan pada fikiran, kelakuan, dan perasaan, boleh membuat penaaakulan, dapat

menggunakan bahasa. Menurutnya lagi perkara ini akan dapat berlaku sekiranya murid-murid diselaputi dengan pertolongan persekitaran yang positif.

Menurut Yahya (2003,2004), kaedah abjad merupakan salah satu pendekatan binaan (sintetik) dalam proses kesediaan belajar membaca. Beliau menyatakan lagi dalam kaedah abjad murid-murid perlu dilatih menyebut dan menghafal abjad 'a' hingga 'z', kemudian murid akan mengeja suku kata dan perkataan huruf-huruf yang terkandung dalam suku kata dan perkataan. Kenyataan ini telah diperkukuhkan daripada kajian Sofiah (1983) yang menyatakan bahawa pendekatan pengajaran abjad - suku kata telah menghasilkan kesan yang lebih baik dibandingkan dengan pendekatan terus membaca.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Yahya Othman (2013) yang membuat penyelidikan tentang “Keberkesanan Strategi metakognisi dalam pengajaran bacaan dan kefahaman menggunakan teks ekspositori”, Kaedah metakognitif dalam pengajaran dan pemudahcaraan membaca memungkinkan murid-murid menceburi secara aktif secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan. Penggunaan teknik metakognitif dalam pengajaran dan pemudahcaraan mewujudkan anak murid yang memiliki keyakinan diri yang besar. Mereka juga yakin untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran. Murid-murid ini juga akan meminati setiap langkah atau aktiviti yang dijalankan dalam kelas seperti aktiviti kumpulan, persembahan tajuk atau isi pelajaran, mempersembahkan semula apa yang mereka belajar berdasarkan pemahaman mereka dalam sesuatu pembelajaran. Aktiviti-aktiviti seperti ini akan membolehkan murid untuk berinteraksi dengan rakan-rakan mereka, pendidik dan juga bahan bantu mengajar, selain itu, ia akan memperkembangkan taraf pemahaman anak murid terhadap bahan yang dibaca. Suasana pembelajaran antara kumpulan akan mempertingkatkan pemahaman murid dalam subjek yang mereka belajar.



Situasi ini berlainan, dalam pembelajaran secara konvensional. Dalam pengajaran dan pemudahcaraan ini, murid-murid tidak diterapkan dengan Teknik metakognitif. Pengajaran dan pemudahcaraan dijalankan seperti biasa dan hanya sehalu iaitu berpusatkan guru sahaja. Aktiviti yang dijalankan dalam kelas adalah seperti aktiviti membaca teks dan menjawab soalan dengan betul dan diikuti dengan perbincangan jawapan. Cara pembelajaran ini tidak akan memberi peluang kepada murid untuk membuat perancangan, penaakulan dan penilaian selepas sesuatu aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan dijalankan. Cara pengajaran melalui Teknik ini tidak akan membantu mereka untuk memperkembangkan pemahaman, prestasi dan tidak akan berlaku penningkatan prestasi dalam memahami sesuatu isi pelajaran. Pengkaji juga berpendapat bahawa ramai guru menggunakan kaedah konvensional yang memungkinkan murid-murid makin lemah dalam ketrampilan membaca.

Menurut penyelidikan yang dilakukan oleh Siti Syakimi Binti Mohd Yosoff (2009) yang bertajuk “Kesediaan Membaca dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah di Shah Alam” permainan yang ada unsur-unsur pendidikan harus didedahkan kepada kanak-kanak. Cara ini akan mendedahkan diri murid dengan persediaan membaca kerana pembinaan psikomotor seperti permainan menggalakkan kanak-kanak memegang alat-alat tulis seperti pensil dan pembaris dengan betul. Ini adalah perkara yang sangat dipentingkan untuk menyediakan murid-murid untuk mula membaca dan mahir menulis..

Menurut Nur Farhanah Bt. Mohd Amin (2011), telah membuat perbandingan antara teknik menyanyi dan konvensional untuk mengetahui kesan teknik ini dalam membantu mempertingkatkan daya ingatan murid tahu lima dalam tajuk “Kitaran Air” dalam pengajaran dan pemudahcaraan yang dijalankan. Responden yang dipilih

oleh beliau ialah 10 orang murid. Dalam penyelidikan ini, penyelidik mereka lagu baru dan merangka lirik lagu yang mempunyai maklumat yang berkaitan dengan kitaran air.

Analisis yang diberikan oleh Perpustakaan sekolah pada tahun 2011, sejumlah 359 murid telah daftar untuk menjadi ahli. Kunjungan ahli-ahli ini ini mencecak sebanyak 70 peratus setiap minggu. Walaupun jumlah kunjungan menunjukkan peritus yang baik akan tetapi didapati sebanyak 557 buah buku sahaja telah dipinjam sepanjang bulan Januari sehingga November pada tahun 2011. Analisis ini menunjukkan bahawa jumlah buku yang dibaca oleh murid-murid sekolah ini agak rendah kerana ia hanya menunjukkan 1.5 purata sahaja bagi setiap orang. Jumlah purata ini membuktikan bahawa terdapat ramai murid yang masih tidak tahu tentang betapa pentingnya ketrampilan membaca yang akan menjadi tiang untuk mempertingkatkan ilmu dan perkembangan mereka secara keseluruhannya.

Hasnalee (2012), menyatakan bahawa warga pendidik LINUS harus arif dan pakar dalam mengukur kesediaan murid-murid dan mengetahui tentang aktiviti yang sesuai yang patut disampaikan kepada murid-murid ini. Pendidik ini juga perlu menggunakan Teknik psikolinguistik dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan untuk memberi penekanan kepada kebolehan berfikir dan tahap menguasai Bahasa serta pemahaman murid terhadap aktiviti pengajaran yang dijalankan. Ini akan memberi impak yang lebih besar dalam ketrampilan membaca dan pemahaman murid-murid LINUS.

Menurut Abdul Jalil (2011) , para pendidik perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan mereka cara-cara pengajaran yang lebih berkesan dan efektif untuk menyampaikan isi pelajaran kepada anak murid dan bagi menjalankan aktiviti pengajaran yang menarik minat murid. Kesediaan murid untuk belajar dalam kelas

LINUS akan meningkat dengan cara ini. Dengan adanya kesediaan murid dan minat murid terhadap sesuatu sesi pengajaran maka murid-murid ini akan memperoleh ilmu dari warga guru LINUS.

Majalah Didik (2012), mengulaskan bahawa untuk murid-murid yang mempunyai kelemahan dalam membaca, strategi pengajaran yang menggunakan pelbagai deria wajar dikendalikan dalam kelas. Jikalau pendidik merancang untuk menggunakan sesuatu Teknik, mereka harus mengikuti langkah-langkah yang ditetapkan dalam Teknik tersebut. Seseorang guru itu boleh dikatakan tidak menggunakan Teknik pengajaran yang dipilih sepenuhnya maka guru itu tidak boleh menyatakan bahawa mereka telah menggunakan Teknik tersebut dalam pengajaran dan pemudahcaraan.

Masalah kelemahan dalam membaca tidak sepatutnya wujud kerana jumlah penduduk negara tidak banyak dan negara kita kaya dengan kemudahan Pendidikan yang setaraf dengan negara-negara membangun. Dalam keadaan ini kita oleh menerima jika tahap membaca murid berada pada tahap yang agak kurang dan boleh dibaiki. Akan tetapi situasi menunjukkan walaupun terdapat prasarana Pendidikan yang cukup maju, jumlah murid yang tidak boleh membaca makin hari makin meningkat. Oleh yang demikian pihak yang tertentu harus mengenalpasti kelemahan dan mesti cuba memulihkan keadaan ini supaya kita perlu mencapai tahap membaca yang baik seperti negara-negara lain. Jika Kementerian dan warga pendidik tidak mencari nalan penyelesaian maka akan pupuslah system Pendidikan kita yang gagal melahirkan murid-murid yang celik membaca. Kesediaan murid untuk menerima sesuatu pengajaran adalah amat penting kerana jika tiada unsur kesediaan maka kanak-kanak mengelakkan diri dari mengikuti pengajaran dan pemudahcaraan.

## **2.2.2 Kajian Lepas Luar Negara**

### **2.2.2.1 Kemahiran Membaca**

Handy (2002), menyebut bahawa membaca buku ilmiah bukanlah satu-satunya cara untuk belajar membaca. Buku berbentuk fiksyen seperti Harry Potter, Komik, majalah dan mesej pesanan ringkas di dalam telefon bimbit juga mampu membantu menggalakkan kanak-kanak untuk membaca berbanding bahan bacaan konvensional.

Ini adalah kerana masih ramai ibu bapa yang, beranggapan bahawa bahan bacaan yang boleh digunakan adalah terhadap kepada buku semata-mata. Pada hakikatnya, membaca boleh dilakukan walaupun melalui cakera padat, lembaran risalah, poster-poster, e- buku, internet atau membaca panel iklan yang ditampal di dinding dan logo semasa membeli belah.

Pengkaji amat bersetuju dengan pendapat Handy (2002) dan Ba (2014). Kemahiran membaca dapat ditingkatkan dengan membaca pelbagai fiksyen bahan bacaan. Penggunaan bahan-bahan rakaman, gambar, papan tanda, pesanan ringkas juga boleh dijadikan bahan bacaan kanak-kanak. Ia juga akan menarik minat kanak-kanak untuk membaca. Kadang kala kanak-kanak akan menjadi bosan jika kita hanya gunakan buku sebagai bahan bacaan. Ramai kanak-kanak zaman kini, mengharapkan sesuatu yang menarik dan juga luar biasa oleh itu, kita juga mesti ubah cara memupuk sifat membaca dalam kalangan mereka.

Menurut Berk (2006) membaca merupakan suatu kemahiran menyebut dan mengecam huruf serta meletakkannya ke dalam minda kita. Kemahiran membaca bermula daripada menterjemahkan huruf kepada bunyi, mengecam kehadiran diskriminasi visual dan seterusnya memahami setiap perkataan secara keseluruhannya. Hakikatnya, membaca ialah sesuatu yang memerlukan kemahiran

yang perlu dibuat dengan serta merta dan spontan. Jika seseorang lemah dalam perkembangannya maka kemahiran membaca akan mula menurun. Menurutnya lagi, menjadi seorang pembaca yang baik merupakan suatu proses yang sukar. Oleh yang demikian proses membaca harus dimulakan sejak alam prasekolah lagi.

Menurut Rasinski,( 2012 ) beberapa tahun yang lepas, teknik seperti bacaan bimbingan (assisted reading) , bacaan berulang, dan Readers Theater (Carrick, 2006) telah dikembangkan untuk meningkatkan kelancaran membaca dalam bahasa pertama dan juga bahasa kedua. salah satu teknik yang biasanya digunakan ialah membaca sambil mendengar. Walaupun teknik ini tidak dipraktikkan dalam bacaan, teknik ini telah menerima pemerhatian beberapa tahun dalam mengembangkan kemahiran membaca. Dalam konteks pembaca bahasa inggeris sebagai bahasa asli.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh M.S. Burns dan J.K. Kidd (2010), kanak-kanak dapat membaca dengan lancar, tepat dan intonasi yang betul apabila mereka dapat membuat decoding dan memahami perkara yang dibaca. Menurutnya lagi, Kebanyakan kanak-kanak mampu membaca dengan cepat, lancar dan mudah. Walaupun begitu, terdapat juga pelajar yang tidak mampu membaca. Bagi kanak-kanak sebegini, mereka perlu diterapkan dengan kaedah atau pendekatan pembelajaran yang berlainan dan diubahsuai dengan tahap keupayaan mereka supaya mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Menurut Jenkins (2000) murid yang membaca dengan lancar akan mengingat perkataan yang lebih jika dibandingkan dengan pembaca yang kurang lancar dalam membaca. Pembaca yang lemah juga akan membaca dengan kurang tepat dan mereka juga kurang mendapat idea utama semasa membaca. Bagi pembaca yang laju dan banyak membaca idea yang diperolehi akan berkembang dengan banyak berbanding pembaca yang tidak berupaya membaca.

Membaca semestinya menjadi kebiasaan dan amalan dalam kehidupan kita. Kemajuan dan kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada budaya membaca dalam kalangan rakyatnya. Sesebuah negara didapati akan maju dengan adanya budaya membaca dalam kalangan rakyatnya. Penguasaan kemahiran membaca yang baik dapat memacu untuk menimba alam ilmu pengetahuan yang tidak ada penghujungnya. Selaras dengan peningkatan dalam dunia pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyasarkan murid- murid tahap satu perlu berupaya membaca dan mengira. Pihak kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan pencapaian celik huruf dan membaca dapat dicapai. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan agenda Pendidikan Pemulihan pada tahun 1999 sebagai usaha membantu murid yang mengalami kekangan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik. Pada tahun 1982, Program pemulihan ini dipertingkatkan lagi dalam sistem pendidikan negara semasa Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diamalkan.

Menurut Johnsosn (2008), membaca juga adalah kemahiran perkembangan berterusan yang mengintegrasikan maklumat visual dan bukan visual, di mana maklumat visual yang terdapat pada halaman buku digabungkan dengan maklumat bukan visual yang terkandung dalam minda untuk menghasilkan maknanya .

Menurut Richek (2005), dalam mempelajari Bahasa Melayu huruf abjad, huruf vokal dan suku kata terbuka dan tertutup adalah abstrak mialtu tidak memberi gambaran tentang bentuk fizikal yang boleh memperkaitkan serta tidak mempunyai makna, maka murid-murid lemah adalah sukar untuk menyebut dan mengingatinya kerana tidak biasa menggunakannya, tetapi jika dikaitkan dengan sesuatu yang bermakna maka adalah lebih mudah untuk pembelajaran. Untuk memahami ayat

atau petikan yang dibaca, murid-murid juga mesti tahu makna perkataan yang dibacakan .

Krapp (2007) menyatakan bahawa minat membaca itu boleh dilihat melalui peningkatan tumpuan dan fungsi kognitif, kesungguhan dan berciri efektif. Scher dan Baker (2002) pula, menggambarkan minat membaca sebagai kegembiraan, penghargaan dan kepuasan kanak-kanak terhadap aktiviti membaca.

Menurut Famous Authors,( 2012), pelbagai kajian lepas telah mendokumenkan usaha ibu bapa untuk memperkenalkan aktiviti membaca kepada kanak-kanak. Di dalam bidang kesusasteraan misalnya, W.B. Yeats dan Graham Greene telah menolak usaha ibu bapa mereka dalam usaha menggalakkan membaca semasa awal usia mereka. Sebaliknya, Yeats menawarkan diri untuk ke gereja (aktiviti yang tidak digemarinya) asalkan tidak disuruh membaca.

Menurut Famous Authors, 2012), penulis-penulis seperti George Bernard Shaw, Johann Wolfgang Goethe dan John Ronald Reuel Tolkien telah mula diajar membaca pada usia yang masih muda. Satu contoh yang paling ketara akan pengaruh penjaga dalam menanam sikap membaca telah dinyatakan di dalam biografi John Stuart Mill. Ayah beliau mula mengajar beliau mempelajari Bahasa Greek pada usia tiga tahun dan mula mempelajari Bahasa Latin pada usia lapan tahun. Bacaan awal beliau termasuk Sejarah, Sains dan sastera klasik. Pada usia 12 tahun, Mills belajar mengenai logic dan falsafah dan mempelajari ekonomi politik pada usia 13 tahun.

#### **2.2.2.2 Masalah Membaca**

Berdasarkan Laporan Kajian Beliaze Development Trust (2000) mendapati sebanyak 92% kanak-kanak berupaya membaca tetapi 50% atau selebihnya kurang faham apa yang mereka baca. Kenyataan ini dapat diperkukuhkan melalui Laporan

Snow Catherine E (2002) yang menyatakan salah satu masalah yang kini dipandang serius dan menjadi isu hangat dalam kalangan pengkaji di negara Amerika ialah murid sekolah rendah, menengah dan peringkat tertinggi tidak mempunyai minat atau keupayaan membaca serta tidak memahami bahan yang mereka baca. Lanjutan itu, Kajian terbaru menunjukkan bahawa keadaan ini ataupun masalah ini dapat diperbetulkan semasa aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan awal anak murid serta menurut dapatan penyelidikan terbaru ini, membaca dan memahami bahan yang dibaca perlu ditekankan dalam pengajaran membaca supaya kanak-kanak dapat dibekalkan dengan kemahiran membaca dan faham. Oleh kerana masalah membaca dipandang begitu serius, kemahiran membaca haruslah diterapkan pada sesi pra persekolahan kanak-kanak.

Pendedahan daripada kajian RAND Reading Study Group (Snow Catherine E, 2002) juga memerhatikan bahawa pencapaian membaca murid sekolah rendah di Amerika sejak 30 tahun masih berada di tahap sederhana dan pencapaian membaca pelajar sekolah menengah pula telah menurun secara mengejut. Pencapaian ini dikatakan berada pada aras rendah dibandingkan dengan murid di Filipina, Indonesia, Brazil dan negara-negara membangun lainnya. Di Malaysia pula, pencapaian murid dalam ujian kefahaman membaca didapati masih berada pada tahap memuaskan. Fenomena dapat dikaitkan dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah (KBSR) dan (KBSM). Kegagalan pelajar dalam kefahaman jelas menunjukkan bahawa murid masih lemah dalam memahami bahan yang dibacanya.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Charlotte J Bolling (2008) tentang kesulitan dalam menaklukkan ketrampilan membaca yang terdapat pada kanak-kanak dalam risalahnya “Kejayaan Membaca Dalam Kelas Intervensi Awal”. Penyelidik



telah mengulaskan kekangan kanak-kanak tidak mampu membaca akan mencapai tahap yang kritikal jikalau tindakan susulan sewajarnya tidak diambil bagi kaak-kanak lemah dalam kemahiran membaca. Kajiannya menjelaskan isu membaca benar-benar wujud terhadap kanak-kanak yang tidak dapat membaca. Mereka harus diberikan lebih perhatian oleh guru mereka. Guru yang mengajar murid yang lemah dalam aspek bacaan perlu mempunyai teknik untuk mencungkil minat belajar murid.

Menurut Richard T. Murphy (2011), dalam kajiannya telah menyatakan mengenai kemahiran membaca dan kefahaman ke atas sejumlah orang dewasa di Amerika Syarikat. Dapatan menunjukkan 20% responden tidak dapat memberi jawapan betul kepada lebih 47% soalan kefahaman. Ini menunjukkan perihal ketidakcekapan kemahiran kefahaman berlaku dalam kalangan orang dewasa yang sudah matang dan dapat membaca.

Kajian Kid Greene (2002) mendapati bahawa bukan hanya golongan murid yang menghadapi masalah bacaan, malah pembaca dari golongan dewasa juga menghadapi masalah yang sama dalam membaca yang berhubung kait dengan kesedaran fonemik, analisis perkataan, aspek kelancaran membaca, kosa kata dan pemahaman.

Taraban (2000) yang membuat kajian terhadap pelajar-pelajar kolej menunjukkan wujudnya keperluan serta faedah dalam strategi membaca dengan pencapaian akademik. Didapati para pelajar kolej ini kurang menguasai aspek metakognitif yang berkaitan dengan keberkesanan membaca. Dapatan menunjukkan pelajar sukar menyiapkan tugas yang memerlukan mereka melalui proses menginterpretasi bahan bacaan.

Miller dan Felton (2001), menegaskan bahawa murid bermasalah pembelajaran yang deficit membaca yang ketara atau teruk seharusnya dikenalpasti

dengan seberapa cepat yang boleh. Murid yang terlibat juga mestilah diberikan intervensi segera dan pengenalpastian yang dijalankan juga mestilah dapat mengengahkan masalah kesedaran fonemik, penamaan perkataan (tepat dan pantas) serta pencarian perkataan dan pemahaman.

Menurut Busch, Pederson, Espin & Wesseinburger (2001) berdasarkan beberapa kajian yang lalu berkaitan masalah membaca, jelas menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar-pelajar bermasalah pembelajaran ini dapat ditingkatkan. Ini boleh dicapai dengan menggunakan pengajaran bersifat fleksibel, aktiviti dalam kumpulan kecil, dan diaplikasi secara konsisten dan sistematik.

Miller dan Felton (2001) juga turut menyatakana beberapa factor yang menjadikan perkembangan kelewatan yang asas iaitu deficit pemprosesan Bahasa semula jadi yang membatasi semua keupayaan untuk mencapai kemahiran membaca yang asas menjadi sulit. Selain itu, kesukaran terhadap kesedaran fonemik juga menyebabkan kesukaran penguasaan kemahiran pengekodan, masalah penamaan dan mencari perkataan. Kesukaran fonemik ini juga amat mempengaruhi terhadap pembelajaran membaca huruf yang asas iaitu perkaitan bunyi dan perkataan sampingan serta proses memperkembang kefasihan membaca.

### **2.2.2.3 Penguasaan membaca**

Menurut Cedric (2001) peranan ibu bapa dianggap amat penting dalam mempengaruhi anak-anak membaca bukan hanya pada usia awal sahaja akan tetapi pada masa depan mereka. Beliau juga merangka empat keperluan yang penting untuk kanak-kanak mula belajar membaca: Persekitaran yang kaya dengan bahasa, hubungan yang erat dengan orang dewasa yang banyak membaca, kebolehan untuk membezakan pengkelasan dan komunikasi dengan orang dewasa yang gemar membaca. Penglibatan ibu bapa adalah penting untuk mengatasi masalah

persekolahan anak-anak mereka. Aktiviti seperti mengajar mengenal huruf, mengeja dan membaca harus dilakukan dengan cara yang betul dan menggunakan strategi yang sesuai.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ofra Korat (2005) untuk mengkaji tentang penguasaan bacaan dari segi pendapatan yang kurang dan sederhana yang bertajuk "*Pengetahuan Kontekstual dan bukan Kontekstual dalam peningkatan penguasaan Literasi: Perbandingan antara kanak-kanak dari segi SES rendah dan SES sederhana*". Kajian ini mendapati bahawa pendapatan mempunyai fungsi yang utama dalam penguasaan membaca seseorang kanak-kanak. Kanak-kanak dari keluarga berpendapatan sederhana mempunyai keupayaan untuk menguasai kemahiran membaca jika dibandingkan dengan murid yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah.

Pendapatan keluarga merupakan salah satu faktor dalam penguasaan murid. Ibu bapa yang berpendapatan tinggi akan membelikan anak-anak mereka bahan-bahan bacaan yang pelbagai. Keadaan ini terbalik dalam keluarga yang berpendapatan rendah. Mereka tidak mampu membelikan anak-anak mereka bahan bacaan yang pelbagai. Oleh itu, anak-anak dari keluarga yang berpendapatan tinggi menguasai kemahiran membaca dibandingkan dengan yang berpendapatan rendah.

Sonnenschein & Munsterman (2002) di dalam kajian yang melibatkan kanak-kanak dengan min usia 5.21 tahun menunjukkan bahawa amalan membaca di rumah bersama ibu bapa dapat meningkatkan perkembangan literasi mereka. Di dalam penyelidikan ini, 'kanak-kanak' dirujuk kepada kanak-kanak yang berusia di antara 4 hingga 6 tahun. Julat umur ini dipilih berdasarkan julat umur yang sering digunakan oleh penyelidik-penyelidik di dalam menjalankan kajian membaca peringkat awal kanak-kanak.

Menurut kajian yang dibuat oleh Holly M Menzies (2007), dalam jurnal yang bertajuk: “Intervensi Awal dalam Bacaan: Dari Penyelidikan kepada Latihan” didapati bahawa terdapat kemajuan dari segi kebolehan membaca murid sebanyak 75% sekiranya mereka diberikan kaedah “rawatan” atau pemulihan yang sewajarnya. Hasil daripada intervensi awal dalam meningkatkan kebolehan membaca ini selaras dengan Jurnal Winter (1998) dalam jurnal yang bertajuk “*Kes Intervensi Awal dalam mendiagnos Ketidakupayaan Bacaan secara Spesifik*” yang menyatakan tentang proses mengenalpasti diagnosis terhadap murid iaitu langkah intervensi awal dan bimbingan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dianggap amat penting sebagai faedah atau peluang kepada murid agar mereka dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca. Dapatan tersebut diperkukuhkan lagi dari penyelidikan yang dilakukan oleh beliau mengetahui bahawa pelajar yang berkebolehan rendah dalam membaca pada peringkat awal dapat membaca sekiranya masalah membaca berada pada tahap yang asas ataupun permulaan.

#### **2.2.2.4 Kesiediaan membaca**

Menurut Cramer (2006), kesiediaan merangkumi empat perkara utama dimana membaca bermula apabila fizikal, intelektual, emosi dan sosial dalam proses kanak-kanak bersedia untuk membaca. Beliau juga mendapati bahawa kanak-kanak mempunyai sifat semulajadi ingin tahu dan mempunyai sikap ingin tahu menerusi interaksi dengan persekitaran. Kanak-kanak yang mempunyai sifat ingin tahu ini akan menyebabkan mereka lebih bersedia untuk membaca dan menulis daripada pemerhatian terhadap rakan sebaya, kanak-kanak yang lebih tua, orang dewasa dan juga bahan-bahan bercetak yang terdapat di sekelilingnya.

Cohen dan Cowen (2008) menyatakan bahawa tahap pemahaman murid-murid boleh diketahui dengan kaedah bersoal-jawab dan kaedah penceritaan semula

teks yang mereka baca. Beberapa soalan perlu disediakan oleh ibu bapa dan guru untuk mencungkil dan meningkatkan pemahaman murid. Dengan mengamalkan teknik penyoalan ini, daya kognitif murid dapat ditingkatkan. Kognitif murid-murid berlaku Bersama-sama apabila murid-murid membaca buku cerita. Berdasarkan Smith dan Read (2009) menyatakan bahawa skema merupakan kognitif murid-murid yang membantu murid untuk memahami tentang dunia dan cara setiap manusia mengatur pengetahuan untuk menjadikan satu jambatan pengetahuan. Oleh yang demikian, manusia sedang cuba untuk membuat kaitan antara teks bacaan dengan pengalaman serta pengetahuan lalu mereka bagi memperolehi pemahaman.

Reis (2009) telah menyatakan bahawa pelbagai strategi digunakan untuk mengaitkan teks dengan pengetahuan dan pengalaman. Strategi ini membantu murid untuk membuat inferensi bagi mengukur tahap kebolehan murid-murid dalam menggunakan pengalaman atau pengetahuan yang lepas dalam proses memahami makna teks yang dibaca atau cerita. Pendekatan menghubungkan yang dibincangkan dapat digunakan untuk mengetahui cara murid-murid memahami sesuatu teks atau cerita.

Pengkaji berpendapat bahawa, pemahaman ke atas bahan bacaan yang dibaca adalah amat penting. Sesi soal jawab tentang bahan bacaan amat diperlukan agar kanak-kanak menceritakan semula apa yang mereka baca. Dari penceritaan kanak-kanak ini ibu bapa atau guru boleh menilai kemahiran penguasaan mereka.

Menurut Jay Simmons (2000), para guru dan ibu bapa perlu menyedari bahawa tahap perkembangan di kalangan anak murid berlainan dari segi kebolehan mereka.. Justeru faktor perbezaan tahap perkembangan kanak-kanak tersebut wajib ambil berat bagi memupuk teknik kecekapan membaca yang berkesan di kalangan mereka. Di peringkat sekolah rendah, latihan-latihan dengan menggunakan teknik

bacaan yang berkesan perlu diberikan mengikut tahap kesesuaian anak murid dari perkembangan yang berbeza.

Pengkaji turut setuju dengan pendapat Jay Simmons (2000) . Guru-guru harus menggunakan teknik yang sesuai dengan kanak-kanak mengikut tahap pemahaman mereka. Kita harus mengambil kira tahap pemahaman mereka semasa menjalankan aktiviti membaca. Jika kanak-kanak yang mempunyai masalah membaca diberi teks yang agak sukar maka susah untuk mereka membaca serta menguasainya. Penggunaan teknik membaca yang sesuai dapat membantu kanak-kanak menguasai kemahiran membaca.

Wiener bazerman (2000) menggariskan beberapa panduan yang perlu dilakukan sebagai persediaan oleh pembaca dalam aktiviti pra bacaan. Persediaan tersebut melibatkan aspek-aspek yang perlu dilihat oleh pembaca dalam sesebuah buku sebelum melakukan aktiviti bacaan yang berkesan seperti penggunaan teknik imbasan. Aspek-aspek tersebut ialah seperti tajuk utama, sub tajuk, ilustrasi grafik, perenggan, ayat, soalan-soalan, kata kunci dan synopsis. Aspek aspek tersebut perlu diimbangi oleh pembaca semasa aktiviti pra bacaan bagi mendapatkan gambaran awal mengenai isi kandungan teks yang akan dibaca. Di sini dapat dilihat betapa teknik imbasan perlu digunakan oleh pembaca pada peringkat awal lagi kerana kesan utama yang dapat dilihat daripada penggunaan teknik bacaan.

Menurut Schwartz (2005), Program intervensi awal ini juga penting untuk merapatkan jurang pembelajaran antara murid yang lemah dengan rakan sebaya mereka sebelum jurang ini menjadi semakin meluas. Dengan melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bersesuaian berdasarkan kelemahan yang dihadapi oleh murid-murid pemulihan, maka masalah kegagalan membaca

dapat dicegahkan. Disamping itu, risiko ketidakupayaan pembelajaran yang lain dapat dikurangkan.

Hasil kajian Reutzel & Cooter (2008) menyatakan bahawa, “kanak-kanak yang bermula dengan baik (membaca awal), jarang ketinggalan di belakang”. Dapatan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lambat diperkenalkan kepada kemahiran awal membaca, lebih ketinggalan berbanding kanak-kanak yang bermula lebih awal.

Pendapat ini turut disokong oleh Wren (2001) di dalam kajiannya yang menyatakan menghadapi persekolahan awal akan membawa kanak-kanak yang mempunyai asas yang kukuh akan lebih bersedia mmenghadapi persekolahan berbanding kanak-kanak tanpa asa membaca dan menulis yang kukuh.

Pengkaji berpendapat bahawa penjaga harus memberikan Pendidikan awal dengan menghantar anak-anak ke tadika agar mereka mengetahui asas membaca. Terdapat ibu bapa yang masih tidak hantar anak-anak mereka ke prasekolah. Mereka terus menghantar mereka ke tahun 1. Keadaan ini menyebabkan murid-murid ini tidak mempunyai asas membaca. Mereka akan rasa keliru akibat tidak faham pelajaran di sekolah. Selain daripada itu, ibu bapa juga perlu bimbing anak-anak mereka dalam aktiviti bacaan. Mereka juga harus memupuk tabiat membaca pada usia kecil lagi.

Menurut Sonnenschein, Baker, Serpell dan Schmidt (2000), kepercayaan dan pengetahuan literasi ibu bapa akan mempengaruhi persekitaran di rumah. Ini menunjukkan bahawa persepsi atau kepercayaan penjaga tentang kepentingan memperoleh ketrampilan membaca. Amalan membacakan teks kepada anak-anak sejak awal usia lagi, akan menarik minat kanak-kanak untuk mendengar cerita-cerita yang dibaca. Seterusnya menjurus ke arah pemupukan minat membaca.

Menurut Farstrup (2002), memupuk minat membaca boleh dimulakan seawall mungkin. Ia telah dicadangkan oleh Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat kepada ibu bapa selaku individu yang terdekat dengan kanak-kanak, untuk mula membaca kepada kanak-kanak walaupun sebelum mereka memasuki umur prasekolah untuk sekurang-kurangnya 20 minit sehari untuk mewujudkan minat mereka untuk membaca. Kebolehan membaca merupakan satu tingkah laku yang kompleks. Pada asasnya, membaca merupakan satu proses komunikasi manusia dengan bahan bercetak. Di dalam proses tersebut, manusia mentafsir dan memberi makna kepada bahan tersebut yang umumnya adalah bahan bertulis.

### **2.3 Kesimpulan**

Kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan beberapa kelemahan yang ada dalam diri murid telah dikenalpasti dalam penguasaan aspek membaca. Pengurusan sekolah patut menyediakan prasarana-prasarana yang mencukupi bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran aktiviti membaca dilaksanakan dengan baik. Persekitaran yang kondusif dan suasana pembelajaran yang baik akan meningkatkan minat murid melibatkan diri dalam aktiviti membaca.

Ketrampilan dan keupayaan guru dalam mengendalikan kaedah, dan strategi pengajaran dan pemudahcaraan yang menarik perlu ada pada setiap guru bahasa dalam menjalani pengajaran dan pemudahcaraan aktiviti membaca. Guru-guru ini juga harus membina satu corak pengajaran yang kreatif dan memberangsangkan akan melahirkan kesan positif dan mewujudkan situasi pembelajaran yang baik. Murid -murid lemah dalam bacaan mengharapkan situasi pembelajaran yang luar biasa seperti main peranan, permainan dan aktiviti kumpulan



yang menarik. Strategi ini membantu guru untuk mencapai objektif pengajaran dengan mudah.

Semua guru-guru Bahasa Melayu harus peka terhadap kepentingan penguasaan membaca yang akan membawa murid ke proses pembelajaran yang seterusnya. Guru-guru perlu memikirkan pelbagai cara untuk meningkatkan dan memperkukuhkan Bahasa Melayu supaya ia tidak lemas dalam masa hadapan. Mereka juga harus bersedia menempuh pelbagai cabaran dan situasi yang kritikal dalam mencapai matlamat pengajaran.

Tahap pemahaman seseorang guru haruslah berada pada tahap yang tinggi supaya pemahaman dan pengetahuan yang mereka ada boleh diperturunkan kepada murid melalui pengajaran. Guru-guru yang mempunyai arif dengan Bahasa boleh membantu negara kita dan anak-anak kecil untuk memantapkan lagi Bahasa mereka supaya mereka supaya kemahiran membaca mereka seiras dengan negara-negara maju yang lain.

Kementerian Pendidikan juga sedang mengadakan pelbagai kursus untuk meningkatkan profesionalisma guru-guru Bahasa di seluruh negara. Pihak swasta juga kini berganding bahu dalam menjayakan program-program Bahasa bagi meningkatkan kualitinya. Bahasa Melayu harus menjadi bahasa yang dikuasai oleh setiap lapisan murid kerana ia merupakan Bahasa pengantar utama di negara kita dan kecewa jika Bahasa pengantar ini tidak dikuasai oleh murid-murid.

Secara kesimpulannya dalam proses meningkatkan kemajuan dalam aktiviti membaca, guru-guru harus mempunyai sifat positif untuk mengubah situasi membaca kepada taraf literasi di seluruh negara. Isi pelajaran yang disampaikan harus mempunyai pelbagai unsur bahasa dan merangkumi pelbagai kaedah yang perlu digunakan oleh warga pendidik. Penggunaan teknologi maklumat juga

membantu murid meminati sesuatu sesi pengajaran. Ini kerana pembelajaran berasaskan teknologi amat diminati oleh murid-murid jika dibandingkan dengan teknik pengajaran lama seperti berpusatkan guru dan murid sahaja.

Universiti Malaya

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan kaedah kajian yang diaplikasikan untuk mengendalikan penyelidikan berkaitan Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Selangor. Menurut Noraini Idris (2013), penyelidikan merupakan satu proses sistematik yang membantu mengumpul dan maklumat yang diperlukan untuk menjelas, menyelami tajuk, kekeliruan dan kesangsian. Umumnya, tiga langkah terdapat dalam suatu kajian iaitu:

1. Mengedarkan soalan
2. Mengumpul maklumat untuk mendapat jawapan
3. Mengedarkan jawapan kepada soalan

Proses yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu penyelidikan merupakan suatu proses penyelesaian masalah atau pencarian jawapan kepada sesuatu masalah atau isu. Oleh sebab itu, maklumat atau data yang diperlukan sebagai bukti atau asas kepada jawapan atau penyelesaian yang dikemukakan. Persoalan, masalah atau isu yang dikemukakan mestilah logik dan berasas dan bukti kewujudan persoalan, isu yang dibincangkan perlu dikemukakan melalui data yang didapati daripada pembacaan atau penyelidikan yang dijalankan dalam bidang berkaitan. Hal ini secara tidak langsung menjadikan pembacaan dan pencarian maklumat merupakan aktiviti penting dalam pelaksanaan sesuatu penyelidikan. Secara ringkasnya, aktiviti penyelidikan ilmiah adalah satu aktiviti yang menyumbang kepada sesuatu perkara yang baru tidak kira dari segi ilmu atau amalan. Seseorang pengkaji atau penyelidik dapat mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk memulakan sesuatu

penyelidikan dari pelbagai sumber. Antaranya pengetahuan sendiri, bertanyakan pakar dan merujuk buku atau artikel.

Melalui penyelidikan ini pengkaji dapat mengupas dan mengkaji pelaksanaan Program Kelas Pemulihan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan tahap pemahaman guru tentang KPBM dalam memastikan hala tuju pengajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu.

Kajian ini melibatkan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul data daripada responden kajian. Kajian ini akan dilaksanakan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi memperoleh data daripada responden menggunakan soal selidik. Penyelidikan ini terdiri daripada aspek-aspek seperti reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel, Instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, pengumpulan data dan analisis data.

### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk sesuatu penyelidikan merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam penyelesaian sesuatu masalah. Menurut Mohd Majid Konting (1994), jika seseorang penyelidik gagal menggunakan kaedah pengumpulan yang sistematik maka maklumat yang akan diperoleh akan menjadi kabur dan tidak tepat.

Menurut Mohd Majid (1994), reka bentuk kajian membantu seseorang penyelidik membincangkan cara-cara untuk mencapai objektif penyelidikan. Kajian ini melibatkan kajian kuantitatif. Satu rekabentuk kajian yang teratur dan rapi diperlukan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab soalan kajian ini. Pendekatan bukan interaktif digunakan dalam kajian ini.

Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan soal selidik bagi mengumpul data yang diperlukan. Kaedah ini yang menggunakan pengumpulan data secara kuantitatif akan menilai tindakbalas para responden. Kaedah ini membantu pengkaji menganalisa masalah dengan tepat. Pengkaji menggunakan soal selidik sebagai alat pengukuran bagi mendapatkan data-data yang sahih mengenai pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu.

Bagi mengukuhkan lagi kajian, reka bentuk kajian yang bertepatan dengan tajuk adalah penting. Melalui pemilihan reka bentuk kajian yang betul objektif serta persoalan kajian dapat dianalisis sepenuhnya.

### **3.3 Lokasi Kajian**

Pemilihan lokasi kajian merupakan salah satu aspek yang penting dalam penyelidikan. Seseorang pengkaji perlu menetapkan lokasi kajian yang betul supaya memperoleh data yang diperlukan serta bagi mencapai matlamat kajian. Pemilihan lokasi kajian juga penting bagi mendapatkan persetujuan dan kerjasama Guru Besar dan juga responden.

Kajian ini akan dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Selangor yang menjalankan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Di negeri ini terdapat sebanyak 96 buah sekolah SJKT yang melaksanakan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu di bawah pemantauan Kementerian Pendidikan Malaysia. Lokasi kajian Negeri Selangor dipilih kerana di Selangor, tahap pencapaian dalam Bahasa Melayu dalam keadaan yang membimbangkan. Peratus pencapaian kalangan murid-murid yang mempunyai masalah membaca pada kadar yang rendah. Berikut merupakan data keutusan UPSR tahun 2016.

Jadual 3.1

*Analisis Keputusan UPSR SJKT Di Malaysia*

PENCAPAIAN MURID							
SUBJEK	A	B	C	D	E	BILANGAN DUDUKI	GPMP
<b>BAHASA MELAYU (PEM)</b>	15.7	24.5	23.7	25.4	10.7	101,903	2.41
<b>BAHASA MELAYU (PEN)</b>	19.2	18.5	24.8	19.3	18.2	101,906	2.99

Pengkaji juga telah berbincang dengan penyelia Sekolah-Sekolah Tamil Negeri Selangor bagi mendapatkan cadangan beliau bagi menjalankan kajian ini. Beliau bersedia untuk membantu pengkaji serta beliau telah memberikan senarai data sekolah-sekolah Tamil di negeri Selangor. Data yang beliau beri membantu pengkaji meneruskan kajian saya dengan lebih senang.

Pengkaji juga memilih sekolah-sekolah ini kerana gurur-guru Bahasa Melayu sanggup berganding bahu untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, hubungan silaturahim antara pengkaji dengan guru-guru Bahasa Melayu telah membuka ruang kepada pengkaji melaksanakan kajian tanpa sebarang halangan. Selain itu, para guru yang dikaji mempunyai pengalaman dalam bidang Bahasa Melayu dan ada yang merancang program bagi murid-murid yang mempunyai masalah membaca dan menulis.

Aspek-aspek yang dinyakan tadi menjadi penyebab pengkaji memilih sekolah-sekolah Tamil di Negeri Selangor.

### **3.4 Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi dan sampel kajian adalah aspek yang penting dalam penyelidikan. Ia ditentukan selepas proses pemilihan lokasi kajian. Tujuan utama pemilihan populasi dan sampel kajian adalah untuk mendapatkan data dan maklum balas. Responden yang dipilih dapat memberikan data-data yang betul dan tepat kepada pengkaji. Dalam kajian ini, responden kajian merupakan semua guru yang mengajar Kelas Pemulihan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Selangor dan berpengalaman dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.

Mason (2000), menyarankan responden kajian yang dipilih berdasarkan kepada aspek yang merangkumi keperluan memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk bekerjasama, ditemubual dan dapat memberi maklumat yang diperlukan. Perkara ini bertujuan memastikan maklumat yang diperoleh berupaya menjawab persoalan kajian.

Dalam menentukan responden kajian ianya dilakukan secara bertujuan, iaitu memilih terus guru-guru yang mengajar Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Mereka akan dihubungi dan membuat temu janji terlebih dahulu sebelum diberikan soal selidik tersebut. Langkah ini bertujuan memastikan soal selidik dapat dilaksanakan dengan lancar oleh setiap responden dan ianya dapat dikembalikan kepada pengkaji.

Jumlah guru Kelas Pemulihan Bahasa Melayu yang terdapat di negeri Selangor ialah 180 orang guru. Daripada jumlah itu, sebanyak 60 orang guru yang mengajar Kelas Pemulihan Bahasa Melayu di Selangor akan menjadi responden kajian iaitu sebanyak 33%. Guru-guru KPBM di Negeri Selangor dipilih kerana negeri ini merupakan antara negeri yang sering melakukan pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran literasi membaca dalam Bahasa Melayu.

Penyelidikan dapat dijalankan dengan lancar dengan kerjasama yang diberi oleh guru-guru Bahasa Melayu SJKT di negeri Selangor. Mereka juga telah menyatakan pendapat serta maklumat berkenaan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Guru-guru ini juga telah bersetuju untuk membantu pengkaji dalam penyelidikan.

Data-data statistik yang tepat dan betul yang dikumpul daripada responden ini akan menjayakan kajian, merungkai soalan kajian dan menilai kejayaan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang bagi kajian ini ialah soal selidik. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam menjalankan kajian berkaitan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Negeri Selangor. Bagi mengumpulkan data berkenaan bidang pendidikan instrumen soal selidik sesuai digunakan.

Pengubahsuaian telah dibuat dalam soal selidik ini menerusi panduan kajian-kajian lepas, buku-buku rujukan, jurnal dari talian dan juga perpustakaan, artikel dan juga thesis. Selain daripada itu, Penyelia juga merujuk soal selidik yang dibina untuk memastikan senarai item di dalam soal selidik dapat memenuhi keperluan serta kehendak objektif dan persoalan kajian. Bagi mendapatkan data, satu set soal selidik akan diedarkan kepada responden bagi mendapatkan data.

Menurut Mohd Najib (2003), jika saiz populasi kajian adalah besar soal selidik sesuai digunakan. Arahan pada soal selidik mestilah sama kepada semua responden bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan benar daripada responden.



Bagi menyediakan alat kajian soal selidik, pengkaji perlu mengambil kira beberapa aspek iaitu ciri-ciri soal selidik yang baik mestilah sesuai dengan kesediaan responden, format alat kajian yang sistematik, arahan yang jelas, surat dan dokumen sokongan disertakan bersama alat kajian serta ujian rintis juga perlu dijalankan sebelum soal selidik berkenaan digunakan.

Pembinaan item-item soal selidik bagi kajian ini adalah berpandukan kepada beberapa dokumen antaranya:-

- i) Panduan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu
- ii) Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia 2014.
- iii) Data keputusan murid Kelas Pemulihan Bahasa Melayu

Selain itu, lima soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji lalu berkaitan kajian ini diadaptasi sebagai panduan untuk membina soal selidik mengenai keberkesanan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia oleh guru-guru Bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan Negeri Selangor. Soal selidik tersebut ialah:-

- i) Soal selidik oleh Nasir Ahmad Bin Mohamed Yusuf (2009) dalam kajian bertajuk “Keberkesanan Penggunaan Bahan Multimedia Dalam Kelas Pemulihan Bacaan Bahasa Melayu Di Sebuah Sekolah Rendah.”
- ii) Soal selidik oleh Nurul Ashikin Binti Md Yatim (2012) dalam kajian bertajuk “Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Membaca Dalam Bahasa Malaysia Bagi Kanak-kanak Prasekolah Di Klang”.

- iii) Soal selidik oleh Ahmad Sharbini Bin Abu Sharif (2012) dalam kajian bertajuk “Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Program Buku Bacaan Sastera Sekolah Kebangsaan”
- iv) Soal Selidik oleh Normarini Binti Norzan (2011) dalam kajian bertajuk “Keberkesanan Program Linus Dalam Meningkatkan Keupayaan Membaca Murid Tahun 1”
- v) Soal Selidik oleh Shahrul Hisham Bin Sahid (2013) dalam kajian bertajuk “Keberkesanan Modul Murid Asas Literasi Tahap Satu, Program Linus Di Sekolah Pemulihan Khas Zon Sentul”

Dengan menggunakan dokumen-dokumen dan soal selidik pengkaji yang lalu, pengkaji telah memurnikan bahagian-bahagian dan item-item soal selidik bersesuaian dengan kajian pengkaji pada masa sekarang.

#### **3.4.1 Item Soal Selidik**

Sehubungan itu, alat kajian ini akan dibahagikan kepada tujuh bahagian seperti berikut:-

#### **3.4.2 Pembahagian Item Soal Selidik**

Kandungan soal selidik ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu A, B, C,D,E, dan F. Ia adalah seperti berikut:

##### *Bahagian A : Latar Belakang Responden*

Bahagian ini mengandungi 10 item mengenai maklumat diri responden. Item-item berkaitan dengan jantina, umur, nama sekolah, lokasi sekolah, kelulusan akademik tertinggi, bidang pengkhususan semasa pengajian akademik tertinggi, nama institusi pengajian akademik tertinggi, kelulusan ikhtisas tertinggi, nama institusi pengajian ikhtisas tertinggi, pengalaman mengajar kelas pemulihan Bahasa Melayu.

*Bahagian B: Pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.*

Bahagian ini mengandungi 10 item bagi mengkaji pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.

*Bahagian C: Kaedah dan strategi pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.*

Bahagian ini mengandungi 10 item bagi mengetahui tentang *Kaedah* dan strategi pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.

*Bahagian D: Sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.*

Bahagian ini mengandungi 10 item yang berkaitan dengan sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.

*Bahagian E: Masalah dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.*

Bahagian ini mengandungi 10 item yang meninjau masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.

*Bahagian F: Soalan Terbuka*

Bahagian ini mengandungi 1 item yang merupakan soalan terbuka tentang pendapat responden mengenai cara-cara mengatasi masalah pdp dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Pengkaji menggunakan skala Likert sebagai pengukuran untuk mengesahkan kesesuaian soal selidik atau instrumen. Skala Likert telah digunakan kepada setiap pernyataan berhubung (1) Pemahaman dan persepsi guru terhadap Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca, (2) Kaedah dan strategi Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca. (3) Sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu, (4) Masalah dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca.

### **3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Matlamat utama pelaksanaan sesuatu penyelidikan adalah untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada sesebuah bidang pengajian. Bagi mencapai matlamat ini, dapatan kajian yang diperoleh haruslah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua aspek yang penting dalam penyelidikan. Kesahan dan kebolehpercayaan bergantung kepada jenis pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan berkaitan sama ada pendekatan kualitatif atau pendekatan kuantitatif. Kesahan dan kebolehpercayaan amat penting dalam proses pengumpulan data.

Setiap pengkaji akan mementingkan hasil dapatan yang sah dan boleh dipercayai. Sehubungan dengan itu kesahan dan kebolehpercayaan merupakan dua perkara yang amat dititikberatkan dalam proses pengumpulan data. Kesahan (Validity) dan kebolehpercayaan (reliability) merupakan instrumen yang amat penting bagi mempertahankan kejituan instrumen daripada terdedah kepada kecacatan semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Menurut Majid Konting, (2000) semakin jitu data-data yang akan diperoleh bagi

menghasilkan kajian yang bermutu dan berkualiti. Jelas sekali kesahan dan kebolehpercayaan adalah amat penting kerana pengetahuan yang disalurkan dipercayai dapat menyumbang kepada ilmu yang sedia wujud.

### **3.5.1 Kesahan**

Perkataan kesahan berasal daripada perkataan Latin Validus yang membawa maksud “kuat” (strong). Kesahan juga membawa maksud aktiviti pengesahkan sesuatu oleh seseorang pakar secara Rasmi. Dalam proses penyelidikan pula, kesahan membantu untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur. Dengan maksud lain instrument penyelidikan yang kita gunakan perlulah mempunyai kemampuan untuk mengukur dengan tepat perkara yang ingin diukur. Penyelidikan yang mempunyai kesahan yang tinggi bermaksud dapatan yang diperoleh adalah berdasarkan fakta atau bukti. Serta dapat memberi justifikasi yang tepat serta telah mengambil kira berbagai-bagai elemen. Matlamat kesahan instrumen adalah untuk menentukan kesahan item-item supaya:

- (1) Dapat dipertahankan (Defensibility) kerana analisis penyelidikan bertepatan dengan tajuk dan berkesan.
- (2) Ketepatan (Accuracy), iaitu semasa menjawab soalan kajian
- (3) Sesuai (Appropriateness), iaitu berkaitan dengan matlamat penyelidikan.
- (4) Bererti (Meaningfulness), iaitu membawa maksud ke atas data dengan melalui skor.
- (5) Kegunaan (Usefulness), iaitu kemampuan dalam mengambil keputusan berkenaan perkara yang ingin didapati. Ini kerana keputusan yang diperoleh dar penilaian dapat memberikan maklumat yang berkesan berkenaan topik serta pembolehubah yang hendak diukur bagi membuat inferen data penyelidikan.

Secara keseluruhannya kesahan merujuk kepada sejauhmana kajian ini secara tepat mencerminkan atau menilai konsep secara khusus yang pengkaji cuba untuk mengukur. Bagi instrumen soal selidik penyelidik akan menggunakan kesahan kriteria (criterion – Related Evidence) untuk mengumpul bukti terhadap kesahan instrumen melalui sekumpulan pakar rujuk. Kesahan kriteria ini merujuk kepada perhubungan antara skor yang diperolehi dari satu instrumen dengan skor yang diperolehi daripada satu atau lebih instrumen yang lain untuk melihat bagaimana kekuatan hubungan instrumen-instrumen tersebut.

Pengkaji telah melantik beberapa orang pakar untuk mengesahkan instrumen kajian seperti jadual di bawah. Jadual berikut menunjukkan senarai pakar rujuk bagi mengesahkan kesahan luaran dan kesahan kandungan instrumen soal selidik.

Jadual 3.2

*Pakar- pakar yang Mengesahkan Instrumen Kajian*

<b>Bil</b>	<b>Pakar</b>	<b>Panel dan jawatan</b>
1.	Menilai instrumen kajian menepati Program Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia	Pegawai pelajaran daerah petaling utama
2.	Menilai instrumen bertepatan dengan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia.	Guru Besar SJK T Vivekananda, Petaling Jaya
3.	Menilai aspek instrumen menepati tajuk kajian	Guru Bahasa Melayu SJKT Seaport, Petaling Jaya
4.	Menilai kesemua instrumen kajian	Guru Panitia Bahasa Melayu SJK T Vivekananda, Petaling Jaya.
5	Menilai kesemua instrumen kajian	Pensyarah Bahasa Melayu, UM

Pegawai Pelajaran Daerah Petaling Utama Unit Bahasa Melayu mendapati bahawa soal selidik yang dibentuk agak mudah untuk responden jawab. Beliau juga membetulkan bahasa yang digunakan dalam soal selidik pengkaji. Selain itu, menurut pandangan yang diberi oleh guru besar pula, soal selidik menepati tajuk kajian pengkaji. Di samping itu, guru Bahasa Melayu dan guru panitia Bahasa Melayu pula menyemak segala soalan serta menambah beberapa soalan dalam soal selidik supaya soalan-soalan itu akan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkesan. Akhir sekali, Pensyarah saya telah mendapati beberapa kesalahan pada soal selidik saya. Beliau telah membetulkan beberapa soalan yang tidak relevan dengan kajian. Beliau juga memberitahu soalan-soalan mestilah berlandaskan objektif kajian dan soalan kajian pengkaji.

### **3.5.2 Kebolehpercayaan Instrumen**

Kebolehpercayaan dalam penyelidikan kuantitatif dibahagikan kepada dua situasi iaitu:

- 1) Ketekalan sesuatu ukuran; walaupun diulangi beberapa kali.
- 2) Kestabilan sesuatu ukuran pada sepanjang masa. Jika keputusan yang sama sentiasa diperoleh dengan menggunakan kaedah atau metodologi yang sama, maka instrument penyelidikan tersebut boleh dipercayai.

Seandainya pengkaji mengukur responden yang sama dalam situasi yang sama beberapa kali, maka suatu pengukuran yang mempunyai kebolehpercayaan akan memberi ukuran yang sama atau hampir sama pada setiap aktiviti pengukuran dibuat. Kesimpulannya, kestabilan atau ketekalan sesuatu ukuran merupakan kebolehpercayaan.

Kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi atau stabiliti data yang diperoleh melalui prosedur pengumpulan data yang dijalankan boleh dipercayai, ia akan menghasilkan hasil yang sama.

Secara keseluruhannya kebolehpercayaan adalah sesuatu yang konsisten, ketekalan, keteguhan, stabil, boleh dipercayai dan diharap. Apabila ujian yang digunakan untuk mengukur sesuatu diulangi akan memberikan keputusan yang sama.

Data-data yang dikumpul, digunakan untuk mengukur tahap atau nilai realibiliti atau kebolehpercayaan menggunakan Ujian Statistik Cronbach's Alpha dalam perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 22 dalam ujian kebolehpercayaan item soalan dalam soal selidik.

Mengikut Mohd Majid Konting (2000) tahap = 0.71 – 0.99 adalah tahap yang terbaik. Fraenkel dan Wallen (1996) meletakkan nilai reliabiliti item yang diterima pada tahap  $\alpha = 0.70 - 0.99$ . Kubiszyn dan Borich (2000) menentukan nilai  $\alpha = .80 - .90$  reliabiliti coefficients yang diterima.

Pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk melihat nilai pekali kebolehpercayaan. Pekali kebolehpercayaan didapati daripada kajian rintis ini ialah Cornbach alpha **0.915**. Menurut Fauzi Hussin (2014), semakin hampir nilai Cornbach alpha kepada 1.0 maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaan. Nilai alpha yang kurang dari 0.6 dianggap lemah, 0.7 boleh diterima, manakala melebihi 0.8 dianggap baik. Lantaran itu, nilai Cornbach alpha instrumen soal selidik kajian ini adalah tinggi dan berada dalam julat yang sesuai dan ketekalan alat pengukuran boleh dipercayai.

Sebanyak 30 set borang soal selidik bagi tujuan kajian rintis telah diedarkan kepada para guru Bahasa Melayu di 15 buah SJKT yang mengendalikan Kelas



Pemulihan Bahasa Melayu. Kesemua responden tersebut telah memulangkan borang soal selidik. Nilai alpha Cronbach bagi soal selidik ini ialah 0.915.

Hasil kajian rintis terhadap 30 orang guru menunjukkan soal selidik yang digubal mudah difahami oleh guru serta menepati objektif kajian. Respondan juga memberi respon terhadap setiap aspek soalan dalam soal-selidik. Ini jelas menunjukkan soal-selidik yang disediakan amat sesuai dijawab oleh guru-guru Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.

### **3.6 Pengumpulan Data**

Prosedur pengumpulan data untuk kajian dapat dijelaskan secara berperingkat dari cadangan tajuk kajian sehinggalah analisis data dibuat. Setelah cadangan tesis ini diluluskan oleh Jawatankuasa Ijazah Tinggi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, pengkaji akan mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah kebangsaan Negeri Selangor. Di samping itu, pengkaji juga perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS). Seterusnya, bagi menjalankan kajian ini, kerjasama daripada Guru Besar dan guru-guru kelas pemulihan Bahasa Melayu amat diperlukan.

Pengkaji akan mendapatkan kebenaran Guru Besar sekolah-sekolah yang akan dikaji untuk menjalankan penyelidikan. Pengkaji berbincang mengenai prosedur menjalankan kajian termasuklah menentukan masa dan sampel yang akan terlibat di dalam kajian yang dijalankan. Sebelum pengkaji memperkenalkan diri serta tujuan kajian dijalankan. Pengkaji akan memberi jaminan bahawa kajian ini tidak akan memberi sebarang kesan kepada responden. Lawatan seterusnya oleh

pengkaji ke sekolah adalah untuk mengedarkan borang soal selidik kepada guru-guru yang melaksanakan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Setiap responden akan diberi kefahaman tentang cara-cara menjawab soal selidik bagi memastikan ketepatan matlamat soal selidik.

Sebelum responden mengisi dan menjawab borang soal selidik mereka diberi penerangan terlebih dahulu oleh pengkaji. Responden diberikan tempoh masa seminggu untuk menjawab borang soal selidik untuk memberikan keselesaan dan keyakinan kepada responden memberi respon terhadap soal selidik.

Menurut Fauzi Hussin (2014), data-data tidak boleh dikumpul tanpa persetujuan responden. Pengkaji akan mengumpulkan maklumat soal selidik yang diedarkan kepada responden dengan persetujuan mereka. Maklumat-maklumat yang terkandung dalam soal selidik akan dinilai dan dirumuskan bagi menentukan tahap kesesuaian dan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Prosuder soal selidik yang melalui beberapa peringkat diringkaskan dalam jadual dibawah.

Jadual 3.3

*Prosedur Pelaksanaan Pengumpulan Data*

<b>Peringkat</b>	<b>Prosedur</b>
1	Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia/ Pentadbir Sekolah
2	Pemilihan sampel mengikut sekolah
3	Taklimat kepada responden berkaitan objektif kajian
4	Mengedar soal selidik kepada responden dan memberi waktu yang mencukupi untuk responden memberi respon.
5	Menganalisis data menggunakan perisian SPSS
6	Menulis laporan kajian

### **3.7 Analisis Data**

Analisis kuantitatif adalah proses yang mentafsirkan dan mempamerkan data. Data kuantitatif juga merupakan data yang mempunyai nilai angka seperti 1,2,3,4 dan sebagainya. Analisis data digunakan bagi membuat generalisasi daripada sampel kepada populasi.

Data-data yang dikumpul akan dianalisis menggunakan prosedur analisis data tertentu. Ini bagi memastikan data-data tersebut dianalisis untuk menjawab soalan-soalan kajian. Dengan ini data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Penyelidikan kuantitatif boleh dijalankan melalui penganalisan secara deskriptif atau Inferensi. Data-data kuantitatif bagi kajian ini akan dikumpulkan menerusi kaedah tinjauan menggunakan soal selidik sebagai alat ukuran kajian, data kuantitatif yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan SPSS versi 22.

Analisis statistik deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratusan, min, sisihan, piawai bagi soalan 1, 3,4 dan 5, kekerapan dan peratus serta min dan sisihan piawai untuk soalan 2 ujian inferensi iaitu macvine, dan Coscavolize.

### **3.8 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, bab ini menjelaskan reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, pengumpulan data, penganalisan data yang melibatkan kaedah kuantitatif dengan terperinci. Sebelum sesuatu kajian dijalankan, kajian perlulah direka dan disusun dengan kemas supaya sebarang masalah yang timbul pada pertengahan perjalanan kajian dapat dielakkan. Selain itu, perkara penting yang perlu diambil berat adalah sebarang kebenaran dan kelulusan daripada pihak-pihak tertentu haruslah diperoleh sebelum kajian dijalankan. Hal ini juga untuk mengelakkan

sebarang masalah atau halangan daripada pihak tertentu semasa kajian dijalankan. Kaedah penyelidikan yang digunakan memberi maklumat berkenaan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri Selangor. Kaedah kajian yang tepat dapat membantu pengkaji untuk mengumpul data yang diperlukan melalui responden.

Universiti Malaya

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Perincian dalam bab ini akan membincangkan dapatan data yang diperoleh berdasarkan kepada instrumen yang telah dijalankan iaitu soal selidik. Soal selidik yang dijalankan ini telah diproses dengan perisian SPSS versi 23.

Keputusan yang diperoleh daripada dapatan kajian ini telah dianalisis bagi menjawab soalam kajian yang telah dikemukakan dalam bab 1.

#### **4.2 Kenormalan Data**

Tahap kenormalan data bagi kumpulan responden kajian juga dianalisis seperti berikut.

##### **4.2.1 Kenormalan Data Latar Belakang Responden Guru**

Jadual 4.1 Jadual di bawah menunjukkan kenormalan data latar belakang responden guru.

Jadual 4.1

*Kenormalan Data Latar Belakang Responden Guru*

	<b>Jantina</b>	<b>Umur</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Lokasi Sekolah</b>	<b>Kelulusan Akademik tertinggi</b>	<b>Bidang Pengkhususan</b>	<b>Nama institusi Pengajian akademik tertinggi</b>	<b>Kelulusan ilkhltisas tertinggi</b>	<b>Nama Institusi Pengajian tertinggi</b>	<b>Pengalaman mengajar</b>	<b>Gread Purata</b>
Skewness	-.276	1.917			.593	-1.002	.617	4.200	1.520	-.125	.151
Std. Error of Skewness	.309	.309	.309	.309	.309	.309	.309	.309	.309	.309	.309
Kurtosis	-1.991	2.212			.621	.822	-.268	21.077	2.280	-1.076	-.208
Std. Error of Kurtosis	.608	.608	.608	.608	.608	.608	.608	.608	.608	.608	.608

Jadual 4.1 menunjukkan bahawa kesemua bahagian pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bergantung berada di antara -0.2 dan +.02 nilai skewness dan kurtosisnya (Ananda Kumar,2009) kecuali kelulusan ikhtisas. Ini menunjukkan bahawa data latar belakang responden guru yang dipungut adalah normal.

### 4.3 Kenormalan Data Soal selidik

Jadual 4.2 di bawah menunjukkan kenormalan data latar belakang responden guru.

Jadual 4.2

*Kenormalan Data untuk Soal selidik*

N=60	Persepsi	Kaedah	Sokongan	Masalah
Skewness	-4.232	-1.871	-5.931	-2.561
Std. Error of Skewness	.309	.309	.309	.309
Kurtosis	17.833	1.970	39.537	8.616
Std. Error of Kurtosis	.608	.608	.608	.608

Jadual 4.2 juga memperlihatkan dapatan data bagi semua bahagian pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bergantung terdapat di luar -.02 dan +.02 nilai skewness dan kurtosisnya. Hal ini menunjukkan yang dapatan data yang diperolehi adalah tidak normal taburannya. Justeru, dapatan kajian ini dapat dianalisis secara non-parametrik.

### 4.4 Profil Responden Kajian

Kajian ini menumpukan kajian kepada satu golongan responden kajian, iaitu responden guru seperti jadual 4.3

Jadual 4.3

*Profil Responden Guru*

<b>Latar belakang sosial (N=60)</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Jantina	Lelaki	26	43.3
	Perempuan	34	56.7
Umur	31 hingga 35 tahun	48	80.0
	36 hingga 40 tahun	2	3.3
	41 hingga 50 tahun	6	10.0
	51 tahun keatas	4	6.7
Kelulusan	SPM/STPM/DIPLOMA	2	3.3
Akademik	Ijazah Sarjana Muda	45	75.0
	Ijazah Sarjana	13	21.7
Bidang	Pendidikan BM	12	20.0
Pengkhususan	Bukan Pendidikan BM	47	78.3
Nama Institusi	Maktab	5	8.3
	U M	17	28.3
	UKM	15	25.0
	UPM	10	16.7
	USM	7	11.7
	UTM	4	6.7
	UNIMAS	2	3.3
Kelulusan ikhtisas tertinggi	Kursus Perguruan	53	88.3
	Lepasan Ijazah (KPLI)		
	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	6	10.0
	lain-lain	1	1.7



Nama institusi pengajian tertinggi	Tunku Bainun	15	25.0
	Raja Melawar	26	43.3
	IPG Lembah pantai	5	8.3
	Sultan Abdul Halim	8	13.3
	Bahasa Antarabangsa	2	3.3
	Kampus Ipoh	2	3.3
	IPG Kampus PP	1	1.7
	Temenggung Ibrahim	1	1.7
	Pengalaman Mengajar	Kurang daripada 5 Tahun	2
	6 hingga 10 Tahun	18	30.0
	11 hingga 15 Tahun	11	18.3
	16 hingga 20 Tahun	23	38.3
	lebih 20 Tahun	6	10.0

Jadual 4.3 di atas menunjukkan, bilangan guru perempuan (34, 56.7%) adalah lebih ramai daripada jumlah responden guru lelaki (26, 43.3%). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan bilangan guru perempuan yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di kelas pemulihan. Kajian ini menunjukkan bilangan responden bagi lingkungan umur. Responden bagi lingkungan umur 31 tahun hingga 35 tahun mempunyai bilangan yang paling ramai iaitu 48 (80.0%), diikuti oleh lingkungan umur 41 tahun hingga 50 tahun ialah bilangan responden yang kedua tertinggi iaitu 6(10.0%), bagi lingkungan umur 51 ke atas mempunyai bilangan responden yang ketiga iaitu 4(6.7%) manakala yang paling sedikit ialah lingkungan umur 36 tahun hingga 40 tahun iaitu 2(3.3%).

Daripada jumlah keseluruhan responden, bilangan guru yang mempunyai kelulusan akademik Ijazah Sarjana Muda merupakan bilangan yang paling banyak iaitu seramai 45 (75.0%), diikuti dengan Ijazah Sarjana iaitu seramai 13(21.75) dan bilangan kelulusan akademik yang paling rendah ialah 2(3.3%). Selain itu dapatan data juga menunjukkan keseluruhan responden yang memiliki pengkhususan atau sememangnya yang tidak mengikuti bidang pengkhususan mata pelajaran Bahasa Malaysia adalah majoriti yang paling ramai iaitu 47(78.3%) berbanding guru bukan opsyen Bahasa Melayu minority yang paling kecil iaitu 12(20.0%).

Selain itu, dapatan ini juga menunjukkan jumlah keseluruhan responden guru yang mengikuti kursus perguruan di institusi Pendidikan Universiti Malaya merupakan bilangan yang paling ramai iaitu 17(28.3%), diikuti dengan bilangan kedua yang tertinggi adalah dari Universiti Kebangsaan Malaysia seramai 15(25.0%), bilangan responden yang ketiga tertinggi adalah dari Universiti Putra Malaysia iaitu 10(16.7%), bagi bilangan guru yang mengikuti kursus perguruan dari institusi Universiti Sains Malaysia adalah bilangan keempat yang tertinggi iaitu 7(11.7%) orang dan bilangan responden yang paling rendah mengikuti kursus perguruan di UNIMAS merupakan bilangan yang paling sedikit iaitu 2(3.3%) , diikuti dengan Maktab Perguruan bilangan responden yang kedua terendah iaitu 5(8.3%) dan akhir sekali dari Universiti Teknologi Malaysia iaitu sebanyak 4( 6.7%) responden.

Dapatan data daripada keseluruhan bilangan guru yang mempunyai kelulusan ikhtisas tertinggi adalah dari golongan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah yang paling ramai iaitu 53(88.3%) , diikuti dengan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan iaitu 6( 10.0%) dan golongan responden yang mempunyai kelulusan ikhtisas tertinggi adalah dari golongan lain-lain iaitu 1( 1.7%).

Daripada jumlah keseluruhan diatas, bilangan guru yang menyambungkan pelajaran di Maktab Perguruan Raja Melawar merupakan responden yang paling ramai iaitu 26(43.3%), bilangan responden yang kedua tinggi menyambungkan pelajaran di Maktab Tunku Bainun adalah sebanyak 15(25.0%), bilangan responden yang ketiga tinggi yang menyambungkan pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim pula seramai 8 (13.3%) berbanding dengan responden yang menyambungkan pelajaran di Institusi Perguruan Temenggung Ibrahim dan Maktab Peguruan Kampus Pulau Pinang merupakan bilangan yang paling sedikit iaitu 1(1.7%), diikuti dengan bilangan responden yang kedua sedikit adalah dari institusi Perguruan Lembah Pantai 5 (8.3%) dan bilangan responden yang ketiga sedikit terdiri daripada Maktab Perguruan Bahasa Antarabangsa dan Kampus Ipoh iaitu 2(3.3%).

Daripada jumlah keseluruhan responden, bilangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 16 hingga 20 tahun ialah yang paling ramai 23 (38.3%), diikuti oleh guru yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 6 hingga 10 tahun adalah 18 (30%), guru yang mempunyai pengalaman mengajar di antara 11 hingga 15 tahun adalah seramai 11 (18.3%) diikuti dengan lebih daripada 20 tahun keatas 6 (10%) responden manakala guru yang mempunyai pengalaman mengajar paling sedikit adalah kurang daripada 5 tahun 2 (3.3%) responden.

#### 4.5 Profil Responden Gred Purata Pelajar

Jadual 4.4

*Gred Purata Pelajar dalam Ujian Bahasa Melayu Pepeiksaan*

Gred	Kekerapan	Peratus
B (65-79)	9	15.0
C (50-64)	31	51.7
D (40-49)	18	30.0
F (0-39)	2	3.3

Jadual di atas menunjukkan pelajar yang mendapat gred purata dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah gred C (50-64) sebanyak 31 orang (51.7%) diikuti gred D (40-49) seramai 18 murid (30%), pelajar yang mendapat gred B (65-79) adalah 9 murid (15%) manakala murid yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mendapat gred F(0-39) hanya 2 (3.3%) responden. Gred tersebut adalah berdasarkan standard penilaian yang diguna pakai di semua sekolah kebangsaan Malaysia.

#### 4.6 Dapatan Kajian

Di dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan bagi tujuan penganalisan data yang dikumpul yang melibatkan nilai min, sisihan piawai (SP), peratusan (%) dan kekerapan terhadap soalan kajian 1, 3 dan 4. Setelah data diproses, dapatan data akan menunjukkan nilai yang mana akan dikategorikan dan diterjemahkan ke dalam lima kategori seperti yang digariskan dalam sumber Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006). Hal ini bertujuan bagi mendapatkan gambaran kedudukan tahap dan interpretasi yang menggambarkan skor purata min tersebut seperti jadual 4.5.

Jadual 4.5

*Skor Purata dan Interpretasi Min*

Julat min	Interpretasi
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006)

**Soalan kajian 1:** Apakah pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca?

Jadual 4.6: Mengkaji pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.

Jadual 4.6

*Statistik Deskriptif Pemahaman dan Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca.*

No.	Item	Amat tidak setuju K (%)	Tidak setuju K (%)	Kurang Setuju K (%)	Setuju K (%)	Amat Setuju K (%)	M	SP
1	Saya memahami tujuan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu		1 (1.7)		1 (1.7)	58 96.7	4.93	.40
2	Saya mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri murid KPBM.	1 (1.7)			1 (1.7)	58 (96.7)	4.92	.53
3	Saya mengetahui prosedur pemilihan murid KPBM.				1 (1.7)	59 (98.3)	4.92	.53
4	KPBM mengutamakan perkembangan literasi membaca murid.				2 (3.3)	58 (96.7)	4.97	.18

5	Saya mengetahui kaedah pelaksanaan KPBM yang betul.			1	59	4.98	.12
				(1.7)	(98.3)		
6	Kelas KPBM akan meningkatkan kemahiran membaca murid.			3	57	4.95	.21
				(5.0)	(95.0)		
7.	KPBM membantu murid untuk menaakul bahan bacaan.	1	1	1	57	4.88	.58
		(1.7)	(1.7)	(1.7)	(95.0)		
8	Masa yang diperuntukan oleh Kementerian Pendidikan bagi pelaksanaan KPBM adalah mencukupi.			1	1	58	4.95
				(1.7)	(1.7)	(96.7)	.28
9	Kelas KPBM dapat meningkatkan peratus pencapaian Bahasa Melayu.			2	58	4.97	.28
				(3.3)	(96.7)		
10	Kelas KPBM membantu murid menguasai kemahiran membaca di sekolah rendah sebelum menjejak kaki ke alam menengah.			1	59	4.98	.12
				(1.7)	(98.3)		
Purata						4.94	.32

Jadual 4.6 di atas membentangkan mengenai pemahaman dan persepsi guru terhadap Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Sebanyak 10 item yang disoal pada bahagian ini dan kesemua nilai min menunjukkan para responden bersetuju pada setiap pernyataan yang diajukan. Perincian bagi setiap item adalah seperti berikut:

Berdasarkan 10 item di atas, item kelima dan sepuluh menunjukkan nilai min tertinggi iaitu 4.98 dengan sisihan piawai sebanyak .12. Perkara ini menjelaskan bahawa kebanyakan para responden mengetahui kaedah pelaksanaan KPBM yang betul dan menyatakan bahawa kelas KPBM membantu murid menguasai kemahiran membaca di sekolah rendah sebelum menjejak kaki ke alam menengah. Daripada 60 responden, 59 (98.3%) daripadanya amat setuju manakala 1 (1.7%) setuju.

Item keempat dan kesembilan pula menunjukkan keputusan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.97 dengan sisihan piawai .18. Daripada 60 responden 58 daripadanya (96.7%) amat setuju bahawa menyatakan KPBM mengutamakan perkembangan literasi murid dan juga kelas KPBM dapat meningkatkan peratus pencapaian Bahasa Melayu manakala 2 responden selebihnya setuju (3.3%).

Item ketiga tertinggi ialah item keenam dan kelapan, iaitu para responden menyatakan kelas KPBM akan meningkatkan kemahiran membaca murid dan masa yang diperuntukan oleh Kementerian Pendidikan bagi pelaksanaan KPBM adalah mencukupi dengan. Bagi item keenam pula sebanyak 57(95.0%) responden daripada 60 amat setuju manakala 3 (5.0%) setuju. Bagi item kelapan pula sebanyak 58(96.7%) amat setuju, 1(1.7%) setuju manakala 1(1.7%) kurang setuju terhadap pernyataan tersebut. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.95 dengan sisihan piawainya .28.

Item keempat tertinggi ialah item satu iaitu para responden mengatakan bahawa para guru memahami tujuan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dengan mencatatkan nilai min 4.93 dan sisihan piawai .40. Daripada 60 responden 58 daripadanya amat setuju (96.7%), 1 (1.7%) setuju terhadap pernyataan ini manakala 1 (1.7%) tidak setuju.

Item kelima tertinggi adalah item kedua dan ketiga dimana responden memberi pendapat bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri murid KPBM dan prosedur pemilihan murid KPBM. Daripada 60 responden 58 (96.7%) daripadanya amat setuju , 1 (1.7%) setuju manakala 1(1.7%) amat tidak setuju bahawa para guru mempunyai pengetahuan tentang ciri-ciri murid KPBM. Seramai 59 (98.3%) amat setuju dan 1(1.7%) setuju bahawa mereka mengetahui prosuder

pemilihan murid KPBM. Nilai min yang dicatatkan ialah 4.92 dan sisihan piawai ialah .53.

Secara rumusannya, didapati bahawa pemahaman dan persepsi guru terhadap Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca adalah sangat tinggi (Min purata = 4.94, SP purata =.32).

**Soalan kajian 2:** Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca mengikut latar belakang sosial:

- a. Jantina
- b. Bidang pengkhususan
- c. Pengalaman mengajar

Analisis statistik inferensi digunakan untuk melihat perbezaan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji iaitu kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca mengikut latar belakang sosial seperti jantina, bidang pengkhususan dan pengalaman mengajar. Ujian non-parametrik digunakan untuk menjawab soalan kajian ini kerana taburan data adalah tidak normal.

Jadual 4.7

*Analisis Deskriptif Kaedah dan strategi yang digunakan oleh Guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca Mengikut Jantina.*

Peringkat				
	Jantina	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Kaedah	Lelaki	26	31.58	821.00
	perempuan'	34	29.68	1009.00
	Total	60		



Jadual 4.8

*Keputusan Analisis Ujian-U Mann-Whitney antara Kaedah pengajaran dan Jantina*

	Kaedah
Mann-Whitney U	414.000
Wilcoxon W	1009.000
Z	-.580
Asymp. Sig. (2-tailed)	.562

a. Grouping Variable: Jantina

Analisis Mann Whitney U-test digunakan untuk mencari hubungan antara kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca mengikut jantina. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki ( $Md=3, n=26$ ) dan guru perempuan ( $Md=3, n=34$ ),  $U=414, Z=.580, p >.05, r =.075$ . Ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah dan strategi dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca tidak berkaitan dengan jantina.

Jadual 4.9

*Analisis Deskriptif Kaedah dan strategi yang Digunakan oleh Guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca Mengikut Bidang Pengkhususan.*

Ranks				
	Bidang pengkhususan	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Kaedah	Pendidikan BM	12	27.00	324.00
	Bukan Pendidikan BM	48	31.38	1506.00
	Total	60		

Jadual 4.10

*Keputusan Analisis Ujian-U Mann-Whitney antara Kaedah pengajaran dan Pengkhususan*

	Kaedah
Mann-Whitney U	246.000
Wilcoxon W	324.000
Z	-1.077
Asymp. Sig. (2-tailed)	.281

a. Grouping Variable: Bidang pengkhususan

Analisis ujian-U Mann Whitney digunakan untuk mencari perbezaan antara bidang pengkhususan guru bahasa Melayu dengan bukan bidang pengkhususan guru Bahasa Melayu dalam pengendalian kaedah dan startegi dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor guru di antara guru bahasa Melayu yang khusus ( $Md = 3, n = 12$ ) dengan guru yang tidak pengkhususan Bahasa Melayu ( $Md = 3, n = 48$ ),  $U = 246, Z = .281, p > .05, r = .14$ . Ini menunjukkan bahawa bidang pengkhususan guru Bahasa Melayu tidak berkaitan dengan penggunaan startegi dan kaedah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literati membaca. Dalam erti kata lain, guru yang mempunyai atau tanpa pengkhususan dalam Bahasa Melayu tidak berbeza dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.

Jadual 4.11

*Analisis Deskriptif Kaedah dan strategi yang digunakan oleh Guru-guru KPBM dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca Mengikut Pengalaman Mengajar.*

	Pengalaman	N	Mean Rank
Kaedah	Kurang daripada 5 Tahun	2	20.50
	6 hingga 10 Tahun	18	30.64
	11 hingga 15 Tahun	11	34.18
	16 Hingga 20 Tahun	23	27.80
	lebih 20 Tahun	6	37.00
	Total	60	

Jadual 4.12

*Keputusan Analisis Kruskal-Wallis antara Kaedah pengajaran dan Pengalaman Mengajar*

	SumKaedah
<i>Kruskal-Wallis H</i>	4.862
<i>Df</i>	4
<i>Asymp. Sig.</i>	.302

a. *Kruskal Wallis Test*

b. *Grouping Variable:*

Ujian Kruskal-Wallis untuk lima kumpulan pengalaman mengajar yang berbeza pada  $X^2(4, N-60) = 4.86, p > .05, \eta^2 = .008$ . Ini menunjukkan bahawa guru bahasa Melayu tidak banyak berbeza dari segi pengalaman mengajar mereka. Penemuan ini menunjukkan bahawa semua guru menggunakan kaedah dan strategi yang sama dalam pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran literasi membaca.

**Soalan kajian 3:** Sejauh manakah sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dapat membantu pengajaran dan pembelajaran guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca?

Jadual 4.13 di bawah memaparkan sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dapat membantu pdp guru dalam pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.

Jadual 4.13

*Analisis Deskriptif Sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan Pihak sekolah dapat Membantu Pdp Guru dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca.*

No.	Item	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju	Amat Setuju	M	SP
		K (%)	K (%)	K (%)	K (%)	K (%)		
1	Saya mendapat pendedahan tentang KPBM daripada pihak PPD dan KPM.				1 (1.7)	59 98.3	4.98	.12
2	Kursus yang diadakan membantu saya meningkatkan pengetahuan dalam pelaksanaan kelas KPBM		1 (1.7)			59 (98.3)	4.95	.38
3	Bimbingan guru besar membantu saya memahami Kelas Pemulihan Bahasa Melayu		1 (1.7)		1 (1.7)	58 (96.7)	4.93	.40
4	Perbincangan sesama pengurusan sekolah membantu saya melaksanakan kelas KPBM			1 (1.7)	5 (8.3)	54 (90.0)	4.83	.37
5	Bimbingan dari KPM semasa kursus membantu saya memahami pelaksanaan KPBM				1 (1.7)	59 (98.3)	4.98	.12
6	Pemantauan dari pihak Jabatan Pendidikan membantu saya meningkatkan lagi kecekapan pelaksanaan kelas KPBM			2 (3.3)	3 (5.0)	55 (91.7)	4.88	.41
7	Maklumat dari laman KPM membantu saya memperbaiki pelaksanaan KPBM				2 (5.0)	58 (96.7)	4.96	.18
8	Bengkel pelaksanaan KPBM dapat mewujudkan kelas yang memberangsangkan			3 (5.0)	2 (3.3)	55 (91.7)	4.86	.46

9	Saya mendapat pengetahuan dari pemantauan yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan.	1 (1.7)	1 (1.7)	58 (96.7)	4.95	.28
10	Mesyuarat KPBM di Jabatan Pendidikan membantu saya mengurangkan kelemahan dalam pdp.	1 (1.7)		59 (98.3)	4.93	.51
Purata					4.91	.32

Jadual 4.13 menunjukkan dapatan data bagi sokongan yang diperolehi oleh responden dari KPM, Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah yang dapat membantu pengajaran dan pembelajaran guru dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Terdapat 10 item yang diutarakan dalam bahagian ini.

Sokongan utama yang diperolehi oleh para responden dari KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah yang dapat membantu pengajaran dan pemudahcaraan guru dalam pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca ialah para responden mendapat pendedahan tentang KPBM dan juga bimbingan dari KPM semasa kursus dapat membantu para responden memahami pelaksanaan KPBM. Data menunjukkan nilai min bagi item bagi 5 dan 1 ini ialah 4.98 dan sisihan piawai .12. Daripada 60 responden, 59 responden (98.3%) amat setuju dengan pernyataan diatas dan 1(1.7%) daripadanya setuju.

Item ketujuh memaparkan nilai min yang kedua tertinggi iaitu min 4.96 dan sisihan piawai .18. Sebanyak 58(96.7%) responden amat setuju bahawa maklumat dari laman KPM membantu para guru untuk memperbaiki pelaksanaan KPBM dan 2(5.0%) setuju.

Item kedua dan kesembilan memaparkan nilai min ketiga tertinggi iaitu min 4.95 dan sisihan piawai .38. Bagi item kedua pula seramai 59(98.3%) amat setuju bahawa kursus yang diadakan membantu para guru untuk meningkatkan pengetahuan dalam pelaksanaan KPBM manakala 1(1.7%) tidak setuju. Item kesembilan pula seramai 58(96.7%) daripada 60 responden amat setuju bahawa para guru mendapat pengetahuan dari pemantauan yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan 1(1.7%) setuju manakala 1(1.7%) kurang setuju terhadap pernyataan tersebut.

Item ketiga dan kesepuluh menunjukkan nilai min keempat tertinggi iaitu nilai min 4.93 dan sisihan piawai .40. Bagi item ketiga seramai 58(96.7%) daripada 60 amat setuju terhadap bimbingan guru besar membantu para guru untuk memahami kelas pemulihan, 1(1.7%) setuju manakala 1(1.7%) tidak setuju. Item kesepuluh iaitu mesyuarat KPBM di Jabatan Pendidikan membantu para guru mengurangkan kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran amat disetujui oleh 59 (98.3%) responden manakala 1(1.7) amat tidak setuju terhadap kenyataan tersebut.

Item kelima tertinggi adalah item keenam dimana sermail 55(91.7%) amat setuju terhadap pemantauan dari pihak Jabatan Pendidikan membantu para guru untuk meningkatkan lagi kecekapan pelaksanaan kelas KPBM, 3(5.0%) setuju manakala 2(3.3%) kurang setuju. Nilai min 4.88 dan sisihan piawai.41.

Namun begitu, item yang mempunyai nilai min terendah ialah item keempat, Iaitu perbincangan sesama pengurusan sekolah membantu para guru dalam melaksanakan kelas KPBM dengan nilai min 4.83 dan sisihan piawai .37. Daripada 60 responden, 54(90.0%) daripadanya amat setuju, 5 (8.3%) setuju manakala 1(1.7%) kurang setuju, Item kedua terendah ialah item kelapan dimana bengkel pelaksanaan KPBM dapat mewujudkan kelas yang memberangsangkan. Seramai 55

(91.7%) amat setuju, 2(3.3%) setuju manakala 3(5.0%) kurang setuju terhadap kenyataan diatas.

Secara rumusannya , didapati bahawa sokongan utama yang diperolehi oleh para responden dari Jabatan Pelajaran, KPM dan pihak sekolah yang dapat membantu pengajaran dan pemudahcaraan guru dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi membaca ialah sangat tinggi (Min purata = 4.91, *SP* purata =.32)

**Soalan kajian 4:** Apakah masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca?

Jadual 4.14 menunjukkan masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.

Jadual 4.14

*Masalah dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca .*

No.	Item	Amat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju	Amat Setuju	<i>M</i>	<i>SP</i>
		K (%)	K (%)	K (%)	K (%)	K (%)		
1	Guru bahasa tidak berpeluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan dan latihan dalaman tentang pelaksanaan KPBM.	2 (3.3)	55 (91.7)	1 (1.7)	1 (1.7)	1 (1.7)	2.06	.51
2	Peruntukan masa yang ditetapkan oleh Kementerian dalam jadual waktu tidak mencukupi.	2 (3.3)	57 (95.0)	1 (1.7)			1.98	.22
3	Pihak pengurusan sekolah kurang melakukan pemantauan sepanjang masa.	2 (3.3)	3 (5.0)	51 (85.0)	2 (3.3)	2 (3.3)	2.98	.59

4	Modul –modul pengajaran dan pemudah caraan amat kurang	2 (3.3)	2 (3.3)	3 (5.0)	51 (85.0)	2 (3.3)	3.81	.70
5	Masalah membaca dalam kalangan kanak-kanak dianggap remeh-temeh oleh ibubapa.	2 (3.3)			5 (8.3)	53 (88.3)	4.78	.76
6	Tiada sebarang peruntukan kewangan dalam penyediaan modul perbelanjaan KPBM.	2 (3.3)			52 (86.7)	6 (10.0)	4.00	.63
7.	Memerlukan masa tambahan di luar waktu persekolahan untuk menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai.	2 (3.3)	2 (3.3)	2 (3.3)	49 (81.7)	5 (8.3)	3.88	.73
8	Beban tugas bukan akademik menghalang tumpuan guru untuk merancang dan melaksanakan kelas KPBM dengan berkesan	2 (3.3)	2 (3.3)	4 (6.7)	49 (81.7)	3 (5.0)	3.81	.70
9	Tidak diberi latihan khas dalam penyediaan modul KPBM	1 (1.7)	1 (1.7)	1 (1.7)	52 (86.7)	5 (8.3)	3.98	.56
10	Kehadiran murid ke kelas KPBM amat kurang		1 (1.7)	2 (3.3)	57 (95.0)		4.91	.42
Purata							3.12	.58

Jadual 4.14 menunjukkan dapatan data bagi masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Di dalam bahagian ini terdapat 10 item yang dikaji. Masalah utama yang dikenal pasti ialah item kesepuluh iaitu kehadiran murid ke kelas KPBM amat kurang. Data menunjukkan nilai min bagi item ini ialah 4.91 dan sisihan piawai sebanyak .42. Daripada 60 responden, 57(95.0%) menyatakan responden kurang setuju dengan kenyataan masalah ini, 2 daripadanya (3.3%) pula tidak setuju dan Cuma 1(1.7%) yang amat tidak setuju.



Turut menjadi masalah utama ialah item kelima iaitu masalah membaca dalam kalangan kanak-kanak dianggap remeh-temeh oleh ibubapa dengan menunjukkan nilai min kedua tertinggi 4.78 dan sisihan piawai .76. Daripada 60 responden, 53(88.3%) amat setuju dengan kenyataan tersebut, 5(8.3%) setuju manakala 2(3.3%) amat tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Masalah kedua tertinggi ialah item 6 tiada sebarang peruntukkan kewangan dalam penyediaan modul perbelanjaan KPBM dengan menunjukkan nilai min 4.00 dan sisihan piawai.63. Daripada 60 responden 52(86.7%) daripadanya setuju dengan pernyataan tersebut , 6(10.0%) amat setuju manakala 2(3.3% ) tidak setuju dengan kenyataan ini.

Masalah ketiga tertinggi ialah item kesembilan iaitu tidak diberi latihan khas dalam penyediaan modul KPBM dimana 52(86.7%) setuju dengan pendapat tersebut, 5(8.3%) setuju manakala kebanyakan 3(5.0%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Nilai min yang dicatatkan ialah 3.98 dan sisihan piawainya ialah .56.

Masalah keempat tertinggi adalah item ketujuh dimana para responden mengatakan bahawa mereka memerlukan masa tambahan di luar waktu persekolahan untuk menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai. Sebanyak 49(81.7%) setuju dengan kenyataan tersebut, 5(8.3%) amat setuju manakala 2(3.3%) responden tidak setuju dengan kenyataan tersebut, Nilai min yang dicatatkan ialah 3.88 dan sisihan piawainya .73.

Masalah kelima tertinggi ialah beban tugas bukan akademik menghalang tumpuan guru untuk merancang dan melaksanakan kelas KPBM dengan berkesan dan modul –modul pengajaran dan pemudah caraan amat kurang dengan mencatatkan nilai min 3.81 dan sisihan piawainya .70. Bagi item kelapan seramai 49(81.7%) setuju dengan kenyataan tersebut, 3(5.0%) setuju manakala 4(6.7%)

kurang setuju, 2 (3.3%) tidak atau amat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Seramai 51(85.0%) responden setuju dengan kenyataan item keempat, 2(3.3%) setuju manakala 3(5.0%) kurang setuju dan 2(3.3%) tidak atau amat tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Walaubagaimanapun item min yang paling terendah ialah item kedua dimana peruntukan masa yang ditetapkan oleh Kementerian dalam jadual waktu tidak mencukupi dengan nilai min 1.98 dan sisihan piawai .22. Daripada 60 responden, 57(95.0%) responden tidak setuju dengan kenyataan tersebut, 2(3.3%) amat tidak setuju manakala 1(1.7%) kurang setuju dengan kenyataan tersebut.

Masalah kedua rendah ialah item pertama iaitu guru bahasa tidak berpeluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan dan latihan dalaman tentang pelaksanaan KPBM. Seramai 55(91.7%) tidak setuju dengan kenyataan tersebut, 2(3.3%) amat setuju manakala 1(1.7) kurang atau amat tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Nilai min yang dicatatkan ialah 2.06 dan sisihan piawai .51.

Masalah ketiga yang rendah adalah item ketiga iaitu pihak pengurusan sekolah kurang melakukan pemantauan sepanjang masa dengan nilai min 2.98 dan sisihan piawai .59. Daripada 60 responden, 51(85.0%) kurang setuju dengan pernyataan tersebut, 3(5.0%) tidak setuju, 2(3.3%) amat tidak setuju manakala 2(3.3%) setuju atau amat setuju dengan kenyataan tersebut.

Secara rumusannya, didapati bahawa masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca ialah sederhana tinggi (Min purata = 3.12, SP purata = .58).

**Soalan kajian 5:** Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil?

Jadual 4.15 menggambarkan cara-cara untuk mengatasi masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Jadual 4.15

*Cara-cara untuk Mengatasi Masalah dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.*

Bil	Cara- cara	Kekerapan	Peratus
1	Strategi Pengajaran Abad ke 21	14	23.3
2	Modul KPBM perlu disediakan	8	13.3
3	Perjumpaan dengan ibubapa	7	11.7
4	Pemantauan dan perbincangan dengan guru besar dan panitia Bahasa Melayu	6	10.0
5	Perbanyakkan aktiviti membaca	6	10.0
6	Peruntukan Kewangan dari KPM	6	10.0
7	Ladap	5	8.3
8	Kehadiran Murid perlu diawasi	5	8.3
9	Beban guru perlu dikurangkan	3	5.0
Jumlah		60	100.0

Jadual 4.15 di atas memaparkan mengenai cadangan yang diberikan oleh siapa para guru agar digunakan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Sebanyak 9 item yang digunakan di bahagian ini dan kesemua nilai purata menunjukkan para responden bersetuju pada setiap cadangan yang dikategorikan dalam soal selidik. Hal ini dalam erti kata lain menunjukkan responden telah bersetuju bahawa mereka beberap cadangan yang dibincangkan dapat membantu untuk menguasai Bahasa Melayu di tahap sekolah Jenis kebangsaan Tamil.

Berdasarkan 9 item di atas, cadangan pertama iaitu “Strategi Pengajaran Abad ke 21” adalah menunjukkan peratus yang tertinggi iaitu 14(23.3%) daripada cadangan lain. Ini menunjukkan teknik pengajaran yang terkini dianggap dapat membantu guru-guru untuk menyampaikan cara yang mudah difahami oleh murid yang terlibat dalam program tersebut. Pernyataan ini disokong oleh pengkaji Handy (2002) dan Ba (2014) dimana penggunaan bahan-bahan rakaman, gambar, papan tanda, pesanan ringkas juga boleh dijadikan bahan bacaan kanak-kanak. Ia juga akan mendorong minat murid untuk membaca. Kadang kala murid-murid akan menjadi bosan jika kita hanya gunakan buku sebagai bahan bacaan. Ramai kanak-kanak zaman kini, mengharapkan sesuatu yang menarik dan juga luar biasa oleh itu, kita juga mesti ubah cara memupuk sifat membaca dalam kalangan mereka

Selain itu cadangan kedua yang mempunyai nilai kekerapan tertinggi adalah Modul KPBM perlu disediakan iaitu 8(13.3%). Cadangan tersebut selaras dengan pendapat Tubuh & Hamid (2011) dimana penyelidik menyatakan bahawa modul yang berkualiti tidak disediakan kerana Kementerian tidak membuat perincian yang teliti dalam penyediaan modul guru KPBM. Beliau juga menyarankan bahawa penambahbaikan modul harus diambil serious dengan memasukkan kemahiran bertutur serta mendengar.

Nilai kekerapan ketiga tertinggi ialah perjumpaan dengan ibubapa dengan nilai kekerapan 7(11.7%). Nilai kekerapan yang keempat tertinggi ialah Pemantauan dan perbincangan dengan guru besar dan panitia Bahasa Melayu, Perbanyakkan aktiviti membaca iaitu 6(10. %).

Selain itu melalui kajian ini para responden memberikan pendapat bahawa kehadiran murid perlu diawasi bagi melaksanakan kelas KPBM dimana nilai kekerapannya ialah 5(8.3%). Nilai kekerapan yang paling rendah ialah 3(5.0%)

dimana para guru menyatakan beban guru perlu dikurangkan. kenyataan tersebut telah disokong oleh Aimi Liyana, Hanis Maisarah, & Nor Fairos (2016) dimana para guru tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam Pdp kerana terlalu banyak kerja sampingan yang dikehendaki oleh KPM dan pihak sekolah.

#### **4.7 Kesimpulan**

Berdasarkan data yang telah dikumpulkan, jelaslah bahawa pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca berada di tahap yang baik daripada persepektif guru. Pemahaman dan persepektif guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca berada di tahap yang baik dan memuaskan. Selain itu, kaedah dan strategi pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca menunjukkan tahap yang baik manakala sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu juga berada pada tahap yang memuaskan. Analisis amalan penyooalan pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca menjelaskan tiada perbezaan yang signifikan dengan latar belakang sosial.

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Kandungan dalam bab ini akan menghuraikan rumusan analisis data yang telah dijalankan berdasarkan data yang diperolehi untuk kajian ini. Bab ini juga akan merangkumi rumusan kepada dapatan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian serta cadangan kajian lanjutan. Semua data yang telah dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 23 akan dirumuskan dalam bab lima ini. Bab ini merangkumi beberapa perkara iaitu analisis terhadap soalan kajian, perbincangan, cadangan kajian lanjutan dan kesimpulan. Perbincangan, cadangan dan kesimpulan adalah berdasarkan soalan kajian seperti berikut. soalan-soalan kajian ialah:

- i. Apakah pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca?
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca mengikut latar belakang sosial:
  - a Jantina
  - b Bidang pengkhususan
  - c c.Pengalaman mengajar
- iii. Sejauh manakah sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah dapat membantu pengajaran dan pembelajaran guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca ?

- iv. Apakah masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca ?
- v. Apakah cara-cara untuk mengatasi masalah pdp dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil?

## **5.2 Ringkasan Dapatan Kajian**

Keseluruhannya kajian ini dilaksanakan bagi meneliti pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Selangor dengan mengaplikasikan teori Teori Behaviorisme dan Teori Emergent Literacy Marie Clay. Kajian ini menggunakan sejumlah 60 warga pendidik sekolah untuk mengumpul maklumat yang lebih jelas tentang pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Selain itu, soal selidik menggunakan skala Likert telah digunakan bagi mendapat maklumat tentang pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Kajian ini juga dilaksanakan bagi memperoleh maklumat berkenaan Kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dan sokongan yang diperolehi oleh para guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Selain daripada itu kajian ini juga mengkaji tentang masalah yang dihadapi oleh para guru semasa pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam literasi membaca dan cara-cara mengatasinya.

### **5.3 Dapatan Kajian**

#### **5.3.1 Pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.**

Data jelas menunjukkan bahawa para guru bersetuju bahawa pemahaman dan persepsi guru terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca berada pada tahap yang tinggi (Min purata 4.94, SP purata .32).

Selain itu, responden memberi pandangan yang positif di mana masa yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan bagi pelaksanaan KPBM adalah mencukupi. Hal ini tidak disokong oleh Abdul Rasid dan Zulkafli (2008) di mana beliau menyatakan bahawa faktor kanak-kanak tidak dapat trampil dalam membaca kerana standard pengajaran dan pemudahcaraan yang sangat tinggi dan matlamat pengajaran dan pemudahcaraan yang susah dikecapi oleh murid yang mempunyai keupayaan menyerap ilmu yang rendah. Disamping itu, beliau juga berpendapat bahawa warga guru amat cenderung dalam menerapkan teknik yang senang. Ini kerana mereka terdaya dengan amalan menghabiskan huraian pelajaran pada tempoh masa yang ditetapkan.

Hal ini bertentangan dengan pendapat Hasnah dan Habibah (2010) di mana ketua jabatan sekolah kurang mengambil berat tentang pelaksanaan kelas pemulihan yang telah diperkenalkan di sekolah kerana para pentadbir sekolah mengarahkan guru pemulihan untuk menutup kelas pemulihan buat sementara waktu kerana mereka disuruh untuk menghantar guru tersebut ke kelas guru yang tidak hadir ke sekolah disebabkan cuti rehat, cuti tanpa rekod, cuti bersalin atau lain-lain lagi. Situasi ini akan merosakkan rancangan pengajaran guru yang mengajar murid-murid



lemah yang ingin menjalankan pembelajaran untuk bagi membangunkan ketrampilan membaca murid-murid.

Sebaliknya hasil kajian adalah selaras dengan kenyataan Abdul Rashid Jamian (2011) di mana guru juga sering mengejar waktu untuk menghabiskan sukatan pelajaran yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Situasi ini menimbulkan masalah di mana guru tidak memberi tumpuan kepada pembelajaran murid serta menunjukkan sikap ketidakprofesionalan pengurusan pengajaran sekolah. Hal ini telah mewujudkan situasi kebolehan murid yang pelbagai diketepikan dan perbezaan yang mendalam di antara murid makin meningkat.

Kebanyakan guru memberi pendapat yang positif bahawa mereka mengetahui kaedah pelaksanaan KPBM yang betul kerana mereka mengetahui cara untuk mempelbagaikan aktiviti membaca, jenis bahan bantu mengajar, pelaksanaan kelas abad ke 21 dan sebagainya. Kaedah yang selalu digunakan ialah latih tubi, smart board, pelaksanaan kelas Abad ke 21 dan sebagainya. Kaedah latihan tubi pula disokong oleh Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hashim, Zuraida Shaadon (2012), di mana pengkaji telah menjalankan kajian ke atas 5 orang pendidik yang merupakan fasilitator diwawancara. Mereka mendapati teknik latih tubi yang diamalkan secara terancang dan teratur mampu menganjukkan ketrampilan murid dalam bacaan teks dengan betul. Selain itu, seramai 5 orang murid telah ditemu bual untuk mengenal pasti keberkesanan teknik latih tubi. Semua murid telah bersetuju dengan keberkesanan teknik memberikan latihan mendorong murid mempertingkatkan kefahaman murid semasa membaca tulisan Arab. Kaedah ini juga dapat dilaksanakan dalam meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Melayu. Abdul Jalil (2015) menambah bahawa pemilihan bahan bacaan tanpa adanya minat untuk membaca bahan bacaan

ilmiah akan mengakibatkan kemerosotan usaha memupuk semangat membaca sepertimana yang dilakukan oleh masyarakat di Jepun dan Perancis yang mempraktikkan budaya membaca sebagai sesuatu aktiviti yang wajib.

Para guru juga memberi persepsi yang positif di mana KPBM mengutamakan perkembangan literasi membaca murid. Hal ini ditekankan oleh Mahzan (2003) dan Yahya (2008) bahawa penyelidikan mengenai aktiviti bacaan perlu dijalankan bagi memperkembangkan dan menambahkan pengetahuan murid. Menurut mereka, kajian mengenai bacaan menjelaskan bahawa wujud rasa sedar bagi mengamalkan sikap membaca dalam kehidupan harian dan budaya kehidupan.

Dalam penyelidikan yang dijalankan bertajuk Bahasa Melayu di negara , aktiviti membaca diberi penekanan dalam penentuan ketrampilan bahasa yang harus dikuasai sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah seperti yang termaktub dalam pengajaran dan pemudahcaraan sistem Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) Namun demikian hal ini bertentangan dengan pendapat Chew Fong Peng (2012) bahawa aspek latar belakang sosial, perbezaan jantina, bahasa asli mereka, keturunan dan faktor daif negara kita yang mengakibatkan pelajar tidak dapat trampil dalam membaca.

**5.3.2 Perbezaan antara kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru-guru KPBM dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca mengikut**

- a) Jantina**
- b) Bidang pengkhususan**
- c) Pengalaman mengajar**

Dapatan analisis Mann Whitney U-test menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru lelaki (MD=3, n=26) dan guru perempuan

(Md=3, n=34),  $U=414$ ,  $z=.580$ ,  $p<.05$ ,  $r=.21$ . Ini menunjukkan bahawa penggunaan kaedah dan strategi dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca tidak berkaitan dengan jantina. Ini menjelaskan pendidik-pendidik lelaki dan perempuan mengendalikan teknik dan langkah pengajaran dan pemudahcaraan yang sama dalam KPBM.

Selain itu, dapatan analisis Mann Whitney U-test memaparkan tiada perbezaan yang signifikan antara bidang pengkhususan guru Bahasa Melayu (Md = 3, n = 12) dengan bukan bidang pengkhususan Bahasa Melayu (Md = 3, n = 48),  $U = 246$ ,  $Z = .281$ ,  $p> .05$ ,  $r = .21$ . Dapatan data ini selaras dengan pendapat Jalil Othman, Ghazali dan Siraj (2011) iaitu kemajuan profesionalisme guru-guru Bahasa Melayu adalah identiti terhadap bahasa. Di dalam kajian, mereka menyatakan kebanyakan guru Bahasa Melayu terdiri dari latar belakang dan sifat yang memberangsangkan terhadap Bahasa Melayu, kepakaran mereka rendah untuk mendalami kandungan matapelajaran ini, ia menyebabkan mereka gagal memberikan komitmen yang baik terhadap matapelajaran Bahasa Melayu.

Ujian Kruskal-Wallis untuk lima kumpulan pengalaman mengajar juga menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan pada nilai  $p<.05$ ,  $r=.006$ . Hal ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu tidak banyak berbeza dari segi pengalaman mengajar mereka semasa menggunakan kaedah dan strategi dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Tidak kira sama ada mereka berpengalaman mengajar atau tidak, mereka mengaplikasikan kaedah pengajaran yang hampir sama dalam KPBM. Dapatan data ini berbeza dengan pendapat Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahmud (2015) bahawa guru yang menghadiri kursus pemulihan mempunyai pengalaman yang banyak tentang literasi Bahasa Melayu dan dapat mengajar dengan lebih baik.

### **5.3.3 Sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pihak sekolah untuk membantu pengajaran dan pembelajaran guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca.**

Data yang diperoleh dalam bab 4 secara jelas menunjukkan Sokongan daripada KPM, Pihak Jabatan Pendidikan dan pentadbir sekolah berupaya membantu pdp guru dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca dan berada pada tahap yang tinggi (Min purata 4.91, SP purata .32). Hasil kajian ini selaras dengan Chew Fong Peng (2017) yang menyatakan penerapan pendidikan literasi dalam Bahasa Melayu di sekolah menjadi perkara yang amat penting kerana ia dilancarkan dengan rasmi di bawah agenda LINUS dan ia merupakan salah satu dasar kerajaan dalam National Key Result Area (NKRA). Misi program ini untuk memperkembangkan kemahiran literasi dalam kalangan murid-murid yang akan melahirkan generasi celik huruf yang dapat berdaya saing menjelang abad 2020.

Para guru memberi pandangan yang positif di mana pemantauan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri membantu para guru meningkatkan lagi kecekapan pelaksanaan kelas KPBM dengan nilai min yang tertinggi (M=4.88, SP=.41). Kenyataan ini bertentangan dengan pandangan Mohd. Sarit Yusoh (2012) dalam kajian beliau bahawa program jangka Panjang perlu diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan untuk melahirkan murid sekolah rendah yang bijak pandai dan tidak tertinggal dalam literasi membaca dan menulis. Hal ini kerana beliau merasakan Kementerian Pelajaran tidak melakukan pemantauan sewajarnya terhadap murid-murid sekolah rendah sehingga timbul masalah tidak tahu membaca (Hassan Salleh, 2012).

### **5.3.4 Masalah-masalah dalam pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa**

#### **Melayu dalam kemahiran literasi membaca.**

Data yang diperolehi secara analisis jelas menunjukkan bahawa para guru menghadapi masalah dalam pelaksanaan kelas pemulihan dalam Kemahiran Literasi membaca Bahasa Malaysia pada tahap yang tinggi (Min purata= 3.12, SP purata= .58). Masalah yang paling tinggi ialah kehadiran murid ke kelas KPBM menunjukkan nilai min tertinggi (M=4.91, SP= .42). Kenyataan ini selaras dengan pendapat Abdul Rasid, Charlie (2011) di mana beberapa murid sering ponteng ke sekolah akibat daripada sakit, kekangan sosioekonomi dan malas. Kehadiran yang kurang menyebabkan aktiviti pemulihan bacaan terjejas.

Dapatan analisis menunjukkan bahawa masalah membaca dalam kalangan kanak-kanak dianggap remeh-temeh oleh ibu bapa dengan menunjukkan nilai min kedua tertinggi (M=4.78, SP= .76). Pendapat Faturah Azizan (2014) juga selaras dengan pernyataan di atas bahawa segelintir ibu bapa juga tidak memahami apakah yang dikatakan dengan aktiviti membaca, proses-proses yang terlibat serta kepentingan pemupukan minat membaca sejak awal usia kanak-kanak lagi. Tanpa maklumat yang betul, kebanyakan ibu bapa cenderung mempunyai persepsi yang salah terhadap aktiviti membaca.

Masalah ini harus dipandang serius kerana menurut Cedric (2001), tanggungjawab penjaga dianggap sangat diutamakan untuk mempengaruhi waris mereka membaca bukan hanya pada usia awal sahaja, akan tetapi pada masa depan mereka. Khadijah Rohani (2008) juga berpendapat bahawa tahap perkembangan yang membolehkan seseorang kanak-kanak terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan yang dilaksanakan di bilik darjah dengan perlu adanya bantuan guru dan bantuan ibu bapa yang sedar akan kepentingan bacaan.

Selain itu, analisis ini juga membincangkan para guru tidak diberi latihan khas dalam penyediaan modul KPBM ( $M=3.98$ ,  $SP= .56$ ). Pernyataan ini disokong oleh Tubah dan Hamid (2011) di mana penyelidik menyatakan bahawa modul guru yang disediakan tidak diteliti dengan baik oleh Kementerian Pendidikan. Beliau juga menyarankan bahawa penambahbaikan modul harus diambil berat dengan menyelitikan kemahiran bertutur dan mendengar.

Analisis ini juga menunjukkan bahawa para guru atau sekolah menghadapi masalah pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi di mana tiada sebarang peruntukkan kewangan dalam penyediaan modul perbelanjaan KPBM ( $M=4.00$ ,  $SP= .63$ ). Pernyataan ini selaras dengan Kasran (2012) iaitu masalah kekangan kewangan menyebabkan guru pemulihan khas perlu membuat bahan bantuan mengajar sendiri semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, sekolah pengkaji tidak ada sebarang peruntukan untuk menjalankan KPBM, pengkaji terpaksa menggunakan duit sendiri atau meminta bantuan PIBG untuk membeli bahan bantuan mengajar dan peralatan yang sesuai supaya pengajaran dan pembelajaran lebih menyeronokkan serta membeli bahan-bahan hiasan seperti kad manila, mengecat dinding, jadual waktu, meja yang berbentuk lain untuk menghiaskan dan menceriakan bilik pemulihan.

Analisis dapatan menunjukkan bahawa kajian ini menepati kerangka teori dan koseptual kajian yang digunakan. Hal ini kerana pengkaji mengkaji tentang pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca menunjukkan kebanyakan responden memberi pandangan yang positif di mana kemahiran membaca dalam kalangan murid sangat kurang. Adakalanya para guru juga dibebani dengan kerja yang lebih di sekolah. Bagi melaksanakan kelas pemulihan Bahasa Melayu pihak yang terbabit seperti ibubapa, para guru, KPM,

pihak sekolah dan sebagainya perlu memberi sokongan yang kuat bagi pelaksanaan kelas tersebut.

### **5.3.5 Cara-cara untuk mengatasi masalah dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.**

Dapatan analisis ini menunjukkan cara-cara mengatasi masalah p&p dalam pelaksanaan kelas pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca di SJKT. Cara yang tertinggi untuk mengatasi masalah PdP adalah “Strategi Pengajaran Abad ke 21” dengan peratus tertinggi iaitu 23.3% (14 orang). Hal ini menunjukkan bahawa teknik pengajaran terkini dianggap dapat membantu guru-guru untuk menyampaikan cara yang mudah difahami oleh murid yang terlibat dalam program tersebut. Pernyataan ini disokong oleh pengkaji Handy (2002) dan Ba (2014) di mana penggunaan bahan-bahan rakaman, gambar, papan tanda, pesanan ringkas juga boleh dijadikan bahan bacaan kanak-kanak. Ia juga akan mendorong kanak-kanak meminati aktiviti membaca. Kadang kala murid-murid akan menjadi bosan jika kita hanya menggunakan buku sebagai bahan bacaan. Ramai kanak-kanak zaman kini mengharapkan sesuatu yang menarik dan juga luar biasa oleh itu, kita juga mesti ubah cara memupuk sifat membaca dalam kalangan mereka.

Selain itu Modul KPBM juga menunjukkan nilai peratus kedua tertinggi iaitu 13.3% (8 orang). Cadangan tersebut selaras dengan pendapat Tubah dan Hamid (2011) di mana penyelidik menyatakan bahawa modul guru yang disediakan tidak diteliti dengan baik oleh Kementerian Pendidikan. Beliau juga menyarankan bahawa penambahbaikan modul harus diambil berat dengan menyelitkan kemahiran bertutur dan mendengar.

Perjumpaan dengan ibu bapa juga menunjukkan nilai peratus yang ketiga iaitu 11.7% (7 orang). Menurut BPPDP, (2002) para ibu bapa perlu hadir ke sekolah bagi mengenalpasti kekangan serta peningkatan anak dalam pelajaran. dan juga buang rasa segan serta mengemukakan kekangan yang membabitkan pelajaran anak-anak. Mereka juga perlu rela untuk bincang dengan warga sekolah tentang langkah susulan bagi memperkembangkan pelajaran anak-anaknya. Ini kerana mereka adalah tiang dalam menjayakan anak-anak dari segi pelajaran.

Analisis dapatan menunjukkan bahawa “beban guru perlu dikurangkan” memperoleh peratus sebanyak 5.0% (3 orang). Kenyataan tersebut telah disokong oleh Aimi Liyana, Hanis Maisarah dan Nor Fairos (2016) di mana para guru tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam p&p kerana terlalu banyak kerja sampingan yang dikehendaki oleh KPM dan pihak pengurusan sekolah.

#### **5.4 Implikasi Hasil Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji telah memberikan banyak implikasi yang sangat berguna kepada pelbagai pihak. Kajian ini sangat berguna kepada KPM, Bahagian Pendidikan guru, para guru, sekolah, ibu bapa, dan juga pihak yang lain. Kajian ini penting kepada Bahagian Pendidikan Guru di bawah KPM kerana pihak yang terlibat dalam BPG dapat menyediakan kursus dan program bagi meningkatkan profesionalisma guru Bahasa Melayu.

Selain itu, Bahagian Pendidikan Guru perlu menyediakan atau mengadakan kursus pelbagai kaedah mengajar kepada para guru untuk melaksanakan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Kursus yang diwujudkan oleh BPG perlu memberi manfaat kepada para guru dan murid. Kursus



yang ditawarkan kepada para guru perlu berpusatkan murid yang berkesan. Para guru juga perlu didedahkan kepada cara pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu.

Kajian ini juga amat penting kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Hal ini kerana KPM dan BPK dapat menjalankan pemantauan yang wajar terhadap pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu, BPK juga perlu menyediakan suatu sukatan pelajaran yang lengkap supaya para guru dapat menjalankan P&P dengan berkesan. Sukatan Pelajaran yang tinggi menyebabkan para guru tidak dapat menumpukan pengajaran mereka dalam kelas pemulihan.

Selain itu, Sukatan pelajaran yang lengkap dapat membantu para guru yang tidak tahu atau tidak pasti bagi mengendalikan kelas pemulihan. Oleh itu, peranan BPK juga perlu lebih aktif dalam penyediaan sukatan pelajaran yang boleh menambah baik kualiti buku teks Bahasa Melayu agar ia membantu pelajar yang lemah dalam Kemahiran Literasi membaca Bahasa Melayu.

Kajian ini juga amat penting kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kerana pihak jabatan boleh melaksanakan atau mengadakan kebanyakan program pemulihan Bahasa Melayu secara berpusat dengan melantik pakar-pakar guru Bahasa Melayu bagi kelas pemulihan sebagai jurulatih utama, supaya para guru boleh merujuk pakar tersebut. Para guru Bahasa Melayu di setiap peringkat daerah perlu diberi pendedahan mengenai pelaksanaan kelas pemulihan dalam Kemahiran Literasi Bahasa Melayu. Pendedahan tersebut perlu meliputi kombinasi pengajaran dan pembelajaran yang efektif seperti membaca, mendengar, menulis, mamahami supaya para guru dapat melaksanakan kelas pemulihan Bahasa Melayu.

Pihak JPN atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam kemahiran literasi membaca. Pihak yang wajib perlu mempunyai kuasa dalam membuat pemantauan kepada para guru dari aspek pelaksanaan. Pegawai bahasa bukan sahaja bertindak sebagai pemantau sahaja, namun sebagai agen bergerak dalam mempromosi dan membudayakan budaya membaca dalam kalangan warga pendidik.

Kajian ini juga sangat penting kepada para guru besar (GB) sekolah. Hal ini kerana, guru besar adalah pihak yang penting di sekolah kerana mereka berperanan sebagai penggerak kepada kemampuan guru-guru Bahasa Melayu bagi melaksanakan P&P yang lancar.

Para guru sendiri perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu. Segala masalah yang dihadapi oleh para guru tidak menjadi penghalang bagi mereka dalam pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi membaca. Masalah -masalah yang dihadapi oleh para guru perlu dijadikan sebagai batu loncatan untuk menjayakan pelaksanaan kelas pemulihan tersebut. Hal ini kerana para guru merupakan individu yang utama dan memainkan peranan yang penting dalam penyampain ilmu kepada warga pendidik. Para guru juga perlu tidak dibebani dengan tugas yang lain kerana tugas yang lain menyebabkan para guru tidak dapat menumpukan perhatian yang penuh dalam pelaksanaan kelas pemulihan. Pihak guru juga perlu meluangkan lebih banyak masa dan mempunyai cara pengajaran yang kreatif untuk menjayakan kelas pemulihan dalam kemahiran Literasi dalam Bahasa Melayu.

Dapatan kajian ini juga menjadi kayu ukur kepada para ibu bapa agar menumpukan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Hal ini kerana peranan ibu bapa merupakan agen yang penting dalam membentuk anak-anak kecil. Mereka juga perlu mempelbagaikan kebanyakan membaca dalam rumah. Ibu bapa juga perlu didedahkan terhadap kepentingan membaca dan mengajar anak-anak mereka mahir literasi tersebut.

### **5.5 Cadangan untuk Kajian Akan Datang**

Bahagian ini menerangkan tentang cadangan pengkaji untuk menambahbaikkan kualiti kajian yang dibuat oleh pengkaji bagi menghasilkan kajian yang lebih mantap dan menyeluruh pada masa yang akan datang.

Kajian telah menunjukkan perubahan yang baik daripada setiap sudut yang telah dibincangkan di peringkat daerah terpilih sahaja. Oleh itu, pengkaji lain boleh meneruskan kajian dengan skop di sekolah rendah yang meliputi sekolah Tamil di seluruh Kawasan Selangor. Sehubungan dengan itu pengkaji juga bercadang untuk meluaskan kajian ini di sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan sekolah menengah kebangsaan. Pengkaji juga bercadang untuk melihat perbezaan antara dua peringkat sekolah atau tiga jenis sekolah.

Kajian ini juga boleh diperluaskan di negeri-negeri lain seperti Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak dan Melaka. Hal ini berkaitan untuk mendapatkan gambaran yang jelas dalam Pelaksanaan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu dalam Kemahiran Literasi Membaca. Kajian ini dicadangkan untuk memperluaskan supaya dapat melahirkan generasi yang boleh membaca. Kajian ini juga dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dalam merangka pelan intervensi dalam

pelaksanaan KPBM dalam literasi Bahasa Melayu. Selain memperluaskan kajian ini, Bahasa Melayu juga dapat dimartabatkan.

Kajian terhadap para ibu bapa juga dilihat wajar dilaksanakan memandangkan mereka merupakan aspek yang penting dalam Pendidikan anak-anak. Oleh itu para pengkaji boleh melaksanakan kajian pelaksanaan KPBM kepada ibu bapa. Dengan itu, mereka boleh memperolehi pandangan ibu bapa terhadap pelaksanaan KPBM dan juga dapat mengkaji hubungan latar belakang keluarga dan juga sosioekonomi keluarga dengan literasi membaca murid.

Selain faktor guru, kajian juga boleh difokuskan kepada responden murid. Pengkaji boleh mengambil kira persepsi, perkembangan, tahap pengetahuan dan pandangan murid-murid terhadap pelaksanaan KPBM. Hal ini seiring dengan pendirian negara yang memandang serius literasi murid dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu.

## **5.5 Kesimpulan**

Kesimpulan yang dapat pengkaji rumuskan setelah tamat menjalankan kajian ini adalah pelaksanaan kemahiran membaca dalam Literasi Bahasa Melayu berada pada tahap yang positif. Pada masa sekarang para pendidik menghadapi pelbagai cabaran yang hebat dalam pendidikan pada hari ini. Walaupun kebanyakan sekolah mempunyai kelas pemulihan untuk bagi pelaksanaan KPBM, para pendidik tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam pelaksanaan KPBM kerana mempunyai halangan-halangan yang mencabar. Kajian ini juga menggambarkan tentang persepsi dan pemahaman guru dalam pelaksanaan KPBM iaitu kebanyakan guru mempunyai persepsi yang positif dalam pelaksanaan KPBM. Ada juga berpendapat bahawa pelaksanaan ini tidak mudah dilaksanakan jika tidak mendapat sokongan daripada

pihak-pihak tertentu. Hasil kajian ini boleh dijadikan batu asas untuk merangka pelbagai kaedah untuk menjayakan pelaksanaan KPBM supaya semua pelajar celik dalam literasi Bahasa Melayu pada masa yang akan datang.

Universiti Malaya

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Talib (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu*. Selangor: Utusan Publications.
- Abdul Jalil Othman, Mahzan Arshad dan Chew Fong Peng (2009). Reading comprehension of multiethnic literature in a multiethnic classroom: a case study of Malaysia: *Educare International Journal: Bandung Indonesia: Volume 1. Issue 2, N,d, M.s 119-128*.
- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam dan Saedah Siraj (2011). *Cabaran Guru Program Linus Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. m.s 45-46.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). *Keupayaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah Kebangsaan Luar Bandar*. Kertas Kerja ini dibentangkan di Kovenyuen Pendidikan Nasional pada 2-4 Jun 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN:2180-4842, Vol 1, Bil. 1 (Mei 2011): 1-12.
- Ahmad Fuad Hashim (1983). *Psikolinguistik dan Pemerolehan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sharbini Bin Abu Sharif (2012). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Program Buku Bacaan Sastera Sekolah Kebangsaan. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Allor, J. H. & Mc Cathren, R. B. (2003). Developing Emergent Literacy Skills through Storybook Reading. *Intervention in School and Clinic*, 39 (2), 72-79.
- Angus Macfarlane, (2012), Factors influencing reading literacy at the primary school.
- Belize Development Trust (2000). *Literacy of a Nation and Comprehension: Two Different Things*. Laporan 2 Mac 2009.
- Chew Fong Peng. (2015). Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 1-11.
- Chew, Fong Peng. (2017). Evaluation of the LINUS Program in National-Type Primary Schools. *Advanced Science Letters*, 23(3), 2057-2060(4).
- Chin Pooi Kwan. (2011). Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Menulis Dalam Bahasa Malaysia Bagi Kanak-Kanak Umur Enam Tahun di Lembah Klang. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.

- Chomsky, N. A. (1965). "Aspects of the theory of syntax". Cambridge, MA: MIT Press.
- Crawley, S. J., & Merrit, K. (2008). "Remediating reading difficulties. New York", NY: McGraw-Hill.
- Crowl, T. K., Kaminsky, S., & Podell, D. M. (1997). "Educational psychology. Madison", WI: Brown & Benchmark.
- Daniel Willingham, (2012). Ask the cognitive scientist *Why does family wealth affect learning*. *American Educator*, spring.
- Dennis, Lynch, dan Stockall, "Planning Literacy Environments for Diverse Preschoolers. Young Exceptional Children," *Young Exceptional Children* 15 (2012): 3-19.
- Fagan"Exploring Literacy Development: A Comparative Study of Low-Achieving Grade 9 Students in Newfoundland and Alberta," *Multiple Perspectives on Education and Society in Newfoundland and Labrador* 26(2) (1998): 624-638
- Fuziati Misbah. (2012). *Kajian tindakan meningkatkan penguasaan membaca murid Tahun Satu (LINUS) menggunakan kaedah Gabungan Bunyi Kata dengan Teknik Latih*. SK Sri Suria 2, Tanah Merah, Kelantan.
- Geske dan Ozola, "*Factors Influencing Reading Literacy at the Primary School Level*," *Journal Problems of Education in the 21st Century* 6 (2008): 71-77.
- Haak, Downer dan Reeve, "*Home Literacy Exposure and Early Language and Literacy Skills in Children Who Struggle With Behavior and Attention Problems*," *Early Education and Development* 23 (2012): 728-747.
- Hasnalee Tubah (2012). Tahap keberkesanan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu terhadap kemahiran membaca dan memahami dari perspektif Teori Psikososial Vygotsky (1935). Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pemantapan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Bahasa Melayu, 16-20 September, Kuching Sarawak.
- Jabatan Pendidikan Khas. (2012). Garis panduan pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2012. Diperoleh daripada [www.moe.gov.my/cms/upload\\_files/circularfile\\_file\\_000074.pdf](http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/circularfile_file_000074.pdf).
- Jim Wright, 2012. Response to Intervention: A Model to Help Struggling Students in General Education, 364 Long Road Tully, NY 13159
- Joanne, R., Julia, J. & Margaret, B. (2005). The role of home literacy practices in preschool children's language and emergent literacy skills. *Journal of Speech, Language, and Hearing Research* (Volume 48, m. s. 345-359). Chapel Hill: University of North Carolina.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010*. Kuala Lumpur: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012) Laporan kajian pelaksanaan pemulihan khas di sekolah rendah. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan, KPM. Diperoleh daripada [www.moe.my/upload/galeri/1275279590](http://www.moe.my/upload/galeri/1275279590).
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2020*. Kuala Lumpur: KPM.
- Kerajaan sasar 85 peratus ikuti prasekolah pada 2012 (2009, September 12). *Berita Harian Online*. Diperolehi Januari 24, 2010 daripada <http://www.bharian.com.my/69000-Children-Barely-Read-Or-Write>. (23 September 2006). *News Strait Times*.
- Koh Boh Boon. (1987). Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Guru Pemulihan Khas. *Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia*, 70.
- Mahzan Arshad, "Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan" (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, 2008).
- Meimon Sanai. (2009). Celik huruf: Lancar baca. *Buku Koleksi Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, hh. 102-112.
- Mercer, C.D., & Mercer, R.A. (1998). *Teaching Students with Learning Problems*. (5th Ed.). Upper Salt River, NJ: Prentice Hall, Inc, 89-98. Retrieved from <http://www.articlesnatch.com/Article/Teaching-A-Mixed-Ability-Class/997625>
- Ministry of Education. (2011). *Malaysia Education Blueprint 2012-2025*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Mohamad Sofee Razak. 2007. Intelek kurang membaca. *Utusan Malaysia*, 26 November. Sinar Harian 2010. Program bacaan Nilam kurang berkesan.
- Mohd. Fadzil, "Kebolehan Membaca dan Menulis" (Koleksi Persidangan Tahunan Jemaah Nazir, 1981).



- Morris et al., “*Using Classroom Management to Improve Preschoolers’ Social and Emotional Skills: Final Impact and Implementation Findings From the Foundations of Learning Demonstration in Newark and Chicago*” (New York: MDRC Working Paper, 2013).
- Munirah Ghazali et al. (2001, November). *Diagnosis of pupils’ learning difficulties in primary schools mathematics*. International Conference on Measurement and Evaluation in Education.
- Nor Laila Kuslan (2014). “*Aktiviti pemulihan bacaan di sebuah sekolah rendah*” *Satu kajian kes*. PhD thesis, University of Malaya.
- Nurul Ashikin Md Yatim (2012). *Kajian Tahap Penguasaan Kemahiran Literasi Membaca Dalam Bahasa Malaysia Bagi Kanak-kanak Prasekolah Di Klang*.
- Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hashim, Zuraida Shaadon (2012). “*Teknik Membaca SQ3R dan Penerapannya dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab*”. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.
- Sabar Mohamad. 2008. Tabiat membaca dalam kalangan pelajar luar bandar di Melaka. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Salmah Hassan, “*Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kelemahan Membaca di Kalangan Murid-Murid Tahun 5 Tahap 2 Sekolah Rendah*” (Kertas Projek IPSI, Tanjung Malim, 1988)
- Siti Syakimi Binti Mohd Yusoff. (2009). *Kesediaan Membaca Dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah di Shah Alam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Snow Catherine E (2002). *Reading for Understanding: Toward an R&D Program in Reading Comprehension*. RAND Publisher.
- Suzana Binti Abdullah (2013). *Peranan Perpustakaan Dalam Memupuk Tahap Dan Minat Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat. (2011) Faktor dan Kesan Masalah Membaca dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam *Dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol 1, Bil 1 (Mei 2011):89. M.s 2-5.
- Timothy Rasinski, (2013). When Kids can’t Read, What a Focus on Fluency can do: The Reading Clinic Experience at Kent State University.
- Timothy Rasinski, “*A Poem a Day Can Keep Fluency Problems at Bay*” Policy into Practice: Issue 4 (New York, United State, 2013).

Yahya Othman dan Dayang Raini Pakar (2011). Kesan Aplikasi Perisian Cerita Interaktif Semasa Mengajarkan Kemahiran Bacaan Dan Kefahaman Dalam Kalangan Murid Tahun 4 Di Brunei Darussalam. *Dalam Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 41-42.

Yap Swee Poh (2011). Keupayaan Memahami Teks Bahasa Melalui Berbentuk Prosa Dalam Kalangan Murid Tingkatan Satu. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Zulbaharen Ahmad, "*Kajian Tahap Masalah Tidak Boleh Membaca di Kalangan Murid Tahun Tiga*" (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1997).

Universiti Malaya